

Bil. 11

**Rabu
4 Mei 2016**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Dari pada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 22)
Melantik Jawatankuasa Pemilih di Bawah P.M 70(1)	(Halaman 23)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2015	(Halaman 24)
Rang Undang-undang Kanak-kanak (Pindaan) 2015	(Halaman 33)
Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2015	(Halaman 83)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Sri Doris Sophia Brodie.
3. " Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
4. " Datuk Abdullah bin Mat Yassim (Dilantik)
5. " Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)
6. " Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin (Terengganu)
7. " Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
8. " Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar - (Dilantik)
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
9. " Dato' Adam bin Abdul Hamid (Johor)
10. " Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
11. " Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki - (Dilantik)
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
12. " Puan Hajah Azizah binti Haji Harun (Dilantik)
13. " Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan (Dilantik)
14. " Dato' Boon Som A/L Inong (Dilantik)
15. " Dato' Chai Kim Sen (Dilantik)
16. " Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah (Selangor)(LS)
17. " Datin Paduka Chew Mei Fun - (Dilantik)
- *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
18. " Tuan Chia Song Cheng (Johor)
19. " Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
20. " Tuan Chong Sin Woon - (Negeri Sembilan)
- *Timbalan Menteri Pendidikan*
21. " Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
22. " Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib (Terengganu)
23. " Dato' Goonasakaren A/L Raman (Dilantik)
24. " Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
25. " Dato' Hoh Khai Mun (Pahang)
26. " Dato' Dr. Hou Kok Chung (Dilantik)
27. " Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (Dilantik)
28. " Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)(LS)
29. " Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh (Dilantik)
30. " Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
31. " Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya (Sabah)
32. " Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
33. " Dato' Khairudin bin Samad (Dilantik)
34. " Datuk Koh Chin Han (Melaka)

-
35. Yang Berhormat Dato' Lee Chee Leong - (Perak)
- *Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*
 36. " Datuk Lihan Jok (Sarawak)
 37. " Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan - (Dilantik)
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
 38. " Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
 39. " Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
 40. " Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin (Dilantik)
 41. " Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)
 42. " Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B)
 43. " Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty (Selangor)
 44. " Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
 45. " Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh bin Tun Said Keruak - (Dilantik)
- *Menteri Komunikasi dan Multimedia*
 46. " Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)
 47. " Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai (Dilantik)
 48. " Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin (Dilantik)
 49. " Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar (Pahang)
 50. " Datuk Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
 51. " Datuk Paul Low Seng Kuan - (Dilantik)
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
 52. " Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
 53. " Tuan Ramli bin Shariff (Perlis)
 54. " Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal (Dilantik)
 55. " Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff (Kedah)
 56. " Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian (Dilantik)
 57. " Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail (Pulau Pinang)
 58. " Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam (Dilantik)
 59. " Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
 60. " Tuan Wilfred Yong Chen Leong (Dilantik)
 61. " Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas (Dilantik)
 62. " Datuk Yoo Wei How (Dilantik)
 63. " Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Wilayah Persekutuan Labuan)
 64. " Datuk Zali bin Mat Yasin (Dilantik)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Negara
Encik Riduan bin Rahmat

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Monarita binti Mohd Hassan
Azhari bin Hamzah
Rosna binti Bujairomi
Noraidah binti Manaf
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Siti Norlina binti Ahmad

Suriyani binti Mohd. Noh
Yoogeswari A/P Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman
Nurul Fadhilah binti Ibharim
Hizamihatim Maggiha bin Juara

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA

Rabu, 4 Mei 2016

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, adakah penguatkuasaan secara menyeluruh mengurus sisa pepejal bahan binaan yang dihasilkan oleh tapak bina, individu yang membina rumah atau ubahsuai rumah, syarikat-syarikat utiliti apabila mengorek jalan bagi tujuan menanam atau baikpulih kabel dan paip bawah tanah agar sisa-sisa pepejal ini diurus dengan baik dan tidak memberi ancaman keselamatan kepada orang awam.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit atas soalan yang telah pun dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, pengurusan sisa pepejal yang berkesan, cekap dan berdaya maju merupakan salah satu daripada elemen yang penting dalam kita menjaga kelestarian alam sekitar dan juga kehidupan manusia dan penjanaan sisa binaan yang merupakan salah satu daripada kategori sisa pepejal terkawal hasil daripada aktiviti-aktiviti pembinaan yang berlaku di tapak bina, perobohan dan juga bina semula. Serta kerja-kerja pengubahsuaian yang dilakukan oleh individu perlu diambil perhatian dan juga tindakan agar dapat diuruskan secara berkesan dan bersistematik.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk makluman Yang Berhormat Senator, telah pun menyediakan Garis Panduan Pengurusan Sisa Pepejal Pembinaan di Tapak Bina 2015 yang terpakai kepada:

- (i) pemaju, jurutera, arkitek, perunding dan perancang bandar bagi kerja-kerja pembinaan bangunan baru; dan
- (ii) individu perseorangan dan juga kontraktor pembinaan dan perobohan yang melibatkan kerja-kerja pengubahsuaian, perobohan serta juga projek infrastruktur di tapak bina.

Garis panduan ini Tuan Yang di-Pertua, perlu diguna pakai dengan tujuan:

- (i) untuk mengurangkan kuantiti penjanaan sisa pepejal pembinaan di tapak-tapak bina dan juga untuk mengurangkan penghantaran sisa pepejal ke tapak-tapak pelupusan;
- (ii) untuk mempraktikkan dan membudayakan amalan 3R iaitu *reduce* iaitu pengurangan, *reuse* atau guna semula, dan *recycle* atau kitar semula terhadap sisa-sisa binaan yang seterusnya dapat meningkatkan kadar kitar semula;

- (iii) untuk mencegah aktiviti pelupusan sisa pepejal pembinaan secara haram; dan
- (iv) untuk seragamkan pengurusan sisa pepejal pembinaan di tapak bina di tujuh buah negeri yang telah menggunakan pakai Akta 672.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memantapkan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan ke arah pengurusan sisa pepejal pembinaan di tapak bina yang bersistematik, maka Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun mengemukakan peraturan-peraturan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di bawah Skim Bagi Sisa Pepejal Pembinaan 2015 kepada Peguam Negara. Untuk menguatkuasakan peruntukan perundangan di semua tapak bina pembangunan baru, pengubahsuaian, perobohan serta projek infrastruktur bagi tujuh buah negeri yang menggunakan pakai Akta 672.

Tuan Yang di-Pertua, manakala bagi negeri-negeri yang tidak menerima pakai Akta 672 ini, tindakan penguatkuasaan masih lagi boleh diambil oleh pihak berkuasa tempatan dalam menguruskan sendiri perkhidmatan kebersihan di bawah seksyen 72(1)(a), Akta 171 dan juga undang-undang kecil masing-masing di bawah seksyen 73(1)(a)(i) dan (2). Selain daripada itu, pihak berkuasa tempatan juga boleh mengambil tindakan kepada mana-mana orang atau individu di bawah Akta 133 yang melibatkan seksyen-seksyen seperti berikut:

- (i) seksyen 44 iaitu pemunya ataupun penduduk bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan jalan;
- (ii) seksyen 46(1)(f), mana-mana orang yang meletakkan ataupun menyebabkan diletak sampah kebun, sampah dapur atau sampah tred ataupun apa-apa benda dan barang lain di mana-mana tempat awam yang menyebabkan halangan adalah bersalah dan boleh diambil tindakan sewajarnya. Bagi seksyen 47(1) dan (2) bagi kesalahan meletakkan atau membuang sampah termasuk sisa-sisa pepejal bahan binaan atau jalan atas jalan-jalan atau tempat-tempat awam boleh ditangkap tanpa waran oleh mana-mana pegawai polis atau pihak berkuasa tempatan dan boleh juga dibawa ke Mahkamah Majistret.

■1010

Apabila disabitkan, boleh didenda tidak lebih dari RM1,000 dan bagi sabitan kali kedua, denda tidak melebihi RM2,000. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, mana-mana pihak boleh membuat aduan ya Yang Berhormat? Kalau terdapat kacau ganggu daripada segi pembuangan sisa-sisa binaan, terutama kepada individu dalam kawasan taman dan sebagainya ya, selain yang berlaku di tapak-tapak bina, kepada mereka, mereka boleh membuat aduan kepada pihak berkuasa tempatan dan jika mendapati bahawa sisa pepejal di tapak bina ataupun yang diuruskan akibat daripada pembinaan ataupun ubahsuaian kepada mana-mana rumah yang tidak diurus dengan baik yang boleh memberi ancaman keselamatan kepada orang awam supaya tindakan penguat kuasa itu boleh diambil oleh pihak yang berkenaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana telah memberi satu jawapan yang amat jelas dan lengkap. Cuma saya ingin bertanya, soalan tambahan saya, bolehkah kementerian mewajibkan satu ketetapan perundangan agar pengelasan, pembungkusan dan pelabelan sisa pepejal binaan dan kerja kejuruteraan dibuat oleh pengguna demi memastikan urusan pengendalian dan pengurusan lebih cekap dan efektif. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya sebutkan tadi, pihak kementerian telah pun mengangkat cadangan peraturan-peraturan yang akan diguna pakai di bawah peruntukan Akta 672 dan antara perkara-perkara yang ada di dalam itu Yang Berhormat termasuklah mungkin saya boleh bagi sebahagian daripada contoh cabutan. Bukan contoh, cabutan daripada peraturan-peraturan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di bawah skim bagi sisa pepejal pembinaan 2015 yang telah pun diangkat kepada Peguam Negara iaitu kewajipan pengasingan sisa pepejal, pembinaan atau pemunya sisa pepejal termasuklah perkara-perkara yang telah pun dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Jadi saya harap kepada Yang Berhormat dan juga kepada seluruh rakyat jelata, bukan sahaja dengan peruntukan perundangan ini untuk menguruskan pengurusan sisa pepejal di tapak bina atau pun kepada individu yang mahu membina ataupun mengubah suai rumah masing-masing tetapi sepatutnya masyarakat juga perlu bertanggungjawab. Maknanya kalau mahu menguruskan pembinaan baru ataupun ubahsuaian kepada rumah-rumah di kawasan-kawasan taman-taman contohnya, ambil kira tentang sensitiviti dan ambil kira tentang keperluan menjaga kebersihan dan juga keselamatan awam yang ada. Jadi untuk soalan Yang Berhormat, jangan bimbang Yang Berhormat kerana peraturan itu telah pun dilihat kepada persediaan yang telah pun diangkat kepada Peguam Negara. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bolehkah kementerian memberikan satu langkah *affirmative* dengan mewujudkan satu siri perundangan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal berkaitan dengan fi atau bayaran standard pasaran bagi pelupusan bahan-bahan binaan awam atau kejuruteraan agar monopoli dan eksploitasi pasaran tidak berlaku. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan pada hari ini pengurusan kepada sisa-sisa pepejal yang dihasilkan di tapak-tapak bina atau pun oleh individu yang membina atau mengubah suai rumah-rumah mereka. Jadi, peruntukan yang saya nyatakan ini menjurus kepada urusan penguatkuasaan perundangan kepada mereka yang melakukan salah laku atas peruntukan yang akan dimasukkan sebagai peraturan di dalam Akta 672. Cadangan Yang Berhormat itu mungkin boleh diambil oleh pihak SW Corp. untuk dipertimbangkan dalam pelaksanaan yang akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Soalan nombor 2, Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader, saya ingat tidak ada dalam Dewan.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mewakili beliau mengemukakan soalan nombor 2?

Tuan Yang di-Pertua: Saya mohon maaf, saya tak boleh benarkan kerana saya tidak diberitahu oleh beliau yang Yang Berhormat akan mewakili beliau.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Okey Tuan Yang di-Pertua.

[Soalan No. 2 – Yang Berhormat Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader tidak hadir]

3. Datin Hajah Rahimah binti Haji Mahamad minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, inisiatif kerajaan memberi kepercayaan kepada golongan wanita terutama dalam menerajui industri berisiko, mencabar serta berat.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menggalakkan golongan wanita untuk memasuki pasaran pekerjaan dan ini selaras dengan teras strategi RMKe-11 iaitu merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran dan telah menetapkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita kepada 59 peratus menjelang tahun 2020.

Walaupun kaum wanita mempunyai limitasi menceburi sektor yang memerlukan kudrat dan fizikal, namun dengan perkembangan seiring teknologi kini, tidak mustahil untuk wanita menceburi bidang yang mencabar dan berisiko ini seperti bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan.

Buat masa ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak mempunyai inisiatif yang spesifik untuk melibatkan wanita dalam industri berat dan berisiko. Walau bagaimanapun, wanita tidak seharusnya disekat dalam apa-apa bidang dan perlu diberi pilihan sekiranya mahu memilih bidang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Datin Hajah Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan saya tadi. Soalan tambahan saya, bagaimana Yang Berhormat Menteri melihat ketidakseimbangan dalam dua senario iaitu di IPTA dan IPTS, ramai penuntut wanita tetapi di sektor pekerjaan sama ada kerajaan ataupun swasta, golongan lelaki mengatasi kaum wanita kerana wanita memilih untuk menjadi suri rumah sepenuh masa dan menjaga anak dan keluarga. Mohon pandangan Yang Berhormat Menteri.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Datin Hajah Rahimah. Sebenarnya kerajaan telah ambil satu inisiatif untuk kita menggalakkan dan meningkatkan wanita dalam bidang kerjaya. Oleh itu, kita telah pun ambil inisiatif seperti:

- (i) kita adakan *flexi work*;
- (ii) kita menyediakan perkhidmatan seperti taska supaya wanita, mereka boleh bekerja dan mewujudkan satu alam sekitar yang mesra kepada wanita;
- (iii) melalui bekerjasama dengan TalentCorp., mereka telah pun adakah satu skim iaitu *career come back scheme* yang mana kita menggalakkan dan bagi insentif kepada syarikat-syarikat yang mana mereka beri latihan kepada wanita yang telah letak jawatan kerana perlu jaga anak mereka selepas bersalin untuk mereka balik ke karier dan kerjaya. Inilah apa yang inisiatif yang diambil oleh kerajaan dan kami juga harap, kita dapat meningkatkan kadar wanita di dalam bidang kerjaya ini dari 50 peratus sampai kepada 59 peratus pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

YM. Engku Naimah binti Engku Taib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kehadiran Ahli Jawatankuasa dan Ahli Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Besut, bahagian saya di atas sana seramai 25 orang yang sangat untuk berada dalam merasai keghairahan berada di dalam Dewan yang mulia ini. Selamat datang kita ucapkan.

Pada tahun 2014, wanita merupakan 10.2 peratus daripada ahli lembaga pengarah syarikat awam tersenarai ataupun *public listed companies*, dengan izin.

■1020

Soalan tambahan saya, apakah langkah dan perancangan kerajaan bagi mencapai sasaran sebanyak 30 peratus pada tahun 2016 sebagaimana matlamat Rancangan Malaysia Ke-11? Kedua, wanita merupakan 48.7 peratus daripada jumlah penduduk dan 61 peratus daripada jumlah mahasiswa di Malaysia. Apakah langkah kerajaan untuk memanfaatkan wanita ini di semua peringkat? Seterusnya, mewujudkan lebih banyak peluang bagi wanita untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan kepada 59 peratus menjelang tahun 2020? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Untuk soalan kedua tadi saya telah pun jawab.

Untuk soalan pertama, kami telah pun mewujudkan atau mengadakan sebuah kelab iaitu 30 peratus buah kelab yang mana kita dapat sokongan dari PLC dan juga korporat supaya mereka melantik wanita jadi direktur mereka. Ini langkah pertama.

Kedua, melalui NIEW, kita telah pun ada latihan atau kursus untuk kita beri latihan kemahiran kepada wanita yang kelayakan untuk jadi *director* di PLC. Oleh itu, kita selalu bekerjasama dan kita selalu ada perbincangan. Kita lobi dengan semua korporat dan melalui juga kerajaan kita akan meningkatkan penyertaan atau peratusan wanita dalam peringkat pengurusan. Sekian, terima kasih.

4. Datuk Seri Boon Som A/L Inong minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, berapa ramai pekerja telah ditamatkan perkhidmatan dalam menghadapi kemerosotan ekonomi setakat ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Boon Som A/L Inong.

*Makan nasi, makan ketupat,
Saya jawab soalan nombor empat.*

Tuan Yang di-Pertua, ketidakstabilan pasaran ekonomi nasional dan global yang didorong kejatuhan nilai Ringgit telah mempengaruhi permintaan dan penawaran pasaran guna tenaga negara. Pengukuhan mata wang Dolar Amerika yang menyusut nilai Ringgit walaupun sekarang nilai Ringgit agak bertambah baik, juga turut memberi kesan kepada ekonomi negara sehingga ada sebahagian majikan terpaksa mengambil tindakan pemberhentian pekerja bagi mengurangkan kos operasi atau terpaksa menutup terus operasi mereka. Bagi tahun 2015, seramai 38,429 orang pekerja telah ditamatkan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua jenis tindakan pemberhentian pekerja. Pertama ialah pemberhentian biasa. Pemberhentian biasa tindakan penamatan kontrak oleh majikan atau syarikat yang mengalami kewangan ataupun perubahan struktur perniagaan yang disusun semula mengakibatkan berlaku lebih tenaga kerja. Pekerja yang diberhentikan akan dibayar faedah perkhidmatan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Kerja 1995 ataupun Pemberian Perjanjian Bersama atau *Collective Agreement*, dengan izin.

Kedua ialah pemberhentian secara sukarela atau VSS. Pemberhentian VSS tindakan alternatif kepada pemberhentian biasa, di mana pekerja sendiri menawarkan diri dan bersetuju untuk menamatkan pekerjaan oleh majikan dengan syarat majikan membayar faedah penamatan ataupun pampasan yang lebih baik daripada peruntukan undang-undang. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia, pemberhentian pekerja berlaku dalam hampir semua sektor ekonomi di negara ini.

Pada tahun 2015, pemberhentian pekerja paling tinggi berlaku dalam sektor aktiviti kewangan dan insurans yang melibatkan 17,628 orang pekerja atau merupakan 46 peratus daripada jumlah keseluruhan pekerja diberhentikan. Daripada jumlah ini, hanya 414 orang pekerja atau 2 peratus sahaja yang diberhentikan, manakala 17,214 orang pekerja telah memilih tawaran di bawah Skim Pemberhentian Secara Sukarela. Sektor kewangan dan insurans antara sektor yang telah menawarkan pakej yang tinggi daripada segi pampasan yang menarik minat pekerja untuk memilih Skim VSS.

Walau bagaimanapun, dalam sektor-sektor lain, bilangan pekerja yang diberhentikan adalah 85 peratus atau 18,194 orang berbanding pekerja yang memilih VSS iaitu sebanyak 15 peratus atau 2,694 orang. Berdasarkan maklumat ini, dapat disimpulkan bahawa pemberhentian pekerja akibat kemelesetan ekonomi pada tahun 2015 masih dalam keadaan terkawal. Oleh sebab pemberhentian pekerja dalam sektor kewangan dan insurans ini berlaku bukan kerana krisis ekonomi yang sedang melanda tetapi lebih kepada pelaksanaan teknologi maklumat dan komunikasi.

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita berdoa agar keadaan ekonomi dunia dan negara akan bertambah pulih bagi kita pastikan supaya keharmonian hidup pekerja dan kita dapat kita lalui. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Boon Som A/L Inong: Terima kasih Menteri kerana menjawab, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dengan jawapan yang begitu terperinci dan juga suara yang merdu. Soalan tambahan saya, apa pendirian kementerian terhadap kenyataan yang dibuat oleh Persatuan Majlis Majikan Malaysia pada 2 Mei lalu iaitu 30,000 orang pekerja di seluruh negara mungkin terpaksa berhenti kerja sebelum bulan Julai ini jika kerajaan menguatkuasakan perintah gaji minimum pada 1 Julai tahun ini. Padahal pelaksanaan perintah gaji minimum ini sepatutnya sudah dilaksanakan dua tahun lalu tetapi ditangguhkan. Sekarang mereka meminta tangguh lagi atas alasan masalah ekonomi dan bagi alasan jika terlaksana, 30,000 orang pekerja lagi mungkin berhenti kerja. Apakah pendirian kerajaan?

Satu soalan lagi, apakah bentuk perlindungan undang-undang kepada pekerja tempatan berbanding pekerja asing sekiranya syarikat bercadang untuk mengurangkan jumlah pekerja? Terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Boon Som A/L Inong. Tentang soalan pertama, sebenarnya kita tidak menerima lagi. Itu adalah mungkin berita-berita yang disampaikan oleh Persatuan Majlis Majikan Malaysia, pekerja yang akan berhenti 30,000 orang dan sebagainya. Pelaksanaan gaji minimum akan dikuatkuasakan bagi kajian yang pertama ini pada 1 Julai ini kerana pelaksanaan gaji minimum yang pertama telah pun dilaksanakan iaitu RM900 di Semenanjung dan RM800 di Sabah, Sarawak dan Labuan. Makna, kerja selepas semakan yang pertama dibuat RM1,000 di Semenanjung bermula 1 Julai dan RM950 di Sabah, Sarawak dan juga Labuan.

Kita sebenarnya belum mendapat apa-apa notis ataupun maklumat daripada majikan-majikan. Oleh sebab telah menjadi syarat kepada majikan, apabila mereka hendak memberhentikan pekerja mereka, mereka mestilah memberikan notis kepada kita, memberitahu kementerian 30 hari sebelum setiap pekerja diberhentikan. Makna, *rumors* atau khabar-khabar angin atau berita-berita ini sepatutnya tidak boleh kita ambil sebagai kementerian yang bertanggungjawab.

Walau bagaimanapun, kita bersedia untuk memastikan supaya pelaksanaan gaji minimum ini tidak memberikan kesan kepada pemberhentian pekerja. Kita telah pernah sarankan beberapa syarat ataupun pandangan bagi membolehkan majikan tidak memberhentikan pekerja tetapi mungkin membuat *adjustment* ataupun penyelarasan sedikit daripada segi tempoh bekerja, bayaran elaun dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang kedua tentang apakah perlindungan yang diberikan oleh kerajaan kepada pekerja kita kalau andai kata ada pekerja yang akan diberhentikan di antara pekerja swasta ataupun pekerja tempatan dan asing. Tuan Yang di-Pertua, majikan hendaklah memberikan tempoh notis dan membayar gaji notis yang mencukupi kepada pekerja mereka mengikut kontrak perkhidmatan tetapi tidak boleh kurang daripada yang ditetapkan di bawah seksyen 12(2), Akta Kerja.

Majikan juga diwajibkan membayar faedah pemberhentian kerja mengikut kontrak perkhidmatan tetapi tidak boleh kurang daripada kadar yang telah ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Kerja (Faedah-faedah Penamatan dan Rentikerja Sentara) 1980, iaitu 10 hari gaji bagi setiap tahun penggajian sekiranya dia telah bekerja dalam tempoh kurang dari dua tahun, 15 hari gaji bagi setiap tahun penggajian sekiranya telah bekerja dalam tempoh dua hingga lima tahun, dan 20 hari gaji bagi setiap tahun penggajian sekiranya telah bekerja dalam tempoh lima tahun atau lebih.

■1030

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu, di bawah seksyen 60M Akta Kerja 1955 [Akta 265] memperuntukkan bahawa tiada majikan boleh menamatkan pekerja tempatan dengan tujuan mengambil kerja seorang pekerja asing. Maknanya, tidak boleh seorang pun pekerja tempatan ditamatkan kerana hendak mengambil seorang pekerja asing.

Di bawah akta yang sama, seksyen 60N, sekiranya majikan dikehendaki mengurangkan tenaga kerjanya oleh sebab lebih pekerja yang memerlukan pengurangan pekerja, maka majikan tidaklah boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pekerja tempatan melainkan pekerja asing dalam kategori pekerjaan yang sama ditamatkan terlebih dahulu. Ini jaminan yang diberikan oleh kerajaan dalam peraturannya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Bagaimanakah kerajaan melalui *JobsMalaysia* memberikan bantuan kepada pekerja-pekerja kita yang diberhentikan bagi mendapatkan pekerjaan di sektor industri dengan meningkatkan keupayaan Kementerian Sumber Manusia dalam mengadakan pangkalan data *job matching* dengan industri dengan pemohon kerja? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Puan Shahanim arif tentang bagaimana tindakan kerajaan boleh membantu pekerja-pekerja yang akan ditamatkan melalui *JobsMalaysia* punya sistem.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa tindakan kerajaan dan kementerian dalam menghadapi isu ini telah pun diambil oleh pihak Kementerian Sumber Manusia dan kerajaan. Kementerian Sumber Manusia telah mengambil tindakan yang drastik berhubung dengan isu pemberhentian kerja dengan menubuhkan Pusat Operasi Pemantauan Penamatan Pekerja (POPK) peringkat nasional. Pusat operasi bertempat di Ibu Pejabat Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia, Aras 5 Blok B Kompleks B, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya. Pusat operasi di peringkat negeri juga telah ditubuhkan bagi menjalankan pemantauan secara rapi dan proaktif. Majikan diwajibkan untuk melaporkan cadangan pemberhentian dengan mengemukakan Borang Pemberhentian (Borang PK) dalam tempoh 30 hari seperti mana saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, 30 hari tindakan kementerian dilakukan sebagaimana seksyen 63. Kemudian antara lain tujuan Borang PK ini memastikan hak-hak pekerja dibayar mengikut undang-undang, memastikan majikan mengikut garis panduan pemberhentian kerja yang telah pun ditetapkan, membantu penempatan semula pekerja-pekerja yang telah diberhentikan berdaftar dengan Portal *JobsMalaysia* atau meningkatkan kemahiran baru melalui jabatan dan agensi di bawah kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, kita selaku Pengerusi Jawatankuasa Pusat Operasi peringkat nasional ini dan Pengerusi Jawatankuasa peringkat negeri mengadakan mesyuarat tiap-tiap bulan dengan agensi-agensi berkaitan seperti setiausaha kerajaan negeri, Unit Perancangan Ekonomi, *Malaysia Industry Development Authority* (MIDA), *Malaysia Employers Federation* dan *Malaysia Trades Union Congress*, dengan izin, untuk mendapatkan input dan maklumat awal berhubung cadangan penutupan sesebuah syarikat. Selain itu, jawatankuasa ini juga turut berperanan untuk menempatkan pekerja-pekerja yang diberhentikan melalui penglibatan pihak kesatuan majikan yang turut menjadi ahli jawatankuasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu antara usaha-usaha yang dibuat termasuklah melalui *JobsMalaysia* dan bagaimana kita boleh dengan pendaftaran *JobsMalaysia* ini, pekerja-pekerja yang diberhentikan akan kita *match*kan dengan ruang-ruang pekerjaan yang ada di dalam majikan-majikan yang tertentu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta Menteri Pendidikan menyatakan, sejauh manakah iltizam kerajaan dalam memartabatkan bahasa ibunda dalam menjayakan agenda keilmuan termasuk meyakini kemampuan Bahasa Melayu dalam pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]: Terima kasih atas soalan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Dewan Bahasa dan Pustaka melaksanakan usaha penggubalan dan penyusunan kamus dan glosari istilah dalam pelbagai bidang ilmu merangkumi bidang sains dan teknologi dan bidang sains sosial dan kemanusiaan seiring dengan perkembangan ilmu dan kehendak pengguna pelbagai peringkat.

Antara komitmen Dewan Bahasa dan Pustaka dalam usaha untuk melaksanakan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) menerbitkan enam buah glosari iaitu Glosari Sains Sekolah Menengah, Glosari Sains Sekolah Menengah Rendah, Glosari Sains Sekolah Rendah, Glosari Matematik Sekolah Menengah Atas, Glosari Matematik Sekolah Menengah Rendah dan Glosari Matematik Sekolah Rendah.

Glosari-glosari ini disusun khusus untuk kegunaan murid sekolah di Malaysia selaras dengan kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain diterbitkan dalam bentuk cetak, istilah-istilah di dalam glosari tersebut boleh dicapai di laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu di alamat <http://prpm.dbp.gov.my>. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri.

Berasaskan Perlembagaan Persekutuan, kita telah memulakan Sistem Pendidikan Kebangsaan dengan menggunakan Bahasa Melayu sejak negara mencapai kemerdekaan. Kemuncak pelaksanaan ialah apabila universiti tempatan mulai menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pendidikan tinggi pada awal tahun 1970-an. Hasilnya, hari ini Malaysia memiliki ratusan ribu bakat akademik, saintis, profesional dan pengurus yang berjaya dididik menggunakan Bahasa Melayu.

Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian mempunyai *political will*, dengan izin, dengan melihat penggunaan Bahasa Malaysia satu tanggungjawab moral dan sosial seterusnya beriltizam memperkasa Bahasa Melayu STEM sebagai bahasa pendidikan dan ilmu tinggi sama seperti negara maju yang lain yang menegakkan bahasa ibunda tetapi turut mahir dalam bahasa Inggeris jika sekiranya pembentangan kertas kerja di peringkat antarabangsa? Mohon pandangan kementerian. Terima kasih.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas soalan tambahan.

Seperti mana yang banyak kali diumumkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bahawa di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu, Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI), kementerian tidak pernah melupakan tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia untuk kita memartabatkan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Maka, apa yang dilakukan di negara kita ini ialah selama ini penggunaan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan, bahasa pengajian di dalam semua sekolah kita, sekolah kebangsaan kita memang diteruskan. Walaupun sekarang kita menggunakan DLP, itu pun seperti mana yang pernah dan banyak kali kita memperjelaskan, ialah satu program di bawah MBMMBI tanpa kita melepaskan tanggungjawab kita untuk memartabatkan Bahasa Melayu. Maka, setiap sekolah yang bersedia boleh merayu untuk mendapatkan DLP.

Di samping itu, bukan sahaja seperti mana jawapan saya untuk glosari-glosari sahaja tetapi di bawah usaha Dewan Bahasa dan Pustaka, kita telah menerbitkan buku ataupun judul teknologi sebanyak 102 judul, buku sains tulen sebanyak 24 judul, kamus sains sebanyak 46 judul, glosari dan istilah-istilah sains sebanyak 88 judul diterbitkan, semuanya dalam Bahasa Melayu. Jadi, sekian lama kita masih melaksanakan Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu kita. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengadakan Makmal Bahasa Melayu bagi menyahut Dasar MBMMBI agar seimbang atau melebihi daripada usaha memperkukuhkan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar.

■1040

Soalan tambahan saya, sejauh mana usaha dibuat dalam makmal tersebut dalam memastikan Bahasa Melayu ini dimartabatkan dan menjadi medium utama dalam STEM seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi ada 120, itu sebahagian daripada hasil ini. Kenapakah penyamarataan Bahasa Melayu ini seperti dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) tidak mendapat sokongan ataupun tidak dibuat sepenuhnya di sekolah rendah, sekolah SJK(C)? Mohon jawapan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan. Memang Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengadakan satu Makmal Bahasa Melayu baru-baru ini tahun 2016 bagi membincangkan lima bidang utama untuk memartabatkan Bahasa Melayu iaitu:

- (i) kerangka standard Bahasa Melayu;
- (ii) pengukuhan pendidikan Bahasa Melayu;
- (iii) profesionalisme keguruan;
- (iv) penyelidikan hubungan luar dan publisiti; dan
- (v) hala tuju pendidikan Bahasa Melayu.

Matlamat Makmal Bahasa Melayu ini adalah untuk melonjakkan pemerolehan dan kompetensi Bahasa Melayu pada semua peringkat pendidikan dan makmal ini juga bertujuan untuk memperincikan sembilan strategi utama Pelan Strategik Memartabatkan Bahasa Melayu. Maka keputusan-keputusan yang dicapai di dalam makmal tersebut telah dimasukkan dalam kerangka dan akan dilaksanakan di bawah program Kementerian Pendidikan Malaysia.

Menjawab kepada soalan tambahan kedua berkenaan dengan penyamarataan Bahasa Melayu di SJK(C) dan SJK(T), kita kena menerima satu hakikat iaitu waktu pembelajaran yang menggunakan Bahasa Melayu di sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan adalah berbeza. Di sekolah jenis kebangsaan kalau SJK(C), semua mata pelajaran dalam bahasa Cina selain daripada Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris ataupun subjek agama. Begitu juga di SJK(T) semua subjek diajar dalam bahasa Tamil selain Bahasa Melayu, bahasa Inggeris.

Maka waktu pendedahan di SJK ini jauh berbeza dengan yang mendapat waktu pendedahan di SK. Sekiranya di situ kita menggunakan penyamarataan standard dia di antara SK dan SJK, maka sukar sangat untuk budak-budak SJK(T) atau SJK(C) ini untuk mencapai penyamarataan. Walau bagaimanapun, di bawah KSSR, kita mempunyai standard kurikulum yang sama iaitu apa yang dipelajari di SK adalah sama dengan apa yang dipelajari di SJK(C) atau SJK(T) cuma tahap kesusahan itu berlainan. Itu mengambil kira realiti di SJK. Akan tetapi bila kita sampai ke sekolah menengah, semuanya standard yang sama di KSSM. Jadi tidak ada isu penguasaan bahasa tersebut apabila kita memasuki ke tahap sekolah menengah. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat menteri yang memberi jawapan yang rapi tetapi ada juga cadangan bahawa soalan ini sering dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam isu memartabatkan bahasa Malaysia. Saya harap kementerian Yang Berhormat ini akan membuat cadangan yang barulah kerana jawapan ini agak sama. Dalam minggu ini saya nampak memang sama so saya haraplah boleh memartabatkan lagi bahasa Malaysia kita ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, memang pandai menjawab.

6. Dato' Chai Kim Sen minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah langkah-langkah kerajaan menyemak semula dasar atau syarat untuk mempertingkatkan pengambilan orang kurang upaya (OKU) di sektor swasta agar sumbangan golongan OKU tidak dipinggirkan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan komited dalam usahanya untuk memastikan golongan OKU mendapat kesaksamaan hak dan peluang seperti anggota masyarakat yang lain dalam semua aspek kehidupan termasuk akses kepada pekerjaan. Perkara ini penting bagi membolehkan golongan OKU berdikari dan menjalani kehidupan bermaruah.

Komitmen ini dizahirkan melalui seksyen 29, Akta Orang Kurang Upaya 2008 serta salah satu strategi yang digariskan di bawah Dasar dan Pelan Tindakan OKU. Selain itu, Malaysia sebagai negara pihak kepada konvensyen mengenai hak OKU terikat untuk melaksanakan komitmen dan obligasi di bawah konvensyen ini, termasuk akses kepada pekerjaan bagi golongan OKU seperti yang diperuntukkan di bawah Artikel 27.

Di samping itu, komitmen terbaru negara iaitu *Incheon Strategy to "Make the Right Real" For Persons with Disabilities in Asia and the Pacific 2013–2022*, dengan izin, turut menekankan tentang aspek pengurangan kemiskinan dan peningkatan prospek perjawatan OKU melalui *goal* pertama di bawah strategi ini. Selaras dengan perkembangan semasa dan komitmen terbaru negara di peringkat antarabangsa dalam memperjuangkan hak golongan OKU, kerajaan telah menyemak semula pelan tindakan OKU sedia ada bagi memperkemas lagi pelaksanaannya serta mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh dasar OKU.

Pelan Tindakan OKU 2016 ke-2022 yang baru melalui Teras Strategik 2 iaitu memperkasa ekonomi golongan OKU turut memuatkan program-program untuk meningkatkan penyertaan golongan OKU dalam pasaran pekerjaan terbuka, *inclusive* dan boleh diakses bagi membolehkan mereka hidup berdikari dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Selain itu, satu Jawatankuasa Kerja atau *task force* yang diberi nama Jawatankuasa Pemantauan Isu Ketidakupayaan telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Azidah Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. *Task force* ini berperanan memantau dan membincangkan isu-isu semasa di peringkat pelaksanaan khususnya elemen pemerkasaan OKU dan pengupayaan sosial yang menjurus kepada aspek *accessibility* merangkumi pekerjaan dan kemudahan, *amenity* perkhidmatan serta bangunan awam.

Selaras dengan usaha untuk meningkatkan penyertaan OKU dalam sektor pekerjaan khususnya sektor swasta, kerajaan juga telah menyediakan beberapa insentif berbentuk potongan cukai kepada pihak swasta yang menggaji OKU pekerja di syarikat mereka. Insentif ini juga merupakan manifestasi komitmen kerajaan bagi menggalakkan syarikat swasta menggaji OKU. Antara insentif yang diberikan adalah:

- (i) potongan cukai berganda bagi penggajian OKU;
- (ii) potongan cukai terhadap perbelanjaan pengubahsuaian premis dan pembelian peralatan OKU; dan
- (iii) potongan cukai berganda kepada syarikat terhadap perbelanjaan kos latihan golongan OKU bukan pekerja syarikat mereka di institusi latihan di Malaysia.

Selain itu, JKM dengan kerjasama *Japan International Cooperation Agency* iaitu JICA, telah memperkenalkan perkhidmatan *job coach* sebagai salah satu inisiatif sokongan pekerjaan kepada golongan OKU. *Job coach* berperanan sebagai penghubung antara majikan dengan pekerja OKU serta bertindak membantu mereka membuat penyesuaian kepada persekitaran kerja dengan mengambil kira keupayaan OKU agar dapat bekerja dalam keadaan selesa dan produktif. Setakat bulan Jun 2015, hampir 241 buah syarikat swasta telah mengambil lebih kurang 431 orang OKU bekerja dengan menggunakan perkhidmatan *job coach* termasuk dari syarikat swasta dan badan bukan kerajaan. Sekian, terima kasih.

Dato' Chai Kim Sen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah, adakah kementerian mempunyai garis panduan yang cukup memastikan kebajikan golongan OKU ini terjamin sekiranya mereka berkhidmat di badan-badan swasta. Di samping itu, adakah kementerian mempunyai mekanisme tadbir urus yang lebih berkesan untuk menangani kesinambungan masa depan golongan OKU di negara kita ini. Sekian, terima kasih.

■1050

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya kerajaan atau kementerian telah pun ada banyak langkah untuk meningkatkan peluang pekerjaan orang OKU. Untuk selain daripada apa yang saya telah pun sebut tadi, bagi meningkatkan peluang pekerjaan dan menggalakkan penggajian OKU dalam sektor swasta, kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia yang mempengerusikan Jawatankuasa Pekerjaan di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya sering mengadakan perbincangan berkaitan peluang pekerjaan kepada OKU di sektor swasta.

Kedua, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Kementerian Sumber Manusia telah pun mewujudkan Sistem Penempatan Orang Kurang Upaya untuk mendapatkan profil dan data terkini OKU yang mohon pekerjaan di sektor swasta. Sistem ini membolehkan padanan pekerjaan dibuat antara calon OKU dengan jawatan yang bersesuaian di sektor swasta.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya di bawah seksyen 29, Akta Orang Kurang Upaya, kewajipan sosial majikan telah pun ditetapkan di dalam akta ini:

- (i) orang kurang upaya hendaklah mempunyai hak turut akses kepada pekerjaan atas asas kesetaraan dengan orang upaya;
- (ii) majikan hendaklah melindungi hak orang kurang upaya atas asas kesetaraan dengan orang upaya untuk mendapatkan suasana kerja yang adil dan baik termasuk peluang sama rata dan saraan sama rata bagi kerja yang sama nilai, suasana kerja yang selamat dan sihat, perlindungan daripada gangguan dan memulihkan ketidakpuasan hati;
- (iii) majikan hendaklah dalam melaksanakan kewajipan sosialnya berusaha untuk menggalakkan pekerjaan yang stabil bagi orang kurang upaya dengan menilai keupayaannya dengan sewajarnya, menyediakan tempat pekerjaan yang sesuai dan menjalankan pengurusan kerja yang sesuai;
- (iv) Majlis hendaklah bagi menggalakkan pengambilan orang kurang upaya dalam sektor swasta merumuskan dasar dan langkah yang sesuai yang boleh termasuk program tindakan *affirmative* dan langkah-langkah lain;
- (v) Majlis hendaklah menggalakkan peluang bagi latihan kepada orang kurang upaya dalam pasaran buruh dan juga peluang untuk bekerja sendiri, keusahawanan, pembangunan koperasi, memulakan perniagaan sendiri dan mewujudkan peluang bekerja dari rumah; dan
- (vi) bagi maksud seksyen ini, majikan termasuklah juga kerajaan.

Ini bermakna bukan hanya di dalam Akta Orang Kurang Upaya dan juga kerajaan telah pun menyediakan banyak insentif untuk menggalakkan majikan supaya mereka mewujudkan suasana atau alam sekitar yang sesuai untuk orang kurang upaya dan beri peluang kepada orang kurang upaya. Sekian, terima kasih.

Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah sebagai kementerian yang bertanggungjawab ke atas Akta OKU, adakah cadangan, adakah rancangan di bawah kementerian untuk membuat pindaan kepada undang-undang yang berkaitan dengan pekerjaan supaya hak dan keselesaan pekerjaan OKU di sektor swasta ataupun di sektor awam terlindung.

Ini kerana di bawah Akta OKU ada disebut bahawa harus disediakan suasana pekerjaan yang *accommodative*, yang *reasonable accommodation*. Jadi, adakah rancangan di bawah kementerian untuk membuat pindaan kepada akta pekerjaan untuk melindungi hak dan kesejahteraan dan berkenaan dengan persekitaran pekerjaan bagi OKU. Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Walaupun kementerian belum ada rancangan untuk kita buat pindaan ke atas Akta Orang Kurang Upaya, tetapi melalui Majlis Kebangsaan Orang Kurang Upaya...

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: Saya ingin menjelaskan sedikit, saya tidak bertanya tentang pindaan kepada Akta OKU, tetapi di bawah Akta OKU juga disebut bahawa pindaan-pindaan kepada undang-undang lain yang berkenaan dengan OKU sebab kalau mereka masuk alam pekerjaan, hak mereka adalah di bawah akta pekerjaan. Jadi, Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat boleh mulakan pindaan ataupun mulakan usaha untuk meminda akta-akta tersebut supaya ia selaras dengan keperluan OKU. Ini pertanyaan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Yang Berhormat. Dia meminta jikalau ada cadangan untuk membuat pemindaan. Itu sahaja. Silakan Yang Berhormat.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Melalui Majlis Kebangsaan Orang Kurang Upaya, di bawah Majlis itu ada beberapa *subcommittee*. Oleh itu apa-apa berkenaan dengan OKU akan dibincangkan di Majlis dan juga di *subcommittee* itu. Oleh itu kalau ada keperluannya, kita akan berbincang dan juga kita minta kementerian yang berkenaan untuk ambil tindakan buat pemindaan kerana akta-akta itu kalau bukan di bawah tanggungjawab kementerian ini, kita tidak dapat mengemukakan apa-apa pindaan. Akan tetapi kita boleh mengemukakan permintaan dan juga melalui perbincangan dan juga bekerjasama dengan kementerian lain atau kementerian yang berkenaan, kita dapat memulakan proses itu. Sekian, terima kasih.

7. **Dato' Mohd Suhaimi bin Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah ada usaha untuk mengekalkan harga minyak yang rendah terutama RON95 untuk jangkamasa yang tertentu. Walaupun harga minyak dunia meningkat satu ketika nanti.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Terima kasih atas soalan nombor 7. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah melaksanakan mekanisme pengapungan terkawal *managed float* bagi harga runcit RON95 dan diesel mulai 1 Disember 2014. Melalui mekanisme ini, harga runcit RON95 dan diesel ditentukan berdasarkan purata harga pasaran sebenar produk tersebut bagi bulan sebelumnya. Ini bermakna jika harga pasaran minyak mentah dunia berkurangan, maka harga runcit RON95 dan diesel di stesen minyak akan menjadi lebih rendah dan begitu juga sebaliknya.

Harga minyak mentah dunia sebenarnya dijangka kekal pada paras yang rendah bagi tempoh beberapa tahun ke hadapan berikutan lebih bekalan perbandingan permintaan di pasaran antarabangsa dan aktiviti ekonomi global yang dijangka lebih perlahan. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita faham bahawa pengapungan terkawal atau *managed float* ini sedang dilaksanakan oleh kerajaan. Kalau kita lihat ke sebelah negara-negara maju, apungan bebas telah pun diimplementasikan dan berjaya. Kita juga faham bahawa pihak-pihak pembangkang memainkan isu ini. Kata mereka kerajaan mencuri cukai dalam *managed float* ini.

Apungan bebas juga memberi keyakinan kepada rakyat melihat bagaimana pedagang-pedagang minyak ini *compete* di antara satu sama lain. Kalau kita tengok di negara maju, kita bawa kereta, kita akan sentiasa tengok label-label di hadapan stesen minyak harga minyak hari ini berapa dan apungan bebas ini berlaku setiap hari. Bukan seperti mana yang kita buat *managed float* ini iaitu mulai daripada 1 hingga 27 hari bulan.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan sedang mengkaji supaya apungan bebas ini diadakan dan stesen-stesen minyak akan diberi kelonggaran supaya mereka dapat *compete* di antara satu sama lain dan rakyat mendapat keuntungan daripada *competition* mereka itu? Terima kasih, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

■1100

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan. Sebenarnya Yang Berhormat Senator, memang kerajaan sedang mengkaji khususnya dalam *managed float* ini untuk ditukarkan mungkin daripada bulanan tetapi sehingga sekarang belum ditentukan sama ada *fortnightly*, minggu atau setiap hari bertukar. Hal ini juga bergantung bukan sahaja daripada Kementerian Kewangan tetapi juga kita harus bekerjasama dengan KPDNKK dan juga kebanyakan *petrol station* dan juga kebanyakan pengeluar minyak. Maka, cadangan ini masih dikaji.

Akan tetapi kita memahami bahawa kalau dengan adanya *managed float* yang mana ia bertukar setiap hari bila harga minyak mentah turun, maka boleh dikatakan kebanyakan rakyat akan menikmati terus daripada segi pengurangan tetapi sebaliknya, jikalau terdapat peningkatan, maka harga minyak juga akan turut meningkat. Maka inilah sesuatu yang harus kita melihat secara keseluruhannya sebelum satu keputusan muktamad dijalankan.

Daripada segi sebenarnya kerajaan, tujuan kita mengadakan pengapungan ataupun *managed float* ini adalah kerana apabila subsidi diberi khususnya tahun 2012, 2013, 2014, setiap tahun kerajaan membelanjakan di antara RM20 bilion hingga RM22 bilion hanya untuk subsidi pukal yang hanya kebanyakannya dinikmati oleh orang yang berpendapatan tinggi.

Maka dengan *managed float* ini kita harap, dengan cara ini, walaupun kita mempunyai harga *managed float*, kalau kita bandingkan dengan negara-negara jiran seperti negara Thailand dan negara Indonesia, harga kita adalah lebih rendah daripada mereka kerana harga-harga di negara tersebut tertakluk juga, termasuk juga GST dan cukai-cukai yang lain. Akan tetapi sebaliknya di negara Malaysia, kita tidak mengenakan cukai GST untuk petroleum, untuk harga pam. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya pun difahamkan bahawa di bawah KPDNKK, dengan izin, kita ada *Competition Commission* yang akan memberi manfaat kepada cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi. Soalan tambahan? Yang Berhormat Senator Dato' Mohd Salim.

Dato' Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, apungan minyak ini ada kesan langsung kepada rakyat dan juga kepada pengusaha stesen minyak. Jadi kita tahu bahawa kadar apungan ini naik 10 sen, 20 sen, turun 10 sen, 20 sen, turunnya lagi banyak. Kesan langsung adalah bila keadaan ini naik, rakyat rasa barang naik. Kalau roti canai itu harganya RM1, naik minyak 10 sen, roti canai naik 10 sen, teh tarik naik 10 sen. Akan tetapi bila minyak turun, tidak turun.

Apungan yang macam mana yang kita anggap bahawa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi tadi di luar negara ini bebas, kita tidak berlaku macam itu. Ini disebabkan cara kita dididik, cara bila naik, naik, bila turun, senyap. Kita hendak minyak ini turun sebab ekonomi negara. Kita hendak keuntungan cukai daripada petroleum tetapi kesannya kepada rakyat. Jadi akhirnya persepsi rakyat, ramai marah kepada kerajaan. Apakah tindakan Menteri Kewangan bagi mengekang keadaan ini daripada terus berlaku? Adakah NBOS nya bersama dengan KPDNKK?

Isu yang lain juga pada pengusaha stesen minyak. Komisen yang sama 2010. Hari ini minyak turun dan naik. Kadang-kadang kesan kepada pengusaha stesen minyak yang kecil di kampung-kampung, ada kalanya ditutup. Saya difahamkan setakat hari ini, 30 buah stesen minyak yang berada di kampung ditutup. Jadi, apakah pandangan Menteri bagi menyelesaikan masalah ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan. Memang daripada segi harga khususnya jikalau terdapat penurunan, pengusaha-pengusaha stesen minyak telah mengadu mereka mengalami kerugian khususnya daripada segi sistem pembekalan yang mereka terima daripada syarikat-syarikat minyak. Oleh itu, cadangan mereka adalah agar *managed float* ini ditukar daripada bulanan kepada *fortnightly* atau mingguan. Itu sedang dikaji seperti yang saya ulaskan.

Daripada segi harga, memang tidak dapat dinafikan, apabila harga minyak dinaikkan, maka terdapat peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan untuk mengambil peluang tersebut untuk meningkatkan harga mereka. Maka baru-baru ini, kita tahu kerajaan telah melaksanakan akta *Anti-Profiteering Act* dan ini adalah di bawah kawalan KPDNKK yang mana dalam pengubahsuaian Bajet 2016, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menyeru dan mengarahkan KPDNKK supaya menguatkuasakan dan menjalankan lebih banyak operasi terutamanya untuk memastikan harga-harga barangan tidak dinaikkan secara mendadak. Sekian, terima kasih.

8. Datuk Haji Kadzim bin M. Yahya minta Menteri Kesihatan menyatakan, walaupun graduan perubatan dilaporkan adalah berlebihan, mengapa hospital-hospital awam di daerah-daerah negeri Sabah seperti Tawau, Lahad Datu, Sandakan, Sipitang dan banyak lagi masih menghadapi kekurangan doktor di hospital-hospital ini terutamanya doktor-doktor pakar.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim bin M. Yahya. Soalan ini berkenaan dengan kekurangan doktor di hospital-hospital di Sabah terutama di kawasan Tawau, Lahad Datu, Sandakan dan Sipitang.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 29 Februari 2016, terdapat 2,564 jawatan pegawai perubatan di negeri Sabah dengan jumlah pengisian sebanyak 2,652 atau lebih pengisian sebanyak 1.34 peratus. Daripada jumlah tersebut, seramai 272 orang pegawai perubatan pakar, 1,640 orang pegawai perubatan bukan pakar dan 760 orang pegawai perubatan siswazah. Daripada jumlah 272 orang pegawai perubatan pakar Tuan Yang di-Pertua, 200 orang adalah pakar klinikal yang ditempatkan di lapan buah hospital pakar di Sabah iaitu Hospital Queen Elizabeth I, Hospital Queen Elizabeth II, Hospital Tawau, Hospital Duchess of Kent Sandakan, Hospital Wanita dan Kanak-kanak Likas, Hospital Lahad Datu, Hospital Keningau dan Hospital Mesra Bukit Padang.

Bagi hospital yang tidak ada pakar Tuan Yang di-Pertua, pakar-pakar dari hospital yang dekat akan membuat lawatan berkala supaya kes-kes dapat dilihat di sana dan kalau ada kes-kes yang *complicated*, yang berat, maka dia akan dibawa ke hospital berpakar yang dekat, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk pengetahuan lagi Tuan Yang di-Pertua, saya melihat secara angka tiap-tiap hospital yang ada di Sabah, ada sejumlah 24 buah semua hospital di Sabah. Untuk Hospital Duchess of Kent Sandakan, perjawatan yang ada ialah 98 tetapi yang diisi ialah 142. Maknanya terlebih 44. Hospital Tawau, perjawatan yang ada 96 tetapi yang diisi 135. Maknanya terlebih 39 orang doktor. Hospital Lahad Datu, perjawatan ada 35 tetapi yang diisi 65. Maknanya terlebih 30. Hospital Sipitang, perjawatan ada 11 tetapi yang diisi sepuluh orang. Maknanya kurang satu. Makna Tuan Yang di-Pertua, perjawatan keseluruhannya di hospital-hospital di Sabah, kalau ikut perjawatan semua sekali 24 buah hospital ialah 1,124, yang diisi 1,282, yang mana yang terlebih 158 orang doktor daripada perjawatan yang sebenarnya.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian memang kita berusaha untuk menambat hati doktor-doktor kita dengan memberi pelbagai insentif. Antaranya ialah Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut di sini, ada pelbagai insentif iaitu ada di belakang ini... [Merujuk kepada teks jawapan]:

- (i) meningkatkan jumlah pembayaran insentif perkhidmatan kritikal;
- (ii) *claim* kritikal dari RM500 kepada RM750 sejak tahun 2008;
- (iii) meningkatkan elaun *on-call* pakar kepada RM230 bagi *on-call* pada hari bekerja dan RM250 bagi *on-call* pada hari cuti awam;
- (iv) menambah baik skim bayaran insentif pakar iaitu peningkatan sebanyak RM300 sehingga RM700 mulai Januari 2009;

- (v) membenarkan pakar yang berkhidmat di KKM membuat *locum* di hospital swasta dengan syarat-syarat tertentu;
- (vi) pakar yang melakukan kes-kes pembedahan pada hari cuti umum untuk mengurangkan masa menunggu bagi kes-kes pembedahan elektif akan diberi elaun seperti bekerja *sessional* iaitu RM200 sejam;
- (vii) penyelarasan skim pesakit bayar penuh ini telah pun dimulakan *Characteristics Unit* di Hospital Queen Elizabeth II; dan
- (viii) peluang latihan luar negara bagi kursus jangka pendek dan kenaikan pangkat pakar lebih cepat mengikut tempoh pegawai tersebut berkhidmat dengan KKM.

■1110

Di sini saya sebut bahawa untuk pegawai perubatan biasa daripada U41 kepada U54 dia mengambil masa 12 tahun tetapi bagi pakar daripada 41 dia naik pangkat sehingga UD54 dalam masa 9 tahun sahaja Tuan Yang di-Pertua. Makna ini insentif nanti untuk menggalakkan supaya doktor kekal dengan kerajaan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, silakan Yang Berhormat Datuk Haji Kadzim.

Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan tadi. Kalau kerajaan telah memberikan insentif yang menarik kepada pakar-pakar di hospital kerajaan di Sabah, kebelakangan ini banyak hospital swasta sedang atau sudah dibuka. Kebanyakannya telah mendapat pakar-pakar dari hospital-hospital kerajaan yang berkhidmat di Sabah. Jadi, berapakah jumlah pakar-pakar yang sudah berpindah ke hospital-hospital swasta ini dan apakah tindakan kerajaan untuk mengganti pakar-pakar yang telah berpindah ke hospital-hospital swasta yang baru muncul di Sabah mengikut khususnya di Kota Kinabalu? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini di Sabah terdapat dua buah hospital swasta iaitu Gleneagles dan juga KPJ ada dua. Memanglah penghijrahan berlaku daripada kerajaan kepada swasta kerana tarikan lebih tinggi di sana, lumayan amat lumayan. Pernah ada satu kes pakar ganti yang balik daripada UK ditempatkan di Alor Setar dengan tahap U54. Selepas enam bulan dia datang balik kepada saya dia kata *I want to resign. Why? "Because the offer outside is 10 times more"* kata dia. Jadi kita tak boleh tahan dialah, dia pergi.

Ini berlaku, jadi apa yang kita buat ialah kita menggalakkan program untuk meningkatkan lagi pakar-pakar di kerajaan. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua pihak kerajaan telah menambah hadiah latihan persekutuan. Dulu 3 peratus setahun sekarang mulai tahun 2015 kita telah meningkatkan kepada 100 slot setahun untuk Hadiah Latihan Persekutuan. Maknanya mereka boleh ambil hadiah ini dan mereka boleh belajar. Sama ada kalau dalam negara kita ada pelbagai universiti yang telah pun memberi latihan kepakaran dan ada pilihan lain iaitu *parallel program* dengan universiti luar negara.

Mereka juga boleh buat program *parallel* ini. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, setakat dua, tiga tahun ini pakar-pakar yang lulus dalam 400 kepada 500 sahaja tetapi yang keluar dan *resign* daripada Kementerian Kesihatan lebih kurang 100 kepada 120 setahun. Jadi makna kita akan terus usaha ini dan dia akan makan masa yang panjang. Hendak latih seorang doktor pakar empat tahun kemudian sub pakar, sub pakar makna super pakarlah dalam hal kita sebut sebagai sub pakar sebenarnya super pakar. Tambah lagi tiga kepada empat tahun, makna satu jangka masa yang panjang.

Jadi sebab itulah saya katakan tadi kita cuba sedaya upaya untuk meningkatkan insentif bagi mereka termasuk memberi peluang kepada mereka untuk bekerja sebagai doktor di pihak swasta. Pada masa yang sama juga kita wujudkan dia kata *full paying patient* dalam hospital kita. Maknanya macam di Sabah di Queen Elizabeth sudah ada *Characteristics Unit* yang telah mengadakan program *Full Paying Patient*. Akan tetapi di Semenanjung sudah banyak contohnya di Putrajaya, di Selayang, di Hospital Pulau Pinang, di Serdang, di Ampang, Sungai Buloh, di Sultan Ismail Johor Bahru dan juga untuk bumi Sarawak sudah ada konsep *full paying patient*. Makna ini memberi peluang kepada pakar-pakar kita untuk bekerja dan mendapatkan tambahan pendapatan bagi mereka Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, soalan tambahan.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya. Saya terpanggil untuk bertanya mengenai masalah kedoktoran ini khususnya pagi tadi saya membaca akhbar bahawa pelatih-pelatih kita dalam bidang perubatan ini ada ramai yang berhenti. Bila ditanya kenapa berhenti apabila mereka melakukan *housemanship*, dengan izin, disebabkan mereka satunya mereka ini banyak *stress*. Keduanya dipaksa oleh ibu bapa untuk mengambil bidang perubatan, jadi dalam satu kajian juga mendapati bahawa salah seorang daripada lima orang doktor pelatih di Malaysia berhenti setiap tahun sekali gus mewujudkan kebimbangan terhadap jumlah masalah keciciran dengan mengambil kira kos pengajian yang tinggi dalam bidang perubatan.

Saya difahamkan bahawa kalau seorang pelatih perubatan menjalankan kursus di dalam negara mencecah sehingga RM500,000. Sekiranya di luar negara dia akan mencecah sehingga RM1 juta. Jadi persoalan saya kepada kementerian, apakah usaha kementerian dalam menangani masalah-masalah seperti ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas. Ini soalan yang memang jawapan yang diberi panjang boleh jadi pendek tetapi saya cuba di tengah-tengah ya. Di hospital sekarang ini di Malaysia terdapat lebih kurang 5,000 orang doktor siswazah ataupun *houseman*- graduan yang keluar dari universiti tempatan dan universiti luar negara. Makna tetapi *houseman* dua tahun maknanya *at any one time*, dengan izin, terdapat 10,000 *housemen*. Akan tetapi memanglah mereka datang daripada pelbagai *background*, daripada pelbagai universiti. Ada *certain*, dengan izin, universiti yang tak benarkan *student* ini pegang *patient* semasa dia belajar sebelum dia lulus tak boleh pegang *patient*, tak boleh sentuh *patient*.

Ada universiti yang hanya bawa *patient* ke *lecture hall* dia bagi demonstrasi setelah itu tidak ada *chance* hendak pegang. Ada pula universiti yang masalah dia mereka belajar di negeri tersebut menggunakan terminologi yang lain balik ke sini lain pula. Balik ke sini kita guna *English* di negara yang mereka belajar menggunakan terminologi, mereka di Indonesia menggunakan terminologi Indonesia maka dia balik dia kena *adjust*. Dia makan masa yang panjang sebab itu dia tak faham dia *stress*. Selain itu seperti yang Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas menyebut tentang pelajar ini dia sendiri tidak mahu menjadi doktor, mak bapa dia paksa dia.

Ada kes yang saya dapat tahu yang dilaporkan kepada saya anak dia balik dari Indonesia, "*Nah mak. Ini certificate. Saya tak mahu jadi doktor.*" Dia buat kerja lain. Ini berlaku. Jadi dalam hal ini ada lebih kurang 25 hingga 30 peratus kes yang bermasalah dan apa yang kita telah buat, bagi mereka yang kita ada semua enam sesi enam bidang yang mereka wajib kena buat enam bidang dalam masa dua tahun. Jadi satu bidang *surgery*, ortopedik, *medicine* dan berbagai-bagai dalam empat bulan, satu bidang empat bulan. Kalau dia tak lulus tambah lagi empat bulan. Tak lulus lagi maknanya dia tak *clear*, dia tak kompeten, kita pindah dia ke hospital lain mungkin dengan cara itu dia dapat suasana lain, tambah lagi tiga bulan. Tak lulus dan kita akan *review* kita ada pula jawatankuasa untuk *review* sama ada orang ini layak kah tidak.

Akan tetapi yang saya hairan Tuan Yang di-Pertua, ada kes-kes yang masuk universiti dengan kelulusan masuk bahagian perubatan dan kelulusan bukan satu, dua, bukan 9A, tidak, yang kelulusan 'pintu belakang'- SPM 7, 8, 9. Tak lulus tak dapat kredit pun. Ini yang saya hairan. Ada dua kes yang telah dilihat sebelum ini. Jadi maknanya- saya pun hairan kenapa, bagaimana mereka boleh lulus peperiksaan perubatan ini dengan kelulusan SPM yang begitu rendah. Hendak jadi kerani pun tak boleh tetapi dia masuk universiti bahagian perubatan, dan lulus. Kemudian bila *houseman* dia tak boleh lepas, ini masalah dia. Ini perkara-perkara yang telah berlaku dan kita lihat. Kes-kes macam ini kita memang tak boleh bantu sudah, sampai langsung tidak ada tak cukup IQ lah saya katakan hendak jadi doktor.

■1120

Jadi kita berusaha terus untuk hendak memantapkan lagi. Akan tetapi setakat ini Tuan Yang di-Pertua, kita sedang berusaha dengan pihak Kementerian Pendidikan untuk tetapkan jumlah atau moratorium kita. Oleh sebab hendak kurangkan jumlah doktor yang *graduate* ataupun pelajar yang masuk ambil perubatan dan hendak adakan moratorium, masih lagi. Kita sambung lagi moratorium, lima tahun lagi untuk hendak mengurangkan jumlah pelajar yang masuk bidang kesihatan dan bidang perubatan. Sekarang ini kita tengah berunding tentang kelulusan minimum untuk kita benarkan mereka yang hanya letak pada satu tahap yang boleh dibenarkan belajar perubatan, yang bawah sikit kita tidak benarkan. Ini yang sedang kita berunding dengan pihak Kementerian Pendidikan, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang baik hati. Saya apabila berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri Kesihatan ini, sebab saya juga Pengerusi Lembaga Pelawat Hospital. Soalan saya pertama, tadi pihak kementerian Yang Berhormat Menteri beritahu inisiatif yang diberi kepada doktor-doktor dan apakah inisiatif juga diberi kepada *Medical Assistant* (MA) atau Pembantu Perubatan? Oleh sebab kadang-kadang di hospital ini antara doktor dengan MA ini apabila bersama-sama, kadang-kadang MA ini lagi hebat, lagi berbisa rawatan daripada doktor baru. Apakah inisiatif? Itu soalan saya.

Kedua, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, sedar atau tidak pihak kementerian, kebanyakan rawatan yang diberi pada pesakit luar di hospital-hospital kerajaan ini ada di kalangan hospital itu dinamakan hospital maut. Oleh sebab pesakit luar yang masuk sejam dekat rawatan pesakit luar itu tidak boleh hendak rawat lagi sampai pesakit itu keluar pergi ke klinik swasta. Benda ini saya tidak tahu pihak kementerian sedar atau tidak. Benda ini kalau berterusan yang kena Najib, Perdana Menteri. Orang marah Dato' Sri Najib. Jadi saya minta- contoh yang saya hendak beritahu Hospital Pasir Mas. Saya Pengerusi Lembaga Pelawat Hospital, yang pesakit masuk pergi ke pesakit luar itu duduk atas katil sahaja Yang Berhormat Menteri. Satu jam, dua jam tidak boleh rawat lagi, sampai yang duduk atas katil itu keluar pergi ke klinik swasta.

Benda ini bukan baru, sudah lama. Hospital Pasir Mas hari ini tidak jadi fokus, tidak menjadi tumpuan kepada pesakit sudah. Dia sudah lari pergi hospital lain. Sedangkan hospital ini yang kedua terbesar di Kelantan. Jadi, saya tidak tahu pihak kementerian sedar atau tidak perkara ini. Saya tidak hendak benda ini berterusan sehingga ke pilihan raya dan menjadi kesan kepada sokongan kepada kerajaan kita Barisan Nasional. Jadi saya minta pihak kementerian mengambil tindakan segera. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator Datuk Abdullah. Ini orang kuat Pasir Mas ini. Ya, saya biasa melawat Hospital Pasir Mas. Ia memang, ini perkara-perkara yang kerap berlaku di banyak hospital kita kerana ramai rakyat kita yang sudah yakin dengan hospital kita dan daripada segi perkhidmatan memang bertambah baik. Oleh sebab itu mereka yakin dan mereka datang ke hospital kerajaan. Selain daripada itu, mungkin kerana faktor kos jugalah sebab kita bagi perkhidmatan hampir percuma, bayar RM1 sahaja dan boleh jumpa doktor, dapat ubat. Kalau pergi ke hospital swasta memang beratlah hendak bayar. Jadi dalam hal ini memang berlaku, saya tidak nafikan memang berlakulah.

Akan tetapi sebenarnya di kecemasan, ia ada Zon Hijau, Zon Kuning dan Zon Merah. Zon Hijau untuk yang tidak begitu beratlah. Kemudian Zon Kuning, Zon Merah yang paling berat. Akan tetapi masalahnya Tuan Yang di-Pertua, rakyat kita ini kadang-kadang dia bekerja. Dia demam dia datang selepas bekerja. Selepas bekerja, dia datang kepada Unit Kecemasanlah untuk dapat rawatan. Jadi yang ini pergi- yang demam, selepas, batuk ini dia pergi ke Zon Hijau. Jadi doktor yang sama yang menengok, yang merawat. Jadi ia *congestion* di sana Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada mereka datang untuk dia. Saya hendak sebut sebagai *misuse*, dengan izin, *of the Emergency Department*.

Akan tetapi hari ini untuk menyelesaikan masalah ini kita juga adakan klinik *extended hours*, dengan izin. Ada klinik ataupun hospital yang tambah perkhidmatan ia daripada pukul 5 sampai pukul 10 malam. Ini kita bayar doktor, sejam RM80, pada doktor untuk buat lokum supaya dapat melihat kes-kes begini. Ini cara kita hendak cuba hendak elakkan daripada *congestion* yang berlaku di bahagian kecemasan di hospital.

Selain daripada itu, ada hospital yang perlu kita tambah katil, tambah katil. Sekarang ini ada hospital yang ia tertahan di pihak kecemasan kerana menunggu katil kosong di wad-wad yang tertentu macam wad kecemasan, wad operasi, wad ortopedik dan sebagainya, memang kawasan-kawasan wad yang memang penuh sentiasa. Jadi sementara menunggu itu ia makan masa sejam, dua jam. Jadi apa yang pihak hospital buat ialah diadakan *discharge lounge* kita panggil, *discharge lounge*. Jadi pesakit yang kena *discharge, immediately*, dengan izin, dia akan dibawa turun ke *discharge lounge* ini sementara menunggu saudara-mara datang ataupun sementara menunggu ubat. Dengan cara itu dapat mengosongkan katil di wad dan pesakit di sini akan dapat masuk.

Jadi ini antara yang telah kita usahakan. Akan tetapi *in the long run* Tuan Yang di-Pertua, kita perlu lagi tambah katil di hospital ataupun tambah blok lagi di hospital tertentu Tuan Yang di-Pertua.

Insentif untuk MA saya tidak ada maklumat Tuan Yang di-Pertua. Saya akan bagi secara bertulislah.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2015, jika ada sesiapa yang ingin berhujah, tolong beri nama.

Sekarang kita beralih kepada soalan nombor 9, akan tetapi saya ingat Yang Berhormat Wilfred Yong Chen Leong tiada dalam Dewan, maka kita beralih kepada soalan nombor 10.

[Soalan No. 9 – Yang Berhormat Tuan Wilfred Yong Chen Leong tidak hadir]

10. Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan minta Menteri Kesihatan menyatakan, sama ada *one-stop centre* dapat diwujudkan di hospital bandar dan juga daerah di mana doktor, pihak Kementerian Pendidikan dan JKM dapat bersama-sama membuat penilaian ke atas kanak-kanak OKU untuk mengenal pasti kategori ketidakupayaan, jenis perkhidmatan pemulihan, pendidikan dan bantuan yang diperlukan, seterusnya dapat meringankan kesukaran dihadapi oleh ibu bapa kanak-kanak berkenaan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua. Ini berkenaan dengan *one-stop centre* hendaklah diwujudkan di hospital bandar dan hospital. Jadi perkara ini Tuan Yang di-Pertua, ini ada kaitan dengan Jabatan Kebajikan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua untuk makluman, cadangan untuk mewujudkan *one-stop centre* bagi OKU ataupun pusat khidmat setempat (PKS) dalam komuniti yang dapat meringankan kesukaran ibu bapa telah pun dilaksanakan. Buat masa kini terdapat dua buah pusat khidmat setempat (PKS) ataupun *one-stop centre* OKU di bawah Jabatan Kebajikan Malaysia iaitu Pusat PKS OKU Bedong, Kedah dan MARA di Terengganu. Anggota KKM menyediakan perkhidmatan saringan kesihatan dan intervensi, rehabilitasi serta latihan kepada petugas PKS OKU mengikut jadual lawatan secara berkala. Pasukan lawatan terdiri daripada pegawai perubatan, pegawai pemulihan perubatan, pegawai pemakanan dietetik, jururawat dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, untuk makluman terdapat 508 buah pusat pemulihan dalam komuniti (PDK) di seluruh Malaysia. PDK adalah di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia juga merupakan *one-stop centre* bagi OKU di kawasan komuniti tersebut. Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan Ketujuh iaitu *One Malaysia Family Care, activity outreach* telah diperkukuhkan bagi menyediakan penjagaan kesihatan holistik dan sokongan sosial dalam kalangan warga emas, OKU dan ibu tunggal. Semua PDK untuk golongan OKU ini turut menerima rawatan dan perkhidmatan kesihatan berkala di bawah aktiviti PDK Ku Sihat dari klinik kesihatan yang dekat.

Selain daripada itu, KKM juga memberi latihan penjagaan kanak-kanak OKU, pengendalian masalah OKU dan latihan simulasi ataupun rehabilitasi kepada petugas PDK melalui program PDK Ku Sihat yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 23 Jun 2012.

■1130

Fokus program ini amalan cara hidup sihat melalui pemakanan sihat, aktiviti fizikal bagi OKU dan komuniti. Program ini juga menyediakan perkhidmatan perubatan dan rehabilitasi di semua 500 PDK dari klinik kesihatan bagi kawasan operasi, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberikan jawapan bagi soalan saya. Soalan tambahan saya ialah kini terdapat hanya dua *one-stop center*. Adakah rancangan untuk menambahkan *one-stop center* ini di negeri-negeri lain dan juga kepakaran? Ada kekurangan mengenai kepakaran doktor-doktor kesihatan untuk membuat *diagnosis assessment* dan juga memberi nasihat untuk rancangan intervensi bagi kanak-kanak OKU yang mengalami masalah *developmental* ataupun masalah pembelajaran.

Jadi ramai ibu bapa yang masih tidak tahu macam mana untuk menangani masalah yang dihadapi oleh mereka. Jadi adakah rancangan untuk menambah pusat-pusat ini dan juga menambahkan pakar-pakar seperti *psychologist* dan juga *psychiatrist* dan *pediatrician*. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, apabila anak dilahirkan, staf atau kakitangan dari klinik yang dekat akan membuat lawatan ataupun mereka datang ke klinik untuk membuat pemeriksaan. Bawa anak sekali, buat *follow-up*. Di situ, staf di klinik itu akan membuat *assessment*. Selepas itu *follow-up* lagi dan buat *assessment* dan dilihat semua. *Behavior* dia, Tuan Yang di-Pertua.

Dilihat pada umur 18 bulan, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini yang kita kesan OKU termasuk autisme ialah kadarnya yang diperiksa 18 bulan ke bawah terdapat, 0.15 peratus daripada kes-kes yang telah diperiksa- 0.15 peratus. Jadi tidak sampai 1 peratus lah. Kes-kes sebegini akan dirujuk kepada pakar-pakar yang berkenaan. Terdapat juga di masyarakat kita terdapat pakar-pakar kesihatan keluarga. Ada lebih daripada 250 semuanya seluruh Malaysia dan mereka akan membuat *assessment* dan mereka akan rujuk kepada pakar-pakar yang berkenaan. Masalah pendengaran, rujuk kepada pendengaran. Masalah autisme, rujuk kepada pakar-pakar yang berkenaan. Memanglah *the demand is there*, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, dan kita sentiasa berusaha untuk menambahkan pakar-pakar kita, Tuan Yang di-Pertua.

11. **Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, sama ada kementerian bercadang untuk memperkenalkan peraturan yang menghendaki restoran 24 jam untuk menutup sekurang-kurangnya dua jam setiap hari bagi membolehkan kerja-kerja membersihkan premis, peralatan dapur dan tandas dijalankan.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan. Orang kampung ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan, pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada masa sekarang Yang Berhormat, belum lagi bercadang untuk memperkenalkan peraturan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Ini kerana pada masa ini, Yang Berhormat, pihak berkuasa tempatan telah pun diperuntukkan dengan tiga perundangan utama iaitu seperti berikut:

- (i) Akta Makanan 1983 iaitu Akta 281;
- (ii) Peraturan-peraturan Kebersihan Premis Makanan 2009; dan
- (iii) undang-undang kecil yang berkaitan di bawah pihak berkuasa tempatan.

Bagi makluman Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan, Akta Makanan 1983 mengandungi peraturan-peraturan yang merangkumi kawal selia aspek kebersihan premis makanan daripada segi penyediaan, penjualan dan juga penggunaan makanan. Peraturan-peraturan Kebersihan Premis Makanan 2009 pula memperuntukkan dua peraturan utama iaitu seperti berikut:

- (i) peraturan 15 yang menyatakan semua premis makanan hendaklah kekal dalam keadaan yang baik, bersih dan kemas pada setiap masa; dan
- (ii) peraturan 34 yang menyatakan mana-mana pemilik premis makanan yang gagal memastikan premis makanan mereka yang dikendalikan oleh mereka kekal bersih pada setiap masa, maka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun jika gagal mematuhi peraturan berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kedua-dua peraturan yang dinyatakan tadi ini merupakan perundangan di peringkat persekutuan yang juga diguna pakai oleh pihak berkuasa tempatan bagi mengawal selia premis-premis makanan daripada segi kebersihan. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa tempatan juga menguatkuasakan undang-undang kecil mereka yang berkaitan dengan premis makanan seperti berikut:

- (i) Undang-undang Kecil Establishment Makanan;
- (ii) Undang-undang Kecil Trade, Perniagaan dan Perindustrian;
- (iii) Undang-undang Kecil Pengendalian Makanan; dan
- (iv) Undang-undang Kecil Penjaja.

Semua undang-undang kecil ini turut memberi kuasa kepada pihak berkuasa tempatan untuk mengambil tindakan notis, kompaun kepada mana-mana premis yang melanggar peruntukan di bawah undang-undang kecil yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pengendali makanan dan juga orang awam, pihak kementerian telah pun memperkenalkan garis panduan sistem pengedaran premis makanan di kawasan pihak berkuasa tempatan di mana setiap premis makanan akan dinilai dan digredkan berdasarkan kepada tahap kebersihan premis tersebut. Gred penilaian tersebut akan dipamerkan di ruang utama premis makanan tersebut bagi tujuan untuk dimaklumkan kepada pengguna iaitu pelanggan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa tempatan juga mewajibkan pengendali makanan untuk menghadiri latihan dan pemeriksaan perubatan secara berkala. Ini bertujuan untuk memastikan supaya semua pengendali makanan sentiasa mengamalkan etika yang baik dalam pengendalian makanan serta memastikan kebersihan dan kesihatan diri dan juga pekerja. Pihak kementerian ingin menegaskan bahawa kewajipan pengendali makanan atau pemilik premis-premis makanan untuk memastikan keadaan premis makanan sentiasa berada dalam keadaan bersih pada setiap masa di semua bahagian termasuklah peralatan dapur dan tandas. Ini bagi mengelakkan berlaku pencemaran silang atau *cross contamination*, dengan izin, yang boleh menyebabkan penyakit bawaan makanan seperti keracunan makanan.

Jadi nasihat kepada orang ramai iaitu pelanggan, perlu bijak. Pilihlah premis-premis makanan yang bukan sahaja daripada segi penyediaan makanan termasuklah kebersihan dapur dan tandas. Pilihlah premis-premis makanan yang mendapat pengedaran yang baik iaitu 'A' ataupun 'B'. Terima kasih banyak-banyak Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya tidak ada soalan tambahan. Bukan kerana Yang Berhormat Menteri satu kampung tetapi jawapan Yang Berhormat Menteri telah jawab segala aspek soalan saya. Terima kasih.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat kepada kajian yang dibuat oleh FOMEMA ataupun Agensi Pemantauan dan Pemeriksaan Perubatan Pekerja Asing. Dalam kajian ini, sepuluh daripada seratus orang pekerja menghidap penyakit tuberkulosis ataupun TB, hepatitis B dan AIDS. Cuba bayangkan ini sepuluh daripada 100 orang yang berdaftar dan yang tidak berdaftar pun banyak dan mereka ini juga bekerja di restoran-restoran. Bukan sahaja soalan Yang Berhormat tadi malah pekerja-pekerja ini juga yang kita bimbang. Bayangkan yang tuberkulosis, yang AIDS datang *serve* kepada kita makanan dan kita tidak tahu mereka ini menghidap penyakit sedemikian.

Jadi, adakah Kementerian Yang Berhormat mempunyai kerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk menentukan mereka yang bekerja ini *free* daripada tuberkulosis, hepatitis B dan AIDS. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi. Saya baru berbincang dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan. Saya maklumkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, ini bukan tanggungjawab kementerian saya sahaja tetapi ia juga merupakan tanggungjawab besar kepada Kementerian Kesihatan. Jadi untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi, kerjasama rapat antara pihak kementerian terutama pihak berkuasa tempatan dengan pejabat kesihatan kanan daerah-daerah dengan semua pegawai kesihatan kanan daerah.

■1140

Dan dalam sistem penggredan yang saya nyatakan tadi Tuan Yang di-Pertua, selain daripada melihat kepada keperluan-keperluan, juga melihat kepada keadaan yang diperlukan kepada pekerja-pekerja dalam kawasan premis-premis makanan. Tadi, saya pun dah sebutkan semakan ke atas pemeriksaan berkala yang bertujuan untuk memastikan bahawa bukan sahaja pengendali termasuk pekerja-pekerja juga melalui proses pemeriksaan kesihatan untuk memastikan supaya mereka tidak menghidap apa-apa penyakit bawaan yang boleh merosakkan kualiti kesihatan daripada segi penyediaan makanan yang akan dihidangkan kepada pelanggan-pelanggan.

Jadi, senang ceritanya Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi, kerjasama pemantauan berkala dari semasa ke semasa dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan bukan sahaja dalam atur cara sistem penggredan premis makanan, tetapi siasatan dan juga pemeriksaan yang akan dilaksanakan itu ia akan berterusan. Bukan sahaja berdasarkan kepada usaha yang perlu dilakukan melalui sistem penggredan makanan.

Sekiranya terdapat apa-apa aduan daripada mana-mana pelanggan yang ada, yang mungkin mengesan ada berlakunya perkara-perkara yang tidak diinginkan yang melibatkan pekerja-pekerja kepada mana-mana premis makanan, bolehlah melaporkan kepada pihak berkuasa tempatan. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan bahawa dalam pemeriksaan kesihatan yang perlu dijalankan kepada semua pekerja ataupun petugas-petugas di mana-mana premis makanan, pemeriksaan kesihatan itu akan diadakan secara berterusan dan perlu mendapat suntikan *typhoid* dari klinik-klinik kesihatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan lagi soalan tambahan ini. Tuan Yang di-Pertua, kita banyak ditumpukan perhatian kita kepada bentuk restoran ataupun premis-premis yang sah dan teratur. Akan tetapi bagaimana pula pemantauan kementerian bagi gerai-gerai yang kita rasa kita sedar kewujudan gerai-gerai ini yang tidak dipantau oleh mana-mana agensi terutama Kementerian Perumahan ini. Saya mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sistem penggredan makanan di premis-premis makanan ini. Saya hendak jelaskan sedikit. Apakah tujuan sistem penggredan premis makanan ini?

Pertama, untuk kita berikan penarafan ataupun pengiktirafan kepada sesuatu premis makanan mengikut kepada tahap kebersihannya.

Kedua, untuk memastikan makanan yang disediakan itu adalah selamat untuk dimakan.

Ketiga, untuk kita tingkatkan lagi tahap kebersihan sesebuah premis makanan.

Keempat, untuk kita kurangkan kadar insiden penyakit bawaan makanan atau pun air serta kematian yang boleh disebabkan olehnya.

Kelima untuk kita tingkatkan lagi pengetahuan dan kesedaran pengusaha, pengendali premis makanan terhadap kebersihan dan keselamatan makanan.

Keenam, perkasakan hak orang ramai untuk bijak memilih premis-premis makanan yang bersih.

Ketujuh, untuk kita wujudkan sistem penggredan ke atas premis makanan yang seragam yang boleh diguna pakai oleh semua pihak berkuasa tempatan.

Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ramli tadi, garis panduan yang saya sebutkan ini Yang Berhormat, diguna pakai oleh pegawai pemeriksa di pihak berkuasa tempatan yang terdiri daripada pegawai kesihatan persekitaran ataupun penolong pegawai kesihatan persekitaran. Kawasan yang diperiksa atau yang digredkan, restoran-restoran makanan segera, kedai-kedai makan, kafeteria, *kiosk*, *food court* dan sebagainya dan termasuk juga usaha untuk melihat kepada kedai-kedai ataupun warung-warung yang ada dalam kawasan pihak berkuasa tempatan.

Jadi, saya harap mudah-mudahan orang ramai akan faham dengan usaha yang sedang dijalankan oleh pihak kementerian melalui pihak berkuasa tempatan Tuan Yang di-Pertua dan bijaklah memilih tempat-tempat untuk menikmati juadah makanan yang ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan gred makanan ini, saya ingat kerajaan tempatan ini kena memastikan bahawa mereka lampirkan di luar kedai sebelum orang ramai masuk. Dia tahulah gred apa.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Memang di luar Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia tak pameran di luar, kesalahan itu. Dia kena pameran di luar walaupun dia Gred 'D'. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dato' Khairuddin tak ada? Sekian sahajalah jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL

MELANTIK JAWATANKUASA PEMILIH DI BAWAH P.M. 70(1)

11.47 pg.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1), Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan bagi tempoh Penggal Keempat, Parlimen Ketiga Belas. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan adalah seperti berikut:

1. YB. Senator Datuk SA. Vigneswaran [Pengerusi] - Yang di-Pertua Dewan Negara;
2. YB. Senator Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Haji Abd. Samad;
3. YB. Senator Dato' Dr. Hou Kok Chung;
4. YB. Senator Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh; dan
5. YB. Senator Dato' Dr. Johari bin Mat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri mengikut Peraturan Mesyuarat 70(1) itu tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PROFESION UNDANG-UNDANG (PINDAAN) 2015

Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiga

11.49 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976 dan untuk menyifatkan Pengerusi dan Ahli Lembaga Tatatertib yang dilantik pada tarikh tertentu telah dilantik dengan sewajarnya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Razali bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Akta Profesion Undang-undang 1976 [Akta 166] adalah suatu akta yang berhubungan dengan profesion undang-undang di Malaysia dan terpakai bagi semua peguam bela dan peguam cara yang menjalankan amalan di Semenanjung Malaysia.

■1150

Selain peruntukan mengenai kelayakan untuk diterima masuk dan menjalankan amalan sebagai seorang peguam bela dan peguam cara, Akta 166 ini turut memperuntukkan mana-mana peguam bela dan peguam cara yang telah diterima masuk sebagai seorang peguam bela dan peguam cara dan menjalankan amalan di Semenanjung Malaysia adalah tertakluk kepada apa-apa tindakan tatatertib dan jika sekiranya mereka ini didapati melanggar mana-mana peruntukan di bawah Akta 166 ini ia adalah bagi menjaga integriti profesion itu sendiri. Bagi maksud itu, suatu Lembaga Tatatertib telah ditubuhkan di bawah seksyen 93, Akta 166.

Seterusnya, Lembaga Tatatertib ini mempunyai kuasa untuk membuat keputusan, antaranya menggantung mana-mana peguam bela dan peguam cara yang terlibat dengan kesalahan salah laku dalam menjalankan amalan bagi tempoh yang tidak melebihi lima tahun.

Keanggotaan Lembaga Tatatertib seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 93 [Akta 166], Lembaga Tatatertib hendaklah dianggotai oleh seorang pengerusi dan 16 orang ahli. Sebelum pindaan dibuat dalam tahun 2012, seksyen 93, Akta 166 memperuntukkan bahawa Pengerusi dan Ahli Lembaga Tatatertib boleh dilantik bagi suatu tempoh yang tidak ditetapkan hadnya.

Seksyen 93, Akta 166 ini kemudiannya telah dipinda pada tahun 2012 melalui Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 [Akta A1444], yang memperuntukkan bahawa tempoh pelantikan jawatan Pengerusi Lembaga Tatatertib dihadkan ke tempoh maksimum tiga penggal sahaja atau enam tahun, di mana setiap penggal lantikan adalah bagi tempoh dua tahun. Manakala bagi Ahli Lembaga Tatatertib pula dihadkan ke tempoh maksimum dua penggal sahaja atau empat tahun.

Akta A1444 ini telah mula berkuat kuasa pada 3 Jun 2014. Dalam Akta A1444 juga turut terdapat suatu peruntukan kecualian dan peralihan berhubung dengan kedudukan mana-mana Pengerusi dan Ahli Lembaga Tatatertib yang dilantik sebelum permulaan kuat kuasa Akta A1444 iaitu bagi mana-mana lantikan yang dibuat sebelum 3 Jun 2014.

Peruntukan kecualian dan peralihan berkenaan terdapat dalam subseksyen 21(1), Akta A1444 yang memperuntukkan bahawa mana-mana Pengerusi dan Ahli Lembaga Tatatertib yang dilantik sebaik sebelum 3 Jun 2014 akan terus memegang jawatan mereka sehingga tamat tempoh pelantikan atau pada 5 Julai 2013, mengikut mana-mana yang lebih awal.

Perlu dimaklumkan bahawa terdapat pelantikan yang telah dibuat bagi jawatan Pengerusi sebelum 3 Jun 2014 bagi tempoh bermula dari 17 Februari 2013 hingga 16 Februari 2015 dan bagi jawatan Ahli Lembaga Tatatertib bagi tempoh bermula dari 5 Julai 2013 hingga 4 Julai 2015.

Memandangkan Akta A1444 telah mula berkuat kuasa pada 3 Jun 2014 iaitu dalam tempoh pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Tatatertib masih berkuat kuasa, jika ditafsirkan subseksyen 21(1), Akta A1444, maka tempoh jawatan Pengerusi dan Ahli Lembaga Tatatertib sepatutnya telah ditamatkan pada 5 Julai 2013 dan bukannya masing-masing pada 16 Februari 2015 dan 4 Julai 2015.

Justeru, Pengerusi dan Ahli Lembaga Tatatertib yang telah dilantik bagi tempoh yang dinyatakan tadi telah terus memegang jawatan mereka masing-masing sehingga 16 Februari 2015 dan 4 Julai 2015. Malahan, semasa memegang jawatan dalam tempoh tersebut mereka telah menjalankan tanggungjawab mereka dan telah antara lain turut membuat keputusan berhubung dengan kesalahan tatatertib mengikut peruntukan undang-undang sedia ada.

Keadaan ini menimbulkan kekhuatiran bahawa mana-mana keputusan yang telah dibuat oleh Lembaga Tatatertib sepanjang tempoh selepas 3 Jun 2014 sehingga 16 Februari 2015 yang melibatkan Pengerusi dan 4 Julai 2015 yang melibatkan Ahli Lembaga boleh dipertikaikan oleh mana-mana orang yang berkenaan jika dikatakan telah tidak mematuhi subseksyen 21(1), Akta A1444.

Antara keputusan yang telah dibuat oleh Lembaga Tatatertib sepanjang tempoh pelantikan Pengerusi dan Ahlinya itu melibatkan tindakan penggantung peguam bela dan peguam cara daripada menjalankan amalan mereka dan pemotongan daripada senarai daftar peguam bela dan peguam cara. Keputusan yang dibuat oleh Lembaga Tatatertib ini walau bagaimanapun adalah dibenarkan oleh undang-undang untuk dirayukan ke Mahkamah Tinggi.

Seterusnya, selain pindaan yang dicadangkan bagi mengatasi isu yang diperjelaskan tadi, seksyen 103E, Akta 166 memperuntukkan bahawa apa-apa perintah muktamad atau keputusan yang dibuat oleh Lembaga Tatatertib boleh dirayukan. Walau bagaimanapun, kedudukan undang-undang buat masa ini ialah rayuan yang dimaksudkan tidak boleh dibuat terhadap apa-apa keputusan Lembaga Tatatertib yang menolak permohonan atau aduan pada mana-mana peringkat sebagai mana yang dinyatakan dalam subseksyen 100(15), Akta 166.

Oleh yang demikian, pindaan kepada Akta 166 dicadangkan bagi memperluaskan rayuan yang boleh dibuat kepada mahkamah bagi memasukkan apa-apa keputusan Lembaga Tatatertib yang menolak permohonan atau aduan pada mana-mana peringkat sebagai keputusan yang boleh dirayukan ke Mahkamah Tinggi.

Oleh yang demikian, pindaan pada kepada seksyen 103E bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru iaitu subseksyen 100(15) ke dalam perenggan 103E(1)(b) bagi membolehkan rayuan dibuat terhadap apa-apa keputusan Lembaga Tatatertib yang menolak sesuatu permohonan atau aduan pada mana-mana peringkat cadangan pindaan yang melibatkan Lembaga Tatatertib dengan mengadakan peruntukan baru bagi memperjelaskan kedudukan Pengerusi dan Ahli Lembaga Tatatertib seperti yang dinyatakan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, tangguh sebentar Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam 1Malaysia dan salam sejahtera.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini ialah delegasi *The Majlis Ash-Shura Council of the Kingdom of Saudi Arabia* yang diketuai oleh *His Excellency* Dr. Abdullah bin Mohammed bin Ibrahim Al Sheikh dan delegasi seramai tujuh orang anggota. Kepada *His Excellency* Dr. Abdullah bin Mohammed bin Ibrahim Al Sheikh dan delegasi, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran mereka ke Dewan yang mulia ini. Semoga dengan kehadiran *His Excellency* Dr. Abdullah bin Mohammed bin Ibrahim Al Sheikh dan delegasinya akan mengukuhkan lagi tali persahabatan dan hubungan antara Parlimen Malaysia dan Majlis Ash-Shura Kerajaan Arab Saudi. Sekian, terima kasih. Sila sambung Yang Berhormat Menteri.

Dato' Razali bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan yang melibatkan Lembaga Tatatertib dengan mengadakan peruntukan baru bagi memperjelaskan kedudukan Pengerusi dan Ahli Lembaga Tatatertib seperti yang dinyatakan tadi adalah perlu bagi mewajarkan pelantikan mereka bagi tempoh yang dinyatakan dan bagi menjadikan mana-mana keputusan yang telah dibuat oleh Lembaga Tatatertib sepanjang tempoh tersebut tidak terbatal dan tidak boleh dipersoal jika keputusan itu dibangkitkan oleh mana-mana pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2015 terdiri daripada tiga fasal seperti berikut:

Fasal 1 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tajuk ringkas akta yang dicadangkan ini.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 103E, Akta 166 dengan memasukkan subseksyen 100(15) bagi membolehkan rayuan dibuat terhadap apa-apa keputusan dibuat oleh Lembaga Tatatertib yang menolak apa-apa permohonan atau aduan pada mana-mana peringkat.

Fasal 3 bertujuan untuk menyifatkan pelantikan Pengerusi Lembaga Tatatertib bagi tempoh 17 Februari 2013 hingga 16 Februari 2015 dan Ahli Lembaga Tatatertib bagi tempoh 5 Julai 2013 hingga 4 Julai 2015 yang telah dilantik sebelum permulaan kuat kuasa Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 iaitu Akta A1444 dan yang mana pelantikan itu berterusan selepas Akta A1444 telah mula berkuat kuasa sebagai telah dilantik dengan sewajarnya.

Fasal 3 juga memperuntukkan bahawa apa-apa perbuatan tindakan yang diambil atau keputusan yang dibuat oleh Pengerusi dan Ahli Lembaga Tatatertib sepanjang tempoh itu tidak boleh dipersoalkan atau di tidak sahkan hanya oleh sebab pelantikan atau tempoh jawatan Pengerusi dan Ahli Lembaga Tatatertib tersebut.

■1200

Tuan Yang di-Pertua, langkah untuk meminda Akta Profesion Undang-undang adalah penting bagi mengelakkan krisis undang-undang yang melibatkan kuasa dan keesahan keputusan yang telah dibuat oleh Lembaga yang sememangnya telah diputuskan oleh Lembaga Tatatertib menurut undang-undang sedia ada. Malahan, keputusan Lembaga Tatatertib ini turut boleh dirayukan ke Mahkamah. Keputusan yang telah dibuat berdasarkan fakta, keterangan dan undang-undang serta peluang merayu yang diberi tidak patut dibatalkan hanya atas alasan tempoh pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga yang membuat keputusan itu sepatutnya berakhir pada 5 Julai 2013 menurut peruntukan kecualian dan peralihan di bawah sub seksyen 21(1), Akta A1444.

Selain pindaan yang disebut di atas, pindaan tersebut turut dicadangkan kepada perenggan 103E(1)(b) iaitu bagi memperluas jenis rayuan yang boleh dibuat terhadap keputusan Lembaga Tatatertib yang menolak sesuatu permohonan atau aduan pada mana-mana peringkat yang sebelum ini tidak dibenarkan untuk dirayu. Ini akan membolehkan mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga Tatatertib yang dibuat pada mana-mana peringkat untuk merayu akan keputusan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976 dan untuk menyifatkan Pengerusi dan Ahli Lembaga Tatatertib yang dilantik pada tarikh tertentu telah dilantik dengan sewajarnya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila. Ada sesiapa?

Tuan Ramli bin Shariff: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila. Terima kasih.

12.02 tgh.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Saya dalam rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil sedikit masa di dalam Dewan yang mulia ini untuk membincangkan perkara-perkara yang saya fikir daripada pemerhatian dan daripada kefahaman yang saya ada ini, kita perlu pertingkatkan lagi perlindungan kepada orang ramai berhubung dengan profesion ataupun amalan guaman itu sendiri yang mana banyak daripada kehidupan kita seharian akan melibatkan soal undang-undang ini. Apatah lagi di dalam Dewan yang mulia ini, kitalah anggota-anggota Dewan atau Ahli-ahli Parlimen ini melibatkan penggubalan undang-undang yang perlu dilaksanakan oleh dan juga difahami oleh orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Profesion Undang-undang ini yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi melibatkan keanggotaan. Keanggotaan yang saya fahami dan juga saya merupakan salah seorang yang telah menjalankan tugas-tugas yang disebut *inquiry committee* di peringkat Lembaga ataupun diperturunkan kuasa kepada *inquiry*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Dalam kebanyakan aduan dan kes-kes yang telah saya uruskan ialah ia berkaitan dengan sikap peguam-peguam yang mengendalikan kes-kes orang ramai ini, dan ada juga yang melibatkan soal wang ringgit iaitu soal kepercayaan, soal amanah.

Jadi dalam keadaan ini, apabila orang yang mengadu, pengadu, *complainer* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ialah mereka kadang kala tidak faham, kadang kala mereka tidak begitu arif atas keperluan untuk mengemukakan aduan-aduan ini. Jadi, saya juga minta dan cadangkan supaya suatu penerangan yang jelas kepada rakyat ataupun orang ramai ini bahawa mereka mempunyai hak yang telah dilindungi oleh undang-undang untuk kemukakan sebarang bentuk aduan.

Saya juga meneliti dan mendengar pembentangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri tadi iaitu soal keanggotaan. Soal keanggotaan ini dianggotai oleh bukan sahaja orang yang ada kelayakan undang-undang tetapi juga oleh orang awam yakni *layman*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan *layman* ini yang cadangan kerajaan untuk meminda undang-undang ini ialah kadang kala *layman* ini telah ditohmahkan bahawa mereka ini memihak kepada peguam-peguam.

Jadi dalam *Legal Profession Act*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, wujudnya sebuah institusi bebas iaitu Lembaga Disiplin. Bila Lembaga Disiplin ini menerima sesuatu aduan dan *complaint* daripada orang ramai, maka mereka ini saya rasa, melalui pengalaman saya, saya rasa- Lembaga ini suatu hal juga dan saya perlu berlaku adil kepada pengamal undang-undang ataupun peguam-peguam ini. Setiap aduan yang diterima daripada orang ramai ini terus dirujuk kepada suatu siasatan oleh jawatankuasa siasatan di peringkat di mana peguam itu beramal, misalnya di negeri Kedah kah, negeri Perlis kah, mana-mana pun, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya rasa kebanyakan peguam-peguam ini takut kepada tindakan disiplin ini kerana melibatkan soal kehidupan mereka, *their livelihood*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Jadi, dalam situasi yang macam ini, peguam-peguam ini akan merasa cukup gentar dan takut apabila menerima surat tunjuk sebab daripada lembaga untuk peguam-peguam ini menjawab atas aduan yang ditohmah.

Jadi, keanggotaan oleh orang awam yang saya rasa pengerusi sekarang ialah orang awam yang- mungkin saya silap, kerana ada peralihan daripada yang dahulu dan sekarang baru dilantik semula, dilantik baru. Saya pun tidak berapa pasti, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya rasa kalau dulunya ialah seorang orang awam. Keanggotaan oleh orang awam ini ialah untuk menambahkan keyakinan kepada perlindungan yang ada bagi orang-orang yang merasai diri mereka telah teraniaya ataupun tidak berpuas hati dengan servis yang telah diberikan oleh peguam tersebut.

Jadi saya hendak bawa kepada soal Lembaga ini sendiri iaitu ialah suatu Lembaga di peringkat pusat. Kalau saya rasa peringkat negeri ini, tidak ada satu Jawatankuasa Penyiasatan iaitu *Inquiry Committee*, dan apabila *Inquiry Committee* ini membuat suatu *recommendation*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ya lah, ada kalanya Lembaga Disiplin ini tidak bersetuju dengan *recommendation* daripada jawatankuasa *inquiry*. Jadi, Lembaga *inquiry* ini ialah orang yang terdiri daripada tiga orang iaitu dua orang peguam, yang beramal sebagai peguam dan seorang lagi ialah *layman*. Jadi apabila *recommendation* ini dibuat oleh jawatankuasa *inquiry* ini, *Inquiry Committee*, ada kalanya Lembaga ini tidak menerima *recommendation* itu. Itu yang menjadi suatu kesulitan.

■1210

Ini sebab jawatankuasa *inquiry* Tuan Yang di-Pertua ialah satu Jawatankuasa yang terlibat dengan siasatan dan mereka ada peluang untuk berjumpa dan juga mendengar aduan itu sendiri dan juga mendengar alasan ataupun *defense*, pembelaan yang dikemukakan oleh pengadu. Selalunya pengadu apabila membuat aduan ke Lembaga, mereka mengharapkan dan meletakkan keyakinan saya rasa hampir 100 peratus agar Lembaga disiplin ini mengambil tindakan walaupun kadangkala aduan yang dibuat itu tidak mempunyai asas untuk dilayan. Misalnya, ada pengadu-pengadu yang membuat aduan soal mereka hilang peluang mendapat keuntungan apabila peguam-peguam ini gagal melaksanakan sesuatu tanggungjawab. Daripada segi ekspektasi daripada pengadu ini mereka merasa bahawa peguamlah yang sepatutnya merealisasikan terutama dalam soal-soal komersial.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga harus berlaku adil kepada peguam-peguam ini sebab peguam-peguam ini menerima suatu arahan atau suatu tugas ini berasaskan apa yang keupayaan yang dibenarkan oleh undang-undang juga. Akan tetapi banyak keadaan pengadu mengharapkan peguam ini *deliver*, dengan izin, *miracle* dan saya rasa kita perlu berlaku adil kepada peguam-peguam ini.

Tambahan pula lagi, sekiranya pengadu ini mengalami sebarang kerugian atau kemudatan ini Majlis Peguam sendiri mempunyai suatu tabung ataupun suatu perlindungan iaitu sekarang ini telah diwujudkan perlindungan insurans mandatori kepada mana-mana individu yang hendak beramal sebagai peguam bela dan peguam cara mereka perlu mendapatkan insurans mandatori ini. Sekarang ini kalau saya tidak silap Tuan Yang di-Pertua jumlah pengamal undang-undang ini di seluruh Malaysia ini sudah hampir 13,000 orang.

Aduan yang itu saya hendak minta penerangan ataupun penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri setakat ini data yang telah diadakan ke Lembaga ini ada beberapa peratus daripada segi peratusannya. Sebab jumlah sekarang kalau dulu kita- profesion ini bermula dengan lebih kurang dalam *average*, dengan izin, dalam 5,000 hingga 6,000 orang pengamal undang-undang tapi sekarang sudah hampir menjangkau 13,000 orang pengamal undang-undang.

Pengamal undang-undang saya rasa yang banyaknya beramal dalam wilayah ini, di Kuala Lumpur dan di Selangor. Jadi bagi peguam-peguam yang beramal di pekan-pekan ataupun bandar-bandar kecil ini jumlahnya tidak ramai. Di peringkat Jawatankuasa Badan Peguam di peringkat negeri pun kemungkinan saya rasa lebih kurang kalau di Kedah sendiri pun lebih kurang dalam 700 orang.

Jadi kalau angka yang kecil di peringkat negeri-negeri ini tidaklah menjadi sebarang kesulitan ataupun suatu kesukaran bagi Jawatankuasa Peguam Negeri untuk mendisiplinkan ahli-ahlinya. Aduan yang serius bagi saya ialah apabila peguam-peguam ini menyalahgunakan wang pelanggan. Jadi kalaulah ini diadakanlah ke Lembaga Disiplin maka saya rasa lembaga disiplin perlu mengambil perhatian yang serius dan tegas kerana ia melibatkan kepercayaan yang seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi ialah soal kepercayaan rakyat dan masyarakat kepada profesion undang-undang itu sendiri.

Bidang kuasa yang dipunyai oleh Lembaga ini harus kita perluas lagi. Kerajaan saya syorkan supaya melihat kepada keperluan semasa sekarang sebab dengan keperluan ataupun realiti soal media sosial ini ia melibatkan soal perkara yang baru dan saya rasa ini belum lagi pun disentuh oleh kerajaan untuk membuat pindaan dalam akta itu sendiri. Ini kerana untuk beramal di negara kita ini cukup mudah sangat yang Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua ialah seorang itu tidak perlu pengalaman yang mencukupi ataupun tidak ada suatu tahap pengalaman yang diperlukan untuk seseorang yang berkelayakan beramal sebagai peguam.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya itu ialah soal *qualification*, dengan izin, tetapi kompetensi. Apabila seseorang peguam itu tidak mempunyai *competency*, dengan izin, maka ia menjemput pelbagai masalah dalam amalnya sebagai peguam. Jadi selain daripada soal *pupillage*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ialah kerajaan juga perlu melihat keperluan bahawa seseorang peguam yang telah diterima masuk mengikut Akta Profesion Undang-undang ini harus juga diletakkan kelayakan pengalaman dengan sesuatu moratorium sebelum seseorang itu membuka ataupun beramal dengan firma dia sendiri. Jadi perkara-perkara ini soal pengalaman ini bukanlah soal kita kata yang lama itu lebih baik, tapi oleh sebab yang lama itu telah melalui pelbagai proses dengan keadaan masa dan keperluan masyarakat dan rakyat.

Lembaga Disiplin ini juga harus memperincikan apa bentuk-bentuk dan bidang-bidang kuasa yang ada. Saya sedar bahawa dalam Lembaga Disiplin ini ada diperkatakan tapi kurang jelas tidak diperincikan di mana yang boleh diadukan. Saya pun kesian juga kepada banyak juga peguam-peguam muda ini yang aduan telah dibuat terhadap mereka. Ini serius kerana ia melibatkan soal kehidupan, soal hidup mereka ini lagi *livelihood* bagi peguam-peguam ini. Janganlah Lembaga Disiplin dengan secara senang hati terus melayan aduan-aduan yang telah dibuat kepada mereka. Saya rasa ia perlu melihat kepada *merits*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ialah ataupun ada asasnya apa-apa aduan tersebut.

Seperi mana yang saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua ialah setiap peguam ini sekarang telah diperlukan untuk mendapat suatu insurans mandatori. Bagi firma-firma kecil ia sesuatu bebanan kewangan yang berat juga sebab sekarang kos insurans bukan semakin menurun dia semakin meningkat. Jadi janganlah lembaga disiplin ini bagi firma-firma kecil di bandar-bandar kecil ini terus dengan gembiranya melayan ataupun mengambil mudah untuk memulakan prosiding disiplin terhadap peguam-peguam yang kebanyakan saya rasa rata-ratanya jumlah terbesar ialah yang kurang daripada 10 tahun pengalaman.

Lembaga juga kuasanya juga cukup besar sehinggakan boleh *strike off*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ialah mengetepikan ataupun membatalkan lesen seseorang yang mana ia melibatkan bukan soal dia sendiri tapi melibatkan sebuah institusi keluarga. Misalnya jika dia berkeluarga soal isterinya, soal anak-anaknya dan juga soal ibu bapanya yang mana selama ini mereka ini mengharapakan kehidupan mereka dilindungi oleh seorang insan peguam ini.

■1220

Jadi itu bukan satu perkara mudah bagi peringkat lembaga untuk terus senang menjatuhkan hukuman bagi seseorang peguam ini. Di samping itu juga Tuan Yang di-Pertua, kerana pengamal undang-undang ini dia melibatkan soal boleh saya katakan nilai-nilai komersial walaupun niat suci dalam objektif ataupun objek Akta Profesion Undang-undang sendiri, satu profesion yang *noble*, dengan izin, tetapi *at the end of the day*, dengan izin, ialah soal *survival* juga.

Bagi pengamal undang-undang di bandar-bandar kecil, bukanlah suatu yang *rewarding*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ialah satu profesion yang cukup menguntungkan bagi kebanyakan pengamal undang-undang-undang ini. Jadi patut kerajaan juga harus bukan harus, saya syorkan supaya kerajaan juga melihat kepada kebajikan pengamal undang-undang ini yang saya rasa jumlahnya banyak kepada golongan bumiputera.

Dalam keadaan demikian, apa salahnya kita kembali kepada keperluan dahulu di mana saya rasa amalan dan saya juga produk kepada polisi kerajaan, Barisan Nasional dahulu yang mengehendaki institusi-institusi komersial untuk memberi peluang kepada firma-firma guaman bumiputera ini dengan meletakkan kuota.

Kuota iaitu satu *participation*, dengan izin, bumiputera *participation* di dalam sebuah firma guaman itu dan diberi peluang dan hak untuk mengambil bahagian dalam urusan ataupun dalam kebayakannya Tuan Yang di-Pertua, ialah perkara-perkara komersiallah. Saya rasa banyak daripada kita sebagai orang awam, ialah kita faham bahawa *legal profession* ini melibatkan soal tindakan di mahkamah dan juga harta benda, hartanah. Jadi banyak yang mendatangkan manfaat komersial ialah apabila melibatkan diri dalam *conveyancing*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Jadi yang melibatkan soal *litigation*, ada sekumpulan dan orang-orang yang begitu layak yang kita sering dengar dalam akhbar-akhbar, tidak ramai yang begitu menonjol dalam *litigation* dengan izin, tetapi kebanyakannya di belakang ataupun kita tidak dengar mereka ini sebab mereka cuma melibatkan di dalam *conveyancing* ataupun perkara-perkara hartanah. Jadi apabila dia melibatkan ramai majoriti, jumlah yang besar ini dilibatkan dalam *conveyancing*, maka saya syorkanlah supaya soal kuota, keperluan bumiputera ini harus ditekankan kepada institusi-institusi perniagaan, *conglomerate*, *company*, syarikat-syarikat besar supaya juga mengambil guna khidmat daripada firma-firma kecil ini. Apabila peluang diberi kepada firma-firma kecil ini, itulah yang akan menjadi kayu pengukur soal keupayaan ataupun *competency* sesebuah firma yang kebayakannya dianggotai oleh dua orang ataupun seorang pengamal undang-undang itu sendiri.

Dalam situasi yang sedemikian Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya lihat kebayakan institusi perniagaan ataupun badan-badan ini, ia memerlukan sebuah firma yang komposisinya besar. Jadi ia satu yang menyulitkan bagi firma-firma kecil di bandar-bandar kecil untuk memenuhi keperluan atau perkongsian ataupun keanggotaan rakan kongsi di dalam firma itu, begitu besar. Misalnya baru ini yang telah kita sedar, misalnya Lembaga Pembiayaan Awam ini pun memerlukan sehingga tujuh orang peguam di dalam firma tersebut. Ini menimbulkan satu kegelisahan dan kekusaran kepada firma-firma kecil misalnya di Alor Setar dan Perlis kerana kebayakannya dianggotai oleh dua, tiga orang pengamal undang-undang-undang.

Jadi saya haraplah supaya kerajaan juga melihat kepada soal realiti kehidupan di luar sana ialah firma-firma guaman ini tidaklah besar, sederhana pun tidak Tuan Yang di-Pertua, cuma kecil. Kalau yang sederhana itu kemungkinan sudah okey, yang mereka tidak memerlukan sebarang atau sedikit atau tidak perlukan sangat penggantungannya kepada kerja-kerja daripada syarikat-syarikat besar kerana mereka boleh berdiri dengan sendirinya. Akan tetapi apa pula dengan nasib firma-firma kecil ini?

Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, kerana ia mengeluarkan sedikit daripada soal rang undang-undang yang ada di depan kita ini ialah soal lembaga. Ia berkait rapat apabila sebuah firma atau pun seorang peguam itu tidak mampu menyara kehidupan mereka, maka itulah titik tolak yang membuat mereka lari daripada kehendak dan juga sifat dan ciri amanah seorang peguam. Maka apabila kita menjaga kebajikan peguam-peguam ini, maka ada aduan-aduan ini boleh dikurangkan. Saya pun mungkin nanti Yang Berhormat Menteri dapat menjawab daripada segi peratusan yang saya bangkitkan tadi dalam peratusannya yang mana misalnya kesalahan yang bentuk mana yang banyak diterima oleh lembaga ini? Adakah ia melibatkan soal *competency* tadi, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, atau adakah ia melibatkan soal amanah tadi?

Soal amanah, saya sendiri cukup tidak boleh toleransi dalam soal apabila peguam itu mengguna pakai duit pelanggan. Saya rasa kepercayaan masyarakat ini cukup tinggi kepada peguam-peguam kerana dalam sebarang urusan duit dan juga bentuk bayaran ini, selalunya diamanahkan kepada peguam. Ini yang saya sendiri tidak boleh hendak tolak ansur Tuan Yang di-Pertua, ialah apabila peguam itu menerima jumlah yang besar sebab selalunya dalam keadaan sekarang ini, kalau dahulu kita lihat jumlah yang kecil tetapi sekarang oleh sebab satu hartanah itu bukan sudah ini, kalau kita pun daripada segi banyak yang kita kegelisahan orang ramai ialah soal mahalnyanya rumah sekarang. Jadi itu melibatkan maksud soal rumah.

Jadi maksudnya harga yang tinggi. Kita katakanlah ia sebagai RM150,000 yang mana akan diuruskan oleh peguam tersebut. Jadi apabila seorang peguam ini tanpa nilai diri dan moral yang tinggi, maka apabila dia melihat dan merasakan bahawa jumlah ini besar dan dalam keadaan tertentu, apabila jumlah ini meningkat menjadi besar, kalaulah seorang pelanggan itu mempunyai jumlah transaksi katakan RM500,000, apa pula kata kalau dia menguruskan, mengendalikan sebanyak 10 kes atau 10 fail, sudah menjadi RM5,000,000...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Tuan Ramli bin Shariff: Kalau hendak saya panjangkan, saya panjangkan lagi Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak suruh saya duduk, saya boleh duduk.

Timbalan Yang di-Pertua: Ringkaskan.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebagai membahaskan keperluan meminda Akta Profesion iaitu seksyen 103E, saya rasa saya harus menyokong atas pembentangan yang dibuat oleh pihak kerajaan. Ini satu keperluan untuk mengelakkan persoalan undang-undang dan apabila tindakan ini diambil oleh Lembaga Disiplin, maka ia melindungi Lembaga Disiplin daripada diputuskan di peringkat mahkamah. Saya rasa saya bangun menyokong pembentangan Usul ini. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

■1230

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Sharif. Ada lagi siapa-siapa hendak bercakap? Ada? Kalau tidak ada, saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

12.30 tgh.

Dato' Razali bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih pada Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff atas pandangan yang telah dikemukakan. Boleh saya simpulkan sebagai terdapat beberapa perkara tadi. Pertama, mengenai situasi amalan guaman atau perjalanan undang-undang, pelaksanaan undang-undang dalam negara kita. Kedua, mengenai pindaan kepada akta. Perlu saya tarik balik perhatian Dewan kepada dua perkara asas kepada pindaan.

Pertama, selepas kita membuat pindaan pada tahun 2012 untuk membuka amalan guaman kepada peguam-peguam dari luar, kita telah menetapkan bahawa Lembaga Tatatertib daripada segi keanggotaan dan tempoh masa dihadkan dan menetapkan satu tarikh. Cumanya, tarikh yang dinyatakan itu terlebih daripada pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Lembaga Tatatertib dan pengerusi dan Ahli Lembaga telah membuat keputusan. Ini perkara asas kepada pindaan bagi kita mewajarkan keputusan mereka terhadap keseluruhan keputusan yang telah dibuat. Kalau ikut dalam rekod saya dalam tempoh yang dinyatakan, sebanyak 2,735 keputusan telah dibuat oleh Lembaga Tatatertib termasuk mengarahkan lima perintah penggantungan dan 23 pemotongan daripada daftar peguam bela, peguam cara.

Untuk mengelakkan daripada permasalahan teknikal tarikh ini, maka pindaan ini kita buat. Itu yang pertama yang perlu kita persetujui bagi membolehkan bahawa kesemua keputusan dan pemegang jawatan ke Lembaga Tatatertib dalam tempoh yang saya nyatakan itu dapat kita wajarkan.

Keduanya, kalau dulu sebelum pindaan, rayuan hanya boleh dibuat kepada keputusan. Kali ini kita sebar luaskan. Ia tidak ada sekatan dan rayuan boleh dibuat oleh pihak-pihak yang berkaitan atas apa-apa tempoh permohonan. Jadi ini dua perkara yang bagi saya tidak menjadi masalah besar. Yang Berhormat pun bersetuju.

Cuma mungkin ada beberapa perkara Yang Berhormat cadangkan adalah mengenai tentang soal kemampuan seorang peguam dengan kuasa yang diberikan ataupun peranan yang patut dimainkan oleh Lembaga ini. Sebenarnya Yang Berhormat, seperti Yang Berhormat sendiri sedia maklum, Lembaga ataupun *Legal Profession Act*, Akta Profesion Undang-Undang ini satu garis panduan bagi mana-mana pengamal undang-undang, peguam bela, peguam cara untuk mengamalkan latihan mereka di Semenanjung Malaysia dan ada peraturan-peraturannya.

Mereka perlu terlebih dahulu selesai latihan dalam kamar atau yang dipanggil *chambering* dan sebagainya, mendapat sijil amalan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi dan kita harap, *client* dapat memilih peguam-peguam yang mereka rasa sesuai untuk mewakili mereka atas pilihan mereka sendiri. Apa yang penting, peguam bela, peguam cara itu mestilah seorang yang sah, yang ada sijil amalan guaman.

Saya tidak bermaksud untuk tidak mahu mengulas tentang pengalaman, kemampuan seorang peguam. Kita pun tahu, peguam ini dia tidak macam syarikat-syarikat lain seperti dia boleh buat promosi, dia boleh buat pengiklanan, dia boleh menunjukkan bahawa kemampuan menyelesaikan kes dalam masa tiga bulan, tidak boleh buat macam itu. Jadi maknanya, memang agak sukar untuk mereka yang memerlukan khidmat seorang peguam untuk benar-benar menilai kemampuan seseorang peguam tersebut. Jadi, akta atau pindaan ini sebenarnya tidak pun boleh membantu kita dalam memastikan kemampuan seseorang peguam.

Namun begitu, ada banyak kes yang selalu melibatkan mengenai ada peguam yang menjalankan amalan tanpa sijil amalannya. Ada juga daripada segi kewangan. Sebagai contoh, sebuah firma mesti memiliki dua akaun iaitu akaun *client* dan akaun pejabat. Ada juga kadang-kadang kesalahan akaun *client* itu tidak diwujudkan. Itu juga boleh menjadi satu kesalahan. Memang betul di bawah Lembaga, selepas mendapat satu aduan, Lembaga, jika berpuas hati, dia ada merit, dia akan melantik Jawatankuasa Tatatertib. Yang Berhormat tadi merujuk kepada Jawatankuasa Disiplin, Lembaga Disiplin. Ia Lembaga Tatatertib dan Jawatankuasa Tatatertib, kalau ada merit untuk mereka membuat pendengaran ataupun siasatan dan selepas itu Lembaga akan terus membuat keputusan.

Untuk keanggotaan, benar seperti Yang Berhormat kata, jawatankuasa ini terdiri daripada peguam dan juga orang awam, tiga orang untuk menilai dan mengemukakan ke Lembaga Tatatertib, cumanya Lembaga Tatatertib yang kita tumpukan dalam pindaan ini, pengerusinya hendaklah dilantik oleh Hakim Besar, seorang bekas hakim. Biasanya hakim jadi pengerusinya dan buat masa ini, pengerusinya adalah bekas Hakim Mahkamah Rayuan dan keanggotaan itu biasanya dalam Lembaga ini, semua terdiri daripada pengamal undang-undang, peguam yang berdaftar.

Jadi pada cadangan untuk menimbang tentang kedudukan orang ramai adalah dengan kita memberikan kuasa, bidang tugas yang sepenuhnya ke Lembaga ini supaya daripada segi amanah kepada peguam-peguam yang melanggarinya itu dapat kita kenakan tindakan. Dengan cara itu, kita dapat menunjukkan *the best practices*, dengan izin, atau amalan yang paling baik dan kedua, kita dapat juga membantu melindungi hak-hak *client* ataupun pengguna kepada tata urus tadbir seorang peguam supaya peguam-peguam tidak mengambil kesempatan kepada *clients* mereka.

Sama ada ketidakmampuan seorang peguam itu menyebabkan kerugian kepada *client*- pada saya, bidang kuasa yang ada ini, tidak juga melihat kalau mana-mana pihak hendak memulakan prosiding, *commence proceedings* untuk kes-kes saman yang lain. Itu berbeza dengan bidang kuasa yang ada di dalam Lembaga Tatatertib yang akan menjadi sebuah Lembaga yang akan mengendalikan perjalanan seorang peguam yang ingin beramal sebagai peguam bela, peguam cara dalam negara kita. Jadi, ada perkara-perkara yang menjadi kesalahan yang mungkin Yang Berhormat, saya tidak ada data penuh biasanya tentang kesalahan, maknanya *detail* kesalahan yang biasa. Akan tetapi perkara Yang Berhormat sebut tadi perkara yang biasa yang menjadi kesalahan dan kuasa Lembaga sama ada membuang pendaftaran dan menasihatkan Lembaga atau Majlis Peguam untuk menggugurkan syarikat, nama daripada syarikat ataupun mengenakan denda.

Jadi ada perkara-perkara itu disebut dalam Akta Profesion Undang-Undang 1976 yang telah pun menyatakan dengan jelas. Cumanya, saya ingin sekali lagi menarik perhatian Dewan kepada cadangan bagi kita mengelakkan masalah kepada tuntutan, kepada keputusan yang dibuat jika pindaan ini tidak dilakukan.

Jadi dengan dua perkara yang dicadangkan selepas berbincang dengan Majlis Peguam, kita mengharapkan bahawa tidak ada pihak yang dapat lagi mempersoalkan hanya kerana tempoh masa. Perlu saya nyatakan di sini, tarikh itu mungkin tidak ada yang bertanya tetapi sebenarnya menjadi persoalan kenapa tarikh itu terlepas daripada sasaran. Ia adalah kerana dalam tempoh masa kita hendak menyediakan peraturan-peraturan dan melibatkan peguam-peguam dari luar, tarikh itu terlepas daripada sasaran kita. Itu sahaja.

Jadi, kita hendak mewajarkan balik tempoh lantikan, kita hendak mewajarkan balik keputusan 2,735 yang telah dibuat dalam tempoh yang dipertikaikan. Ketiganya, hendak memperluaskan lagi hak kepada orang yang kena adu, bukan hanya kepada keputusan Lembaga Tata tertib tetapi boleh membuat rayuan di mana-mana peringkat permohonan.

■1240

Jadi itu antara perkara yang mungkin dapat saya sentuh atas perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ramli, terima kasih banyak. Ada banyak pandangan ataupun keresahan yang saya percaya, ia untuk memastikan kebajikan peguam yang benar-benar ingin mengamalkan amalan mereka dengan baik dan juga untuk memastikan supaya hak kepada pengguna itu dapat dilindungi yang dinyatakan, yang itu saya sangat setuju. Cuma akta kita ini wujud untuk memastikan yang kesemua Yang Berhormat sebut itu dapat berjalan dengan baik.

Cuma kita kadang-kadang tak boleh elak. Ada sahaja manusia atau rakyat dalam apa juga keadaan atau tekanan, tertekan akan ambil kesempatan dan dengan cara ini, sesiapa juga yang mengambil kesempatan sepatutnya tidak akan terlepas daripada kesalahan yang telah mereka melakukan dengan penambahbaikan kepada pindaan yang dikemukakan ini.

Jadi saya ucapkan sekali lagi terima kasih kepada Yang Berhormat dan kita akan berdoalah supaya perkara Yang Berhormat nyatakan itu akan dapat memberi faedah kepada sama ada peguam-peguam bela dan peguam cara dalam negara kita ataupun rakyat yang diwakili oleh mereka. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah pada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KANAK-KANAK (PINDAAN) 2015

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.46 tgh.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: *Bismillaahir Rahmaanir Raahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kanak-kanak (Pindaan) 2015 untuk meminda Akta Kanak-kanak 2001 dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kanak-kanak (Pindaan) 2015 atau selepas ini disebut sebagai rang undang-undang digubal, adalah bagi tujuan meminda Akta Kanak-kanak 2001 [*Akta 611*] terutamanya untuk meningkatkan perlindungan dan kebajikan kanak-kanak dengan menambah baik beberapa peruntukan sedia ada serta mengadakan peruntukan-peruntukan baru.

Akta 611 telah diluluskan di Parlimen pada 18 Disember 2000 dan dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2002 di seluruh negara. Setelah 13 tahun dilaksanakan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengkaji semula Akta 611 dengan melibatkan pelbagai kementerian dan agensi kerajaan seperti Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Penjara, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat termasuklah pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan serta kanak-kanak.

Setelah perbincangan dengan *stakeholders*, dengan izin, sebuah draf awal rang undang-undang disediakan dan dikemukakan ke Jabatan Peguam Negara. Draft tersebut kemudian telah disemak dan diteliti oleh Jabatan Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi 79 fasal kesemuanya. Izinkan saya menghuraikan prinsip-prinsip asas yang menggariskan rang undang-undang ini.

Pertama, pengukuhan perlindungan, pemeliharaan dan pemulihan kanak-kanak sedia ada di Malaysia dengan meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada kanak-kanak dan penalti bagi tujuan pencegahan.

Kedua, komitmen berterusan negara sebagai negara pihak kepada Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak atau *Convention on the Rights of the Child* (CRC) untuk memperundangkan hak-hak kanak-kanak yang digariskan di bawahnya selagi ia tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, negara juga bertanggungjawab dalam meneliti cadangan oleh Jawatankuasa CRC yang di antaranya menggalakkan penyertaan kanak-kanak dalam penggubalan dasar kerajaan yang berkaitan dengan kanak-kanak dan pemansuhan sebatan.

Ketiga, pemerkasaan penglibatan masyarakat atau komuniti dalam melebar luaskan tanggungjawab melindungi dan memelihara kanak-kanak di negara ini.

Keempat, pengenalan konsep baharu iaitu pemeliharaan berasaskan keluarga yang menekankan pemeliharaan kanak-kanak dalam suasana kekeluargaan. Adalah sebaik-baiknya dalam perlindungan dan perkembangan kanak-kanak dan perintah khidmat masyarakat yang bertujuan menyuntik elemen pengajaran, pemulihan dan keinsafan kepada kanak-kanak dan orang dewasa yang melakukan kesalahan. Ini adalah selaras dengan tuntutan antarabangsa yang menitikberatkan usaha untuk mengubah sikap pesalah dan tidak terhad kepada hukuman semata-mata.

Walau apa pun cadangan pindaan dalam rang undang-undang ini, tafsiran kanak-kanak sedia ada di bawah Akta 611 dikekalkan selaras dengan Artikel 1 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak ataupun *Convention on the Rights of the Child* yang disertai oleh Malaysia bersama-sama 196 buah negara yang lain. Menurut Akta 611, kanak-kanak ditafsirkan sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun, dan berhubung dengan prosiding jenayah, ertinya seseorang yang sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam seksyen 82 Kanun Keseksaan [*Akta 574*] iaitu 10 tahun ke atas.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada setiap fasal dalam rang undang-undang ini seperti berikut.

Fasal 4 hingga Fasal 11 bertujuan untuk meminda seksyen 3, 4, 5 dan 6 Akta 611 dengan penubuhan Majlis Kebangsaan bagi Kanak-kanak untuk menggantikan Majlis Penyelaras bagi Perlindungan Kanak-kanak.

■1250

Fasal-fasal ini turut mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasa Majlis iaitu antara lain untuk menasihati dan membuat syor kepada kerajaan mengenai semua isu dan aspek yang berhubungan dengan pemeliharaan, perlindungan, pemulihan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Fasal ini juga memperuntukkan mengenai dana Majlis, keanggotaan, tatacara mesyuarat dan elaun kepada anggota Majlis dan ahli mesyuarat jemputan. Majlis Kebangsaan bagi Kanak-kanak ini juga akan dianggotai oleh orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran dalam bidang kanak-kanak serta wakil kanak-kanak selaras dengan prinsip CRC iaitu Artikel 12 yang memperuntukkan bahawa kanak-kanak mempunyai hak untuk menyatakan pendapat mereka secara bebas dalam apa-apa perkara yang menyentuh kanak-kanak dan pandangan mereka diberikan pertimbangan sewajarnya.

Fasal 12 bertujuan untuk meminda seksyen 7, Akta 611 untuk menstrukturkan semula Pasukan Pelindungan Kanak-kanak dengan keanggotaan seperti berikut:

- (a) tidak lebih daripada tujuh orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam perkara yang berhubungan dengan pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak yang dilantik oleh Menteri;
- (b) seorang pegawai perubatan; dan
- (c) seorang pegawai kanan polis.

Penstrukturan semula ini adalah untuk memastikan penyelarasan perkhidmatan yang berkesan yang diberikan kepada keluarga dan kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan pemeliharaan dan perlindungan sebagaimana yang diberi perhatian di bawah Bahagian V iaitu antaranya, kanak-kanak yang dcederakan daripada segi fizikal, dianiaya, diabaikan dan dibuang. Dengan pindaan ini juga, Pelindung ditugaskan untuk menyelia Pasukan Pelindungan Kanak-kanak.

Fasal 13 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 7A ke dalam Akta 611 untuk menubuhkan Pasukan Kebajikan Kanak-kanak dengan keanggotaan seperti berikut:

- (a) tidak lebih daripada tujuh orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam perkara yang berhubungan dengan perlindungan dan pemulihan kanak-kanak yang dilantik oleh Menteri;
- (b) seorang pegawai pendidikan; dan
- (c) seorang pegawai kanan polis.

Pasukan ini yang dahulunya dikenali sebagai Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak berfungsi untuk menyelaraskan perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan perlindungan dan pemulihan sebagaimana yang diberi pengertian di bawah Bahagian VI, iaitu antaranya yang terlibat dengan bahaya moral atau jika kanak-kanak itu didapati bersalah di atas apa-apa kesalahan. Pegawai akhlak atau Pelindung ditugaskan untuk menyelia Pasukan Kebajikan Kanak-kanak.

Fasal 14 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 8A ke dalam Akta 611 untuk mengadakan peruntukan bagi pelantikan Pembantu Pelindung oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam warta tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu. Lantikan ini adalah bagi menggalakkan penyertaan serta memperkasakan masyarakat atau komuniti dengan perlindungan kanak-kanak.

Mana-mana orang yang berkelayakan boleh dilantik oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebagai Pembantu Pelindung dan diberi kuasa untuk menyelamatkan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan dan membawa kanak-kanak tersebut ke hadapan seorang pegawai perubatan sekiranya memerlukan pemeriksaan dan rawatan perubatan. Pembantu Pelindung dalam menjalankan tugasnya melaksanakan peruntukan-peruntukan akta ini disifatkan sebagai khidmat awam mengikut Kanun Keseksaan.

Fasal 17 bertujuan untuk meminda seksyen 15, Akta 611 untuk mempertingkatkan perlindungan kanak-kanak berhubung dengan laporan dan penyiaran media massa. Pada masa ini, di bawah perenggan 15(1)(a), Akta 611, sekatan mengenai laporan dan penyiaran media terpakai bagi langkah yang diambil terhadap seseorang kanak-kanak yang terlibat atau berupa sebagai terlibat dalam apa-apa perbuatan atau peninggalan jenayah hanya pada peringkat sebelum perbicaraan, perbicaraan atau selepas perbicaraan bagi perbuatan atau peninggalan jenayah itu.

Di samping itu di bawah perenggan 15(1)(c), Akta 611, sekatan ke atas laporan dan penyiaran media massa terpakai bagi mana-mana kanak-kanak berkenaan dengan mana-mana kesalahan di bawah Jadual Pertama telah dilakukan atau disyaki telah dilakukan. Dengan pindaan ini, sekatan itu hendaklah terpakai walaupun semasa penyiasatan, perbuatan atau peninggalan jenayah itu dan juga bagi mana-mana kanak-kanak yang berkenaan dengannya apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis telah dilakukan atau disyaki telah dilakukan.

Fasal 18 bertujuan untuk meminda seksyen 17, Akta 611 untuk meluaskan maksud kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan. Melalui pindaan ini, seseorang kanak-kanak memerlukan pemeliharaan dan perlindungan jika ibu atau bapanya telah bertindak dengan cuai dalam menjalankan pengawasan dan kawalan yang sepatutnya ke atas kanak-kanak itu. Jika kanak-kanak itu dibenarkan berada di mana-mana jalan, premis atau tempat bagi maksud apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang selain aktiviti lain yang menyalahi undang-undang yang memudaratkan kesihatan dan kebajikan kanak-kanak.

Fasal 19, 20 dan 21 bertujuan untuk meminda seksyen 18, 19 dan 20 Akta 611 untuk:

- (a) menambah baik tatacara menyelamatkan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan ke dalam jagaan sementara;
- (b) memberi kuasa kepada Pembantu Pelindung untuk mengambil kanak-kanak ke dalam jagaan sementara;
- (c) memberi kuasa kepada Pembantu Pelindung untuk tidak membawa kanak-kanak itu ke hadapan Pelindung tetapi sebaliknya mengemukakan kanak-kanak itu ke hadapan seorang pegawai perubatan jika dia berpendapat bahawa kanak-kanak itu memerlukan pemeriksaan atau rawatan perubatan; dan
- (d) menjadikan mana-mana orang yang memindahkan seseorang kanak-kanak daripada jagaan sementara tanpa kebenaran yang sah, menyorokkan atau menyembunyikan seseorang kanak-kanak yang telah lepas lari atau menghalang kanak-kanak itu kembali ke dalam jagaan sementara sebagai suatu kesalahan.

Fasal 24, 25 dan 26 bertujuan untuk meminda seksyen 27, 28 dan 29 Akta 611 untuk mewajibkan pegawai perubatan atau pengamal perubatan berdaftar, anggota keluarga serta kanak-kanak dan pengasuh kanak-kanak untuk serta-merta memberitahu pegawai kebajikan masyarakat dan bukannya kepada Pelindung sekiranya mempercayai bahawa kanak-kanak dcederakan daripada segi fizikal, emosi atau seksual.

Kegagalan berbuat demikian boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Pindaan ini adalah perlu untuk menangani peningkatan kes penderaan, pengabaian termasuklah mencederakan kanak-kanak dan dalam kebanyakan kes anggota keluarga merupakan orang yang paling penting untuk memaklumkan seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat jika seorang kanak-kanak teraniaya, terabai atau didedahkan atau teraniaya daripada segi seks.

Fasal 27 pula bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 29A untuk menggalakkan anggota masyarakat termasuklah guru, sahabat dan jiran untuk memberikan maklumat kepada pegawai kebajikan masyarakat sekiranya mempercayai terdapat kanak-kanak telah dcederakan daripada segi fizikal, emosi atau seksual. Maklumat sedemikian adalah penting untuk menyelamatkan nyawa kanak-kanak.

Fasal 28 bertujuan untuk meminda seksyen 30, Akta 611 mengenai kuasa Mahkamah Bagi Kanak-kanak untuk membuat perintah penempatan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan ke dalam pemeliharaan berasaskan keluarga. Fasal ini memperuntukkan bahawa Mahkamah Bagi Kanak-kanak hendaklah mengutamakan pemeliharaan berasaskan keluarga dengan perintah penempatan berbanding penempatan di institusi di bawah Akta 611.

Fasal-fasal lain yang terlibat dengan pemeliharaan berasaskan kekeluargaan ini ialah fasal 33, 34, 38 dan 43. Pemeliharaan berasaskan keluarga ertinya pemeliharaan kanak-kanak dalam suasana kekeluargaan termasuk:

- (a) pemeliharaan kanak-kanak oleh ibu atau bapa, penjaga atau saudara;
- (b) pemeliharaan kanak-kanak oleh ibu atau bapa peliharaan atau orang yang layak dan sesuai; atau
- (c) pemeliharaan kanak-kanak di sebuah pusat yang merupakan sebuah organisasi yang mempunyai elemen kekeluargaan. Pusat ini hendaklah diluluskan oleh Menteri.

Fasal 29, 30 dan 31 bertujuan untuk meminda seksyen 31, 32 dan 33, Akta 611 untuk meningkatkan penalti denda dan pemenjaraan sedia ada di bawah seksyen ini dan memasukkan khidmat masyarakat dengan izin, *community service*, sebagai hukuman tambahan mandatori yang perlu memenuhi elemen hukuman, pengajaran, pemulihan dan penginsafan. Kesalahan-kesalahan yang terlibat dengan penaikan penalti ini ialah:

- (a) penganiayaan, pengabaian, pembuangan atau penderaan kanak-kanak;
- (b) menyebabkan atau mengakibatkan kanak-kanak untuk mengemis, menerima sedekah, menjaja atau menjalankan aktiviti yang menyalahi undang-undang; dan
- (c) membiarkan kanak-kanak tinggal tanpa pengawasan yang berpatutan.

Fasal 35, 36 dan 37 bertujuan untuk meminda seksyen 38 dan 39, Akta 611 serta memasukkan seksyen baru 39A yang mengenai:

- (a) penggabungan tafsiran kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemeliharaan dalam seksyen 38 dan 42, Akta 61,
- (b) penyelarasan tatacara pengendalian kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan; dan
- (c) peruntukan baru mengenai siasatan bagi kes kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemeliharaan.

Fasal 45 dan 46 bertujuan untuk meminda seksyen 48 dan 49, Akta 611 untuk menaikkan penalti sedia ada iaitu denda dan pemenjaraan bagi kesalahan pemindahan milikan, jagaan atau kawalan kanak-kanak dengan menyalahi undang-undang dan pembawaan masuk kanak-kanak melalui dakwaan yang palsu.

Fasal 47 bertujuan untuk memasukkan bahagian baru VIII A ke dalam Akta 611 yang berhubungan dengan kuasa Menteri untuk meluluskan mana-mana pusat menjadi tempat bagi pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak. Di bawah fasal ini, Menteri boleh menyebabkan pusat itu diperiksa bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak yang diletakkan di pusat itu.

Fasal 49 dan 52 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 55A dan 62A ke dalam Akta 611 untuk memberikan kuasa ke Mahkamah Bagi Kanak-kanak untuk membuat perintah jagaan susul ke atas kanak-kanak yang dilepaskan dari suatu tempat perlindungan dan asrama akhlak selama tempoh setahun oleh Pelindung, pegawai akhlak atau orang lain yang dilantik oleh Pasukan Kebajikan Kanak-kanak. Jagaan susul bertujuan untuk memastikan kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak yang telah keluar daripada institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat terpelihara termasuk membantu mereka untuk integrasi dengan masyarakat dan penempatan pekerjaan. Malah Kementerian sedang berusaha untuk mengadakan rumah-rumah transit bagi tujuan tersebut.

Fasal 54 bertujuan untuk meminda seksyen 67, Akta 611 bagi mengkhususkan kemasukan kanak-kanak ke sekolah diluluskan yang lazimnya diwartakan sebagai Sekolah Tunas Bakti adalah bagi kanak-kanak yang melakukan kesalahan jenayah selain daripada kesalahan jenayah berat. Pindaan ini dibuat bagi memastikan kanak-kanak yang melakukan kesalahan selain daripada jenayah berat tidak ditempatkan bersama-sama dengan kanak-kanak yang melakukan kesalahan jenayah berat di sekolah yang diluluskan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengelakkan kanak-kanak yang disabitkan dengan kesalahan jenayah berat mempengaruhi kanak-kanak lain daripada aspek perwatakan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri panjang lagi?

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Panjang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Kita sambung selepas pukul 2.30 petang nanti.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Okey *insya-Allah*.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh ya. Terima kasih. Ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan hingga pukul 2.30 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.03 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

Timbalan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam sehati sejiwa. Saya hanya hendak mengingatkan selalu Perdana Menteri kita berpesan, bak kata dia supaya kita ini hidup dalam harmoni. Tahu macam mana hendak lahirkan hidup harmoni iaitu hormati yang tua kasih yang muda.

*Bunga Melur bunga Melati,
Mari pakai di lubuk hati,
Budaya orang kita ini yang tua dihormati,
Yang muda dikasihi.*

Insya-Allah itu budayanya. Saya minta sambung tadi Yang Berhormat, dipersilakan.

2.33 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyambung pembentangan.

Fasal 62, 63, 64 dan 65 pula bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 83A serta meminda seksyen 85, 87 dan 90 Akta 611 seperti berikut:

- (i) hak seorang kanak-kanak apabila ditangkap seperti tidak boleh digari melainkan untuk jenayah berat atau kanak-kanak itu menentang dengan kekerasan semasa tangkapan;
- (ii) kanak-kanak itu hendaklah dimaklumkan mengenai alasan penangkapannya;
- (iii) pegawai polis hendaklah dengan seberapa segera yang boleh sebelum memulakan apa-apa bentuk soal siasat ataupun rakaman kenyataan daripada kanak-kanak itu menghubungi ibu atau bapa atau penjaga atau saudara kanak-kanak itu dan pegawai akhlak untuk memaklumkan mengenai;
 - (a) keberadaan kanak-kanak;
 - (b) alasan kanak-kanak ditangkap dan;
 - (c) hak untuk berunding dengan peguam pilihan kanak-kanak itu.
- (iv) pegawai polis boleh membenarkan pegawai akhlak dan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu untuk hadir di tempat di mana kanak-kanak itu ditahan selepas ditangkap untuk memastikan kebajikan kanak-kanak itu;
- (v) pengasingan daripada pesalah dewasa dan larangan mengambil gambar semasa dibawa ke balai polis atau dari balai polis ke tempat tahanan atau dari tempat tahanan dan semasa ditahan di balai polis atau di tempat tahanan atau menunggu sebelum atau selepas hadir di mahkamah; dan
- (vi) kewajipan pegawai akhlak untuk menyediakan dan mengemukakan laporan akhlak dalam masa tempoh 30 hari daripada tarikh arahan mahkamah bagi kanak-kanak.

Fasal 66 bertujuan untuk meminda seksyen 91, Akta 611 untuk memansuhkan hukuman sebatan oleh mahkamah bagi kanak-kanak ke atas kanak-kanak yang telah didapati bersalah atas suatu kesalahan. Hukuman sebatan tidak mendatangkan kesan yang positif kepada kanak-kanak yang menjalani hukuman tersebut. Malah boleh mendatangkan lebih keburukan daripada kebaikan, termasuk trauma kepada mereka. Atas alasan tersebut, hukuman sebatan oleh mahkamah bagi kanak-kanak dicadangkan untuk dimansuhkan dalam rang undang-undang ini.

Menurut statistik dari mahkamah, seramai 94 orang kanak-kanak menjalani hukuman sebatan pada tahun 2014 dan 89 orang dalam tahun 2015. Kementerian berharap bahawa tindakan pemansuhan hukuman sebatan ini memberi contoh kepada masyarakat supaya tidak menggunakan kekerasan terhadap kanak-kanak sama ada dalam mendisiplinkan mereka atau sebagai hukuman kepada mereka. Fasal ini juga memperkenalkan perintah khidmat masyarakat kepada kanak-kanak sebagai salah satu hukuman selain hukuman sedia ada di bawah seksyen ini.

Fasal 69 bertujuan untuk memasukkan bab baru 3A yang terdiri daripada seksyen 97A hingga 97F ke dalam Bahagian X, Akta 611 mengenai pelaksanaan perintah khidmat masyarakat oleh pesalah kanak-kanak.

Fasal 72 dan 73 bertujuan untuk meminda seksyen 118 dan 119, Akta 611 dengan mengubah nama daftar kanak-kanak yang memerlukan perlindungan kepada daftar kanak-kanak serta memperluaskan kandungan daftar yang termasuk butir-butir orang yang disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah yang melibatkan kanak-kanak sebagai mangsa. Secara prinsipnya, daftar ini disimpan bagi membolehkan keselamatan kanak-kanak dipertingkatkan.

Dengan ini juga saya ingin menghuraikan bahawa daftar kanak-kanak pada masa ini mengandungi maklumat mengenai kanak-kanak yang memerlukan perlindungan. Akan tetapi terhad kepada kanak-kanak yang diabaikan, dianiaya sahaja. Daftar ini juga mengandungi maklumat tentang pelaku yang melakukan pengabaian dan penderaan kepada kanak-kanak.

Maklumat sedia ada digunakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi melindungi kanak-kanak tersebut, termasuklah memberi perkhidmatan yang sesuai kepada mereka seperti kaunseling dan sebagainya.

Kerajaan sedar bahawa masyarakat lebih prihatin dan amat menitikberatkan keselamatan kanak-kanak. Sehubungan itu, daftar ini diperluaskan penggunaannya. Kandungan daftar ditambah untuk mengandungi maklumat individu yang disabitkan dengan kesalahan jenayah yang melibatkan kanak-kanak sebagai mangsa. Dengan pindaan ini, bagi kes-kes jenayah, termasuk contohnya kes rogol yang melibatkan mangsa kanak-kanak. Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menyimpan maklumat tentang mangsa dan pelaku. Maklumat mengenai pesalah ini boleh diakses dengan kelulusan Ketua Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk antara lain, saringan bagi mereka yang berurusan atau mengendalikan kanak-kanak. Selain daripada perlindungan kepada mangsa dan meningkatkan keselamatan kanak-kanak secara keseluruhannya.

Fasal 75 bertujuan untuk meminda seksyen 123, Akta 611 untuk meluaskan perlindungan terhadap tindakan guaman dan prosiding undang-undang yang diambil terhadap pembantu pelindung dan pegawai penjara.

Fasal 76 bertujuan untuk meminda seksyen 125, Akta 611 bagi menaikkan penalti am di bawah Akta 611. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Untuk pengetahuan Ahli Dewan Negara, tajuk ini ramai yang hendak bercakap, bagus. Ada 15 orang. Saya minta kerjasama supaya ringkaskan sedikit jangan berulang-ulang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kanak-kanak 2001 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Pertama sekali, saya minta Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah. Silakan.

■1440

2.41 ptg.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang ini untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Kanak-kanak (Pindaan) yang bertujuan untuk meminda akta ibu, Akta Kanak-kanak 2001.

Pertama sekali saya ingin ucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana akhirnya dapat membentangkan pindaan-pindaan ini. Daripada pengetahuan saya, kerajaan telah capai berkenaan dengan perkara ini sejak 2013. So, secara ini, saya mengalu-alukan pindaan ini kerana pada pendapat saya, ia akan memainkan satu peranan yang penting dalam usaha-usaha menangani kes-kes penderaan kanak-kanak.

Seperti yang kita telah tengok semasa pembentangan tadi, kementerian telah mencadangkan pindaan-pindaan yang begitu luas dan yang mempunyai implikasi jangka masa panjang. Kalau kita tengok keseluruhannya, sebanyak 62 seksyen dan satu jadual, hampir 50 peratus daripada akta lama itu akan dipinda dengan yang baru ini. Bukan itu sahaja, juga terdapat 19 seksyen baru yang dimasukkan. Pada hari ini saya tidak akan fokus banyak kepada pindaan-pindaan yang dicadangkan kerana secara keseluruhannya, pindaan-pindaan yang dicadangkan itu benar-benar diperlukan. Pada saya, telah lama tertangguh. Sebaliknya saya akan fokus kepada apa yang saya rasa tertinggal, yang patut ada tetapi tertinggal, sama ada dengan sengaja atau terlepas pandang.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberi pendapat saya mengenai dua perkara sahaja. Yang pertama mengenai kanak-kanak yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan Malaysia iaitu kanak-kanak semasa dilahirkan itu, didaftarkan di bawah kategori bukan warganegara dan juga kanak-kanak yang *stateless* atau didaftarkan semasa lahir itu sebagai taraf dia sebagai belum ditentukan.

Saya pernah membangkitkan isu ini sebelum ini di Dewan ini pada bulan 12 atau Disember 2014. Pada masa itu saya diberitahu jumlah kanak-kanak yang bertaraf bukan warganegara dari tahun 2003 hingga Oktober 2014 seramai 198,907 orang kanak-kanak. Sebenarnya isu ini banyak daripada mereka ini bukan warganegara Malaysia kerana kita di Malaysia ini tidak mengamalkan prinsip *jus soli where citizenship by birth*. Itu berkenaan dengan bukan warganegara. Selain daripada itu, kita juga ada kategori *stateless* dan pada tempoh masa yang sama iaitu dari 2003 hingga April 2014, bilangan kanak-kanak yang *stateless* berjumlah sebanyak 14,095 orang. Sudah pasti kalau kita campur tahun 2015-2016, angkanya akan meningkat.

Pada hari ini isu saya bukan isu kewarganegaraan *per say*, pasal saya sedar terdapat beberapa syarat yang perlu dipenuhi sebelum seseorang itu boleh diberi taraf kewarganegaraan Malaysia. Kebimbangan saya lebih kepada implikasi kepada mereka yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan dan kalau kita tengok pada sekarang ini, implikasi yang paling ketara ialah penafian hak untuk mendapat pendidikan di sekolah awam, *public school* ya, bukan di *private school*.

Mereka ini dibenarkan untuk pergi ke sekolah awam tetapi dikehendaki membayar *foreigners school fees* dan kebanyakan daripada mereka atau sebahagian besar daripada mereka ini tak mampu untuk membayar *fees* yang tinggi untuk mendapatkan persekolahan di sekolah-sekolah awam. Isu saya ialah seperti semasa pembentangan, Yang Berhormat Menteri telah cakap banyak berkenaan dengan CRC.

Kalau kita tengok *Convention on the Rights of the Child* atau CRC yang ditandatangani oleh Malaysia pada tahun 1995 dan seperti yang telah diterangkan, pasal kita ratifikasi Konvensyen CRC maka Akta Kanak-kanak pada 2001 tetapi isu saya, walaupun Malaysia telah *ratify* CRC, Malaysia masih ada *reservation* terhadap lima artikel termasuk artikel 28(1)(a) yang kalau bila kita *ratify* tetapi kita *hold reservation* terhadap Artikel 28(1)(a) ini, artikel ini menekankan *free and compulsory education at primary level* dalam CRC punya konvensyen.

Kalau kita tengok, kita masih belum, Malaysia masih belum terima Artikel 28(1)(a) ini dengan alasan ia bertentangan dengan *national policy*. Pada hari ini, saya menyeru kepada kerajaan untuk mengkaji semula pendirian kerajaan mengenai 28(1)(a) ini supaya dapat membenarkan kanak-kanak ini untuk menghadiri sekolah atau mendapat pendidikan di sekolah awam terutama sekali kalau kita tengok baru-baru ini kita telah pinda akta pindaan 2002 di mana akta itu telah dipinda untuk mewajibkan pendidikan di peringkat sekolah rendah.

So, saya harap kerajaan boleh bertindak secara betul-betul menghargai prinsip CRC bukan secara *the half-hearted* seperti yang banyak tadi Yang Berhormat Menteri telah sebut tentang CRC so, saya tak nak sebut CRC tetapi saya harap kerajaan boleh *adopt the spirit of CRC* dan bukan semata-mata *half-hearted message*. Itu, satu. Pendidikan di sekolah awam.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua ialah isu perkahwinan kanak-kanak. Di Malaysia, kita tahu kita ada dua *legal system*. Kalau kita tengok daripada segi umur perkahwinan, kita ada dua *legal system*. Secara am, untuk mereka yang bukan Islam, 18 tahun tetapi wanita yang bukan Islam bawah 18 tahun pun boleh kahwin dengan *special license* oleh *Chief Minister* atau Ketua Menteri dan yang beragama Islam lain. Yang beragama Islam, kalau fahaman saya betul, umur perkahwinan untuk lelaki 18 tahun dan 16 tahun untuk wanita. Yang berumur bawah daripada 16 boleh juga tetapi dengan kelulusan pihak Jabatan Kehakiman Syariah dan sebagainya. Itu undang-undang yang sedia ada.

Pada saya, kalau kita tengok, saya tak soalkan konsep *dual legal system* itu tetapi pada saya kalau kita tengok sekarang, masalah perkahwinan kanak-kanak di Malaysia ini agak berleluasa kalau kita tengok. Pada saya, sudah mencapai satu tahap yang betul-betul menakutkan kalau sekarang kita tengok. Agak ramai di antara kita akan *remember* kes Bunya anak Jalong di Sabah, kes di Sabah.

Itu cuma satu kes sahaja yang dilaporkan, *we chose one of the most extreme cases* kalau kita tengok daripada segi umur dan sebagainya.

Saya hendak balik kepada statistik Jabatan Pendaftaran Negara yang menunjukkan bahawa sebanyak 5,359 perkahwinan bawah umur antara 2010 hingga Ogos 2013 manakala Mahkamah Syariah telah merekodkan sejumlah 3,870 perkahwinan bawah umur antara 2010 sehingga Mei 2013 dan juga ada lagi satu statistik yang dikeluarkan oleh *United Nations* bahawa pada tahun 2014, dilaporkan di Malaysia sebanyak 150,000 perkahwinan di bawah umur 19 tahun.

■1450

So, isu saya dalam hal ini ialah, kalau kita tengok pindaan-pindaan yang dicadangkan tadi, banyak pindaan-pindaan yang dicadangkan tetapi tidak ada peruntukan untuk meningkatkan umur perkahwinan. Semasa pembentangan tadi, Yang Berhormat Menteri telah beritahu bahawa takrif "kanak-kanak" itu masih akan dikekalkan sebagai 18 tahun- okey. Pada saya, sekurang-kurangnya pindaan-pindaan yang dicadangkan untuk isu-isu perkahwinan pun boleh ikut takrif seksyen 2 punya *definition, that means the 18*.

Oleh sebab, kalau macam cakap tadi, kalau kita tengok sebanyak 62 pindaan, 19 seksyen baru tetapi tidak ada apa-apa mengenai umur perkahwinan. Kalau bukan dalam akta ini mungkin Kementerian boleh bincangkan dengan Kementerian yang berkenaan untuk buat pindaan kepada Akta Perkahwinan dan Perceraian 1976 itu. Fasal pada saya, kalau hendak undi di Malaysia pun kita kena tunggu sampai 21 tahun tetapi kalau hendak kahwin, 16 boleh. *It doesn't make-* apa ini.

Saya membuat cadangan-cadangan ini fasal kita sebagai *state party* bukan sahaja kita telah meratifikasi Konvensyen CRC tetapi kita juga telah meratifikasi CEDAW. Konvensyen menghapuskan diskriminasi terhadap wanita dan isu-isu perkahwinan bawah umur ini juga termasuk *the scope of CEDAW*. So, pada saya...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Tidak ada, sedikit sahaja, dua isu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Pada saya, sudah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk melindungi kalau dalam CEDAW, sebab kita hendak ratifikasi CEDAW. Sudah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk melindungi golongan wanita daripada sebarang bentuk eksploitasi, keganasan dan penderaan. Soalan saya kepada Kementerian satu sahaja. Semasa menjawab soalan saya di Dewan ini pada bulan Disember, Yang Berhormat Menteri telah memaklumkan bahawa kerajaan melalui Majlis Penyelaras Bagi Perlindungan Kanak-kanak telah menubuhkan satu *taskforce* untuk meneliti perkahwinan bawah umur.

Jadi, soalan saya Tuan Yang di-Pertua sama ada *taskforce* ini masih wujud? Kalau wujud, apakah cadangan-cadangan *taskforce* ini? Sudah hampir dua tahun setengah sudah, sudah tiga tahun sejak *taskforce* ini wujud.

Akhir sekali satu sahaja, satu komen sahaja yang saya hendak komen, perkara yang ketiga ialah isu pornografi kanak-kanak yang juga saya nampak tidak ada banyak disebut di pindaan-pindaan yang dicadangkan. Kalau kita ikut Laporan UNICEF, isu *child's pornography* ialah satu isu yang amat membimbangkan. Kalau tidak salah, laporan dari UNICEF *last year* melaporkan lebih dari sejuta orang kanak-kanak terlibat dalam industri seks setiap tahun dan sebilangan besar kanak-kanak perempuan.

Berdasarkan penelitian saya macam cakap tadi, pindaan-pindaan ini juga tidak menyentuh isu *child pornography*. So, kalau boleh seperti yang dicadang tadi, kalau bukan melalui akta ini mungkin Kementerian boleh bincang dengan Kementerian yang berkenaan untuk buat pindaan-pindaan yang wajar kepada Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 supaya kita dapat *handle* isu pornografi.

Akhir sekali, pada saya kerajaan perlu lebih proaktif dan kena ambil lebih banyak inisiatif mengenai isu-isu yang saya bangkitkan tadi. *Especially* fasal kita telah ratifikasi konvensyen ini. Walaupun yang I sebut fasal *child pornography* Tuan Yang di-Pertua, *child pornography* saya sedar ia bukan dalam *main* ini tetapi *child pornography* dicover oleh *optional protocol* dalam konvensyen tersebut.

So, ini permintaan kepada Kementerian. Saya harap Kementerian akan mengambil satu sikap yang positif supaya kita dapat menyelesaikan, sekurang-kurangnya dapat mengawal isu penderaan kanak-kanak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan. Seterusnya, saya minta pula Yang Berhormat Datin Hajah Rahimah binti Haji Mahamad, dipersilakan.

2.55 ptg.

Datin Hajah Rahimah binti Haji Mahamad: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas ruang yang diberikan kepada saya untuk sama-sama berbahas berkaitan dengan Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak ini. Pindaan Akta Kanak-kanak akan membolehkan mana-mana pihak melaporkan ibu bapa atau penjaga yang cuai sehingga menyebabkan kecederaan fizikal, emosi dan seksual kanak-kanak jagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat menyokong berkaitan pindaan Akta Kanak-kanak ini yang turut menghukum ibu bapa dan penjaga yang didapati membiarkan anak-anak mereka tanpa pengawasan sehingga menyebabkan kemalangan dan kematian. Perkara itu tertakluk dalam Rang Undang-Undang Kanak-Kanak (Pindaan) 2015 yang bertujuan mendidik ibu bapa supaya bertanggungjawab dalam pengawasan anak-anak mereka.

Saya ingin merujuk perkara itu kepada beberapa kes kecuai ibu bapa yang kerap kali dilapor di dada akhbar seperti meninggalkan anak dalam kereta berseorangan, meninggalkan anak tanpa keperluan asas yang mencukupi di rumah dan membiarkan anak bermain di pusat membeli-belah tanpa jagaan sehingga menyebabkan kematian. Ini antara tindakan-tindakan yang menjengkelkan dan tidak mencerminkan naluri seorang ibu bapa. Kita perlu fokus kepada ibu bapa yang cuai sebab bukannya kita hendak menghukum mereka tetapi hendak mendidik ibu bapa berkenaan supaya bertanggungjawab. Maka, jika kes-kes seumpama ini laporan boleh dibuat menerusi polis atau terus pada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Namun, saya difahamkan hukuman terhadap ibu bapa bergantung kepada tahap keseriusan sesuatu kes. Kes penderaan kanak-kanak bukanlah perkara baru dalam negara kita. Malangnya, semakin meningkat dari tahun ke tahun. Statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menunjukkan peningkatan kes penderaan kanak-kanak dari tahun 2010 sebanyak 3,257 kes; 2011 - 3,424 kes; 2012 - 3,831 kes; 2013 - 4,109 kes; dari Januari hingga April 2014 – 1,430 kes. Jadi, apakah punca dan pandangan kes-kes sebegini berterusan berlaku? Adakah kajian dibuat ke atas penderaan dan mengapa mereka bertindak demikian?

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan rang undang-undang ini turut menyaksikan lebih 70 peratus akta asal dipinda. Fokus rang undang-undang itu ialah pengabaian ibu bapa dalam penjagaan anak, selain mengenakan hukuman lebih berat terhadap pesalah. Di bawah pindaan itu terdapat cadangan agar hukuman denda serta penjara di bawah seksyen 31, Akta Kanak-kanak 2001 dinaikkan dari RM20,000 kepada RM50,000 dan penjara 10 hingga 20 tahun. Saya difahamkan Kementerian bertanggungjawab turut mengemukakan syor penempatan kanak-kanak dalam penjagaan berasaskan keluarga bagi mereka yang memerlukan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan, termasuk yang menjadi mangsa dera, abai dan tidak terkawal.

■1500

Juga, pindaan itu turut memperkenalkan elemen baru iaitu Perintah Khidmat Masyarakat atau CSO dilaksanakan ke atas ibu bapa dan kanak-kanak yang melakukan jenayah, pesalah dewasa yang mendera atau mengabaikan kanak-kanak selain memansuhkan hukuman sebatan kepada kanak-kanak yang melakukan kesalahan.

Turut dicadangkan ialah daftar pelaku jenayah bertujuan mengesan pendera kanak-kanak didapati bersalah termasuk pesalah laku seks.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta pandangan Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan dakwaan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) yang menemui sekurang-kurangnya 18 isu yang didakwa tidak selari dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak yang ditandatangani Kerajaan Malaysia pada tahun 1995. Ini hasil tinjauan terhadap kanak-kanak Orang Asli di pedalaman termasuk Sabah dan Sarawak, Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Pahang dan Selangor serta Sekolah Kebangsaan Tamil di kawasan ladang dan estet di Perlis dan Kedah.

Antara isu yang diterokai berkaitan pengangkutan dan jalan perhubungan murid di kawasan ladang dan pedalaman ke sekolah, kemasukan sekolah tanpa sijil kelahiran dan kad pengenalan dan kekurangan kemudahan fizikal dan kelengkapan persekolahan serta kegagalan mendapat air bersih. Juga, kanak-kanak luar nikah yang tiada ibu bapa atau pun penjagaan yang sah. Bagaimanakah kementerian melihat senario ini?

Ketiga, isu pengemis kanak-kanak yang dieksploitasi oleh pengemis dewasa untuk meraih simpati.

Keempat, nasib kanak-kanak yang menjadi rebutan bila ibu bapa bercerai.

Kelima, nasib kanak-kanak bila ibu bapa berlainan agama dan berebut hak penjagaan di mahkamah syariah. Mohon pandangan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, anak harta yang tidak ternilai bagi seseorang manusia dan oleh sebab itu, kita dituntut supaya menjaga dan mendidik sesempurna mungkin sebagaimana Tuhan menyebut dalam Al-Quran... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "*Sesungguhnya harta dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, di sisi Allah jualah pahala yang besar.*"

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datin Hajah Rahimah binti Haji Mahamad. Terima kasih banyak. Seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail. Dipersilakan.

3.03 ptg.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati.

Hadis Nabi ada menyebut bahawasanya, "*Setiap kanak-kanak itu dilahirkan dalam keadaan fitrah iaitu Islam. Ibu bapalah yang menjadikannya seorang Yahudi, Majusi atau Nasrani.*" Hadis riwayat Bukhari dan Muslim. Ulama dunia juga ada menyatakan bahawa mereka yang memperincikan, sahabat Nabi SAW, kepada dua kategori iaitu *kibar as-sahabah* yang membawa maksud sahabat dewasa dan *sighar as-sahabah* iaitu sahabat kecil. Dalam konteks ini, kitalah ayah dan ibu bagi generasi kecil ini dan kitalah juga sahabat dewasa buat mereka bagi menjadikan kelompok ini sebagai suatu yang penting dan bukan sebagai subjek perbincangan semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kanak-kanak ini merupakan pindaan kepada Akta Ibu yang sebelum ini dimaktub di bawah Akta Kanak-kanak 2001 [*Akta 611*]. Besar harapan saya untuk melihat akta ini menjadi suatu yang begitu bermakna kepada golongan ini kerana ia akan menjadi dokumen rujukan untuk membina, memperbaiki dan melahirkan generasi masa hadapan.

Untuk itu, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan beberapa perkara yang akan menyentuh secara langsung tentang rang undang-undang ini. Secara prinsip, saya mengalu-alukan usaha untuk meminda Akta Kanak-kanak 2001 demi melindungi kanak-kanak ini secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya mengenai cadangan penubuhan majlis yang menggantikan Majlis Penyelaras bagi Pelindungan Kanak-kanak kepada penubuhan sebuah Majlis Kebangsaan bagi Kanak-kanak. Jika kita lihat kepada fungsi majlis ini, ia elemen penting dalam rang undang-undang ini kerana ia bermaksud bahawa Majlis ini akan menjadi bukan sahaja sumber rujukan tetapi akan menjadi sebuah badan yang bersifat menasihati, perangka strategi, pembuat kajian dan yang lebih penting, ia akan mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang berkaitan sesuai dengan apa yang disebut dalam fasal 3.

Untuk tujuan penubuhan Majlis ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan perincian yang dibuat.

Begitu juga soal fasal 6 menggantikan seksyen 4 dalam soal keanggotaan Majlis. Saya mengalu-alukan sikap keterbukaan kerajaan dalam soal komposisi penubuhan Majlis baru ini yang mana ia dianggotai secara menyeluruh oleh pelbagai anggota daripada pelbagai kementerian dan jabatan yang berkaitan dengan kanak-kanak.

Dalam pindaan terbaru ini, jika boleh kita lihat, ada juga yang menyatakan pindaan baru yang mahu komposisi dua orang wakil dalam kalangan kanak-kanak dilantik Menteri, cadangan seksyen 4(1)(r). Ia merupakan satu cadangan yang saya kira baik di mana terdapat penglibatan kanak-kanak dalam membuat keputusan bagi Majlis tersebut.

Namun, apa yang saya teliti dalam rang undang-undang ini, tidak ada butiran lanjut dalam soal pelantikan ini. Soal siapa mereka, apakah kriteria untuk dilantik dan bagaimanakah proses pelantikan itu? Harap kementerian mampu untuk perelaskan secara lebih terperinci.

Ini kerana, Tuan Yang di-Pertua, yang kita sebut ini melantik kanak-kanak dalam satu skop kerja yang besar yang majoritinya itu ialah kaum dewasa, orang dewasa. Jadi kita hendak kanak-kanak ini, adakah mereka benar-benar mewakili suara generasi dan yang paling penting ialah adakah mereka faham tentang isu yang dibawa dan perlu dibentangkan.

Selain itu juga, saya mohon mencadangkan kepada kementerian agar Majlis tersebut itu juga perlu menyediakan garis panduan dan prosedur operasi standard yang lebih jelas serta laporan pemantauan perlindungan kanak-kanak yang mana, kalau saya boleh katakan ini sebagai cadangan kepada pihak kementerian, yang mana laporan pemantauan perlindungan kanak-kanak ini boleh diakses oleh orang awam yang mana laporan tersebut disediakan dua kali setahun. Dengan cara ini, ia akan membuatkan kita dan golongan komuniti awam di luar sana lebih dekat dengan segala bentuk perkembangan semasa untuk generasi penting ini. Ini kerana kita tak nak, Tuan Yang di-Pertua, bila isu kanak-kanak ini hanya di berita dia keluar soal dera, soal seks dan sebagainya, tapi orang awam perlu tahu juga apa mekanisme pelaksanaan yang dibuat oleh kerajaan dalam menjadikan komuniti ini penting untuk diambil berat.

Rang undang-undang ini juga mencadangkan penubuhan satu Pasukan Pelindungan Kanak-kanak yang disebut dalam pindaan seksyen 7, Akta Ibu. Ini juga merupakan satu perkara penting yang harus diteliti penglibatannya kerana jika saya boleh berkongsi isu ini, bukan sahaja ia melibatkan kerajaan tetapi juga pihak-pihak NGO di luar sana yang mempunyai kebimbangan yang sama dan keprihatinan yang jelas kepada anak-anak kita. Jika boleh saya namakan NGO-NGO seperti *Joint Action Group for Gender Equality*, *Voice of the Children*, *Protect and Save the Children* and *Women's Centre for Change* yang mana saranan dan input daripada mereka juga perlu diteliti.

Antara permintaan mereka, Tuan Yang di-Pertua, bila kita jumpa dengan NGO ini, mereka meminta agar kerajaan memastikan ahli-ahli pasukan ini mempunyai kepakaran dan tumpuan diberikan kepada perlindungan kanak-kanak itu menjadi keutamaan.

Saya juga ingin mencadangkan daripada pengambilan tujuh orang anggota dalam Pasukan Pelindungan Kanak-kanak itu, perlu juga diambil kira daripada kalangan mereka yang terlibat dalam badan-badan kerajaan, NGO dan pekerja sosial yang berkait langsung dengan perlindungan kanak-kanak kerana kita ada NGO yang pakar bab kanak-kanak juga.

Tuan Yang di-Pertua, yang kita mahu penglibatan mereka ini bukan sekadar input-input tetapi juga cara mereka mendekati isu dan menyelesaikan isu. Ini yang kita mahu kerajaan terbuka dengan melantik juga NGO sebagai antara anggota di dalam pasukan.

Pengambilan NGO-NGO penting dan perlu dimanfaatkan memandangkan mereka mempunyai pengalaman dalam urusan pengendalian dan pemantauan isu-isu berkaitan kanak-kanak. Penglibatan aktivis juga dilihat wajar untuk mengimbangi kerajaan dalam membuat keputusan yang sesuai dengan keadaan yang sedia ada.

Dalam soal Pegawai Pelindungan Kanak-kanak pula, pindaan ini telah menetapkan untuk memperjelaskan tugas siasatan dan laporan oleh Pegawai Pelindungan. Akan tetapi, tidak dinyatakan sepenuhnya dalam akta ini. Untuk itu, saya minta kementerian untuk menyatakan SOP dan bidang tugas Pegawai Pelindung yang dinyatakan perlu dinyatakan sepenuhnya dalam akta ini.

■1510

Akhir sebelum saya tutup Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan juga isu perkahwinan bawah umur ini. Dalam Islam, perkahwinan yang bawah umur ini bukan menjadi satu kesalahan. Akan tetapi kalau boleh saya mencadangkan kepada pihak kementerian, agar di bawah Jabatan Agama Islam itu dan Mahkamah Syariah itu sendiri mewujudkan sebuah badan bebas atau badan yang anggotanya itu di kalangan orang-orang yang penting yang mana mereka menyelia.

Kalau boleh, saya sebut sebagai contoh, anak-anak yang hendak berkahwin bawah umur 14 tahun ini sebaik sahaja mereka mendaftarkan perkahwinan, serah borang untuk tuntutan tarikh pernikahan, mereka ini diberi tempoh percubaan satu bulan yang mana anggota daripada *task force* ini diberikan tanggungjawab menyelia persiapan ekonomi mereka, keadaan mereka agar perkahwinan pasangan itu tidak terhenti di tengah jalan hanya kerana suami tidak ada kerja, isteri tidak ada kerja.

Ini yang saya rasa perlu dipandang penting oleh pihak kerajaan khususnya jabatan agama dan sebagainya. Saya juga hendak bertanya adakah kementerian mencadangkan agar kursus perkahwinan berasingan daripada yang sedia ada sekarang. Kalau untuk yang orang kata 21 tahun ke atas ini lain kursus dia. Untuk 14 tahun ini mesti ada yang lebih spesifik yang terperinci agar apa orang kata persiapan mereka ini lebih baik untuk ke alam rumah tangga. Dua soalan akhir saya Tuan Yang di-Pertua, apakah statistik terkini jumlah kanak-kanak yang mengandung anak luar nikah di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan berapakah jumlah kes yang berulang?

Ini perlu diperincikan dan kalau boleh, saya hendak tahu juga apakah mekanisme cara ataupun kaunseling di pusat-pusat penjagaan kanak-kanak ini yang diguna pakai. Ini kerana kalau kita lihat kebanyakan isunya contoh di Perak, di Batu Gajah, ada sebuah pusat tahanan. Bukan tahananlah, yang menjaga kanak-kanak yang berzina dan sebagainya ini menunjukkan trend anak-anak muda yang mengandung anak luar nikah itu berulang-ulang Tuan Yang di-Pertua.

Ini menjadi kegusaran kita dan apakah kalau kita hendak tahu daripada kementerian sendiri, di pusat jagaan ini bagaimana cara mereka menangani kes ini? Tidak cukup mungkin daripada segi kaunseling dan sebagainya, bagaimana cara untuk tidak memastikan mereka ini tidak kembali sebagai orang yang mengandung anak luar nikah dan akhirnya ia menjadi trend yang berulang-ulang pada generasi ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang saya hendak sebut dan *insya-Allah*, semoga kementerian dapat memperbaiki apa sahaja yang penting untuk generasi ini dan saya akhiri dengan *wabilahitaufikwalhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail. Terima kasih banyak dan seterusnya saya minta pula Yang Berhormat Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar. Sila.

3.13 ptg.

Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana membenarkan saya turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Kanak-kanak (Pindaan) 2015.

Anak-anak merupakan anugerah Ilahi yang tidak ternilai kepada kita, yang harus dipelihara dan dijaga dengan rapi dengan penuh kasih sayang. Saya rasa hampir keseluruhan kita di dalam Dewan ini merupakan ibu dan ayah kepada anak-anak. Saya juga merupakan ibu kepada anak-anak dan mempunyai cucu. Maka pindaan ini datang dengan tepat pada masanya. Kita memelihara anak-anak. Imam Ghazali ada mengatakan bahawa anak-anak adalah amanah kepada kedua-dua ibu bapa. Hatinya masih suci ibarat permata yang mahal harganya.

Nescaya dia akan membesar dengan sifat-sifat yang baik dan bahagia di dunia dan akhirat. Kita harus mengambil kata-kata ini sebagai iktibar supaya kita sentiasa menjaga dan memelihara anak-anak kita. Kita tidak boleh mengabaikan mereka dengan begitu sahaja. Walau bagaimanapun, sedih juga kita mendengar segelintir ibu bapa yang bermasalah lebih cenderung untuk melepaskan perasaan kegeraman mereka kepada anak-anak. Saya sendiri pernah melihat keadaan ibu bapa yang mendera anak-anak mereka yang masih kecil. Walau bagaimanapun kementerian ada talian *hotline* di mana saluran untuk membuat, untuk mengadu laporan namun kes ini tidak ada kesudahannya.

Saya lihat kita lebih menjurus kepada sifat menghukum sekiranya ibu bapa membuat salah ataupun ibu-ibu membuat salah maka rang undang-undang ini boleh dikenakan kepada mereka. Saya lebih suka sekiranya kita menumpu kepada aktiviti pemulihan dan perlindungan. Penderaan mungkin wujud disebabkan mereka ada masalah keluarga, ada masalah kewangan dan juga ada tekanan hidup. Semuanya harus diambil kira. Soalan saya adakah kementerian mempunyai skim perlindungan berkelompok ataupun pelan perlindungan bagi keluarga bermasalah ini?

Ini meliputi segala bentuk perlindungan bagi kanak-kanak termasuk juga kepada ibu bapa yang didapati bersalah mendera anak-anak. Saya juga ingin tahu apakah prosedur dan langkah-langkah susulan apabila laporan dibuat. Bermula daripada segi laporan penangkapan dan terus kepada pendakwa. Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang saya amat risau dengan pelbagai gejala yang menimpa anak-anak yang terpampang di media sosial dan juga di internet.

Saya gerun melihat masalah penindasan kepada kanak-kanak. Masalah ini lebih teruk lagi dijadikan sebagai hamba seks. Soalan saya adakah peruntukan dalam rang undang-undang ini sama ada di dalam pindaan ataupun yang telah sedia ada bagi mengawal, mencegah ataupun mendakwa mereka terlibat dengan gejala yang kurang menarik yang terpampang yang sengaja dipaparkan di media sosial. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin- seterusnya mengenai isu kanak-kanak yang tidak sah taraf.

Statistik menunjukkan bahawa pada tahun 2000 hingga 2015, anak-anak tidak sah taraf ini dalam tempoh lima tahun ini berjumlah 321,948 orang. Ini merupakan angka yang besar yang menunjukkan kepada kita bahawa banyak langkah yang perlu dilaksanakan lagi. Statistik rogol yang amat membimbangkan pada tahun 2000 hingga tahun 2015 yang mana rogol melibatkan kanak-kanak di bawah enam tahun sebanyak 421 orang. Ini juga angka yang amat membimbangkan. Soalan saya, sejauh mana pemantauan yang dibuat oleh kementerian dalam isu ini dan program dan langkah-langkah yang menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin menyentuh tentang isu mengenai pindaan yang terkandung dalam rang undang-undang ini iaitu permasalahan hukum sebat dan juga perintah khidmat masyarakat. Saya menyokong usaha ini bagi tujuan melindungi anak-anak. Cadangan pindaan ini juga meliputi penderaan dalam bentuk pengabaian seperti kes kecuiaan ibu bapa seperti meninggalkan anak-anak di dalam kereta berseorangan dan lebih teruk lagi hingga anak, ibu bapa yang sibuk di pusat membeli belah.

Ini sebagai pengajaran kepada mereka yang sentiasa tidak berwaspada dan perlu menjaga anak-anak mereka lebih baik lagi. Soalan saya, apakah bentuk hukuman masyarakat yang dicadangkan oleh pihak kementerian?

Adakah meliputi mereka dikehendaki bertugas di mana-mana pusat khidmat masyarakat ataupun membuat sebarang kerja amal? Saya mohon perincian yang lebih daripada pihak kementerian.

■1520

Seterusnya saya juga ingin menyentuh mengenai dengan rumah anak-anak yatim piatu yang berada di negara kita. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyuarakan kebimbangan saya mengenai pusat-pusat ini yang sentiasa ada kemudahan dan peruntukan. Ini kerana sekiranya kita melihat kepada statistik terdapat 25 buah pusat penjagaan kerajaan, jumlahnya menampung anak-anak seramai 1,500 orang. Manakala 750 buah institusi NGO pula menampung 22,500 orang, dan difahamkan bilangannya meningkat setiap tahun.

Saya ingin bertanya, sama ada peruntukan ini lebih diberikan kepada pusat-pusat penjagaan kanak-kanak terutamanya berada di luar bandar khususnya di negeri Pahang. Saya juga ingin tahu jumlah pusat penjagaan kanak-kanak yang berada di negeri Pahang setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata anak-anak merupakan pertama hati bagi setiap keluarga. Kanak-kanak yang nakal ini amat mencuit hati pada ibu bapa. Bersama-sama kita memelihara dan menjaga mereka. Curahkanlah kasih sayang yang tidak terhingga kepada mereka kerana mereka ini merupakan permata negara. Saya dengan ini menyokong sepenuhnya pindaan Rang Undang-undang Kanak-Kanak 2015. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Hajah Norahan binti Abu Bakar ya, terima kasih. Saya sambung kepada Yang Berhormat Senator Khairiah binti Mohamed.

3.21 ptg.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Saya terus perbincangan saya dengan merujuk kepada fasal 6 iaitu berkait dengan keanggotaan Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak. Jika saya lihat kepada keanggotaan majlis ini, ia melibatkan pelbagai ketua pengarah daripada pelbagai jabatan dan di sini ada ketua pengarah kesihatan, ketua pengarah pendidikan, pendaftaran negara, penjara, imigresen dan juga pengarah kebajikan masyarakat.

Namun di sini, suka saya ingatkan apa-apa jua polisi, apa-apa jua dasar dan keputusan berkait dengan kanak-kanak, kita tidak boleh tinggal aspek agama dan saya kira ia menjadi teras kepada setiap keputusan ataupun dasar-dasar kita berkait kanak-kanak. Suka di sini saya menyarankan agar Ketua Pengarah Jabatan Agama Islam dilibatkan sebagai anggota tetap kepada Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak ini dan bukan dilibatkan secara opsyenal sebagaimana yang diperuntukkan melalui subseksyen (s), yang pertama.

Kedua, saya ingin merujuk kepada fasal 8 iaitu pindaan yang dibuat pada seksyen 5. Sebelum ini, melalui Majlis Penyelaras Bagi Perundingan Kanak-Kanak, ia telah menetapkan mesti bermesyuarat sebanyak empat kali setahun.

Jadi melalui pindaan pada kali ini, ia telah dikurangkan menjadi mesyuarat Majlis Kebangsaan Kanak-Kanak ini hanya kepada dua kali setahun. Jadi saya mohon di sini, apakah sebenarnya justifikasi kepada pengurangan bilangan mesyuarat ini? Adakah sebelum ini melalui Majlis Penyelaras Bagi Perlindungan Kanak-Kanak banyak keputusan dibuat selesai melalui peringkat jabatan sahaja, tidak perlu dirujuk kepada majlis penyelaras? Apakah itu justifikasinya ataupun mungkin ada justifikasi-justifikasi lain?

Adakah ini juga pengurangan bilangan mesyuarat ini ada kaitan dengan satu seksyen baru yang dibuat iaitu ketetapan tanpa mesyuarat melalui seksyen baru 5A di mana Majlis jika perlu boleh meluluskan suatu ketetapan tanpa bermesyuarat? Ini pun saya kurang jelas, saya perlu lebih detil berkait dengan perkara ini. Di mana jika kita tengok kepada syarat yang dinyatakan di 5A subseksyen 2(b), semua anggota Majlis mengadakan persetujuan dengan ketetapan yang dicadangkan itu dengan mengikut kaedah yang ditentukan oleh Majlis.

Jadi tanpa ada mesyuarat kita bersetuju dengan satu ketetapan dan seolah-olah di sini mesti menyatakan persetujuan. Macam mana jika ahli kepada majlis kanak-kanak ini tidak bersetuju dengan ketetapan tersebut? Jadi saya mohon lebih detil penjelasan tentang apa yang dimaksudkan dengan ketetapan tanpa mesyuarat ini. Apakah keperluannya yang begitu mendesak?

Seterusnya saya merujuk kepada fasal 18, yakni berkaitan pindaan pada seksyen 17. Di bawah pindaan pada (c)(i), "*Tidak layak atau telah mengabaikan atau tidak berupaya*". Selepas "*tidak berupaya*" itu ada "," (koma) untuk menjalankan. Adakah "," (koma) yang diletakkan selepas "*tidak berupaya*" itu, adakah itu yang dimaksudkan ataupun itu satu kesilapan? Saya mohon disemak sama ada tanda "," (koma) itu perlu dibuang.

Di sini saya ingin bertanya berkait dengan perkataan ibu bapa ataupun penjaga kanak-kanak yang tidak layak itu, adakah apabila berlaku satu kes di mana ibu ataupun bapa ataupun penjaga yang telah disahkan penagih dadah, mereka ini boleh dikategorikan sebagai ibu ataupun bapa ataupun penjaga yang tidak layak? Apakah lagi kategori ibu atau bapa atau penjaga yang tidak layak? Ini kerana sebelum ini telah banyak berlaku kes-kes kanak-kanak yang di bawah jagaan, contohnya ibu yang seorang penagih dadah ataupun ibu yang teman lelakinya penagih dadah telah dibunuh dengan kejam. Saya kira satu peruntukan yang ada ini satu peruntukan bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku kepada kanak-kanak yang dijaga oleh orang-orang yang tidak layak. Saya mohon penjelasan.

Seterusnya yang terakhir, berkait fasal 63 iaitu rakaman gambar kanak-kanak dihala ng dalam waktu-waktu sebagaimana yang telah disebut dalam seksyen 85 subseksyen (c) iaitu, "*Tidak boleh mengambil gambar seorang kanak-kanak semasa ditahan dan sebagainya*". Namun apa yang disebut di sini adalah, "*Menghalang gambar seorang kanak-kanak*".

Jadi, yang tidak dibenarkan ataupun yang dihala ng mengambil gambar sahaja. Macam mana jika bukan gambar yang disebar, tetapi laporan lengkap nama kanak-kanak tersebut, nombor IC, alamat kanak-kanak tersebut disebar, terutamanya hari ini kalau berlaku kes-kes rogol bawah umur secara berkumpulan, nama kanak-kanak tertera termasuklah nombor IC mereka dan alamat mereka. Ia bukan gambar, kadang-kadang ada gambar, kadang-kadang tidak ada gambar tetapi maklumat lengkap pesalah kanak-kanak ini telah diedarkan secara berleluasa. Jadi saya kira dengan *wording* yang ada pada seksyen ini, ia tidak meliputi perkara tersebut kerana ia secara khusus menyebut menghalang gambar seseorang kanak-kanak itu disebar melalui apa-apa perantara elektronik.

Terakhir, suka di sini saya menyebut berkait dengan menamakan anak-anak tidak sah taraf. Mungkin ini berkait secara tidak langsung dengan Yang Berhormat Menteri yang membentangkan pada hari ini iaitu kebajikan anak-anak tidak sah taraf yang dilahirkan tidak cukup enam bulan dari tempoh perkahwinan.

■1530

Mengikut fatwa yang ada pada hari ini, anak-anak yang dilahirkan enam bulan selepas tempoh perkahwinan dan dengan ada persetujuan bapa, boleh dibinkan kepada nama bapa tetapi sekiranya tidak cukup enam bulan dari tempoh perkahwinan, walaupun bapa itu bertanggungjawab dan mengaku bahawa ia anaknya, masih tidak boleh dibinkan kerana tidak cukup syarat enam bulan.

Jadi saya kira, keadaan ini sebenarnya dengan bilangan anak tidak sah taraf yang ada pada hari ini dan impak yang besar ke atas anak-anak tidak sah taraf itu, ia memberi kesan buruk jangka panjang kepada anak-anak itu yang mana mereka berdepan dengan kehidupan yang sukar, berdepan dengan label-label yang diberikan oleh masyarakat.

Jadi saya kira dan saya mohon, kerajaan melihat kembali perkara ini kerana dari sudut pandangan Ahli-ahli Majlis Fatwa sendiri, mereka sebenarnya berbeza pendapat. Terdapat pendapat majoriti dan pendapat minoriti.

Saya kira sangat penting hari ini, perkara ini dilihat kembali, ditengok kembali bagi menjamin kemaslahatan anak-anak itu sendiri secara khusus. Kita faham hari ini, masalah anak tidak sah taraf ini sangat berleluasa dan saya kira, keputusan ini bukan boleh mengelakkan berleluasanya anak tidak sah taraf ini tetapi ia perlu dibanteras dengan kaedah-kaedah lain seperti kesedaran keagamaan, gaya hidup yang lebih sihat dan sebagainya. Jadi dengan demikian, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed. Seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan.

3.32 ptg.

Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut berbahas Rang Undang-undang Kanak-kanak (Pindaan) 2015. Didapati bahawa, banyak perhatian diberi kepada kanak-kanak yang daripada keluarga miskin, daripada keluarga yang tidak sempurna dan juga kanak-kanak yang didera tetapi kurang perhatian diberi kepada kanak-kanak OKU.

Jadi saya ingin mengutarakan sedikit berkenaan dengan kanak-kanak yang mengalami penyakit jarang jumpa iaitu *rare diseases*. *Rare disease* suatu keadaan kesihatan yang disebabkan oleh faktor genetik yang tidak sempurna dan ini melibatkan anggaran sekurang-kurangnya seorang daripada jumlah 4,000 orang. Di Malaysia, seramai 10,000 orang dikenal pasti sebagai penghidap *rare disease* ini dan tanda-tanda *rare disease* ini selalunya dapat dikesan sewaktu kanak-kanak itu dalam kedudukan bayi yang baru lahir.

Oleh sebab tidak ada perhatian dan juga perkhidmatan sokongan yang secukupnya, ramai penghidap *rare disease* ini meninggal dunia. Kalau mereka dikurniakan usia yang lebih lanjut, kanak-kanak ini akan mengalami penyakit atau pelbagai kekurangan fizikal dan *sensory* dan mereka memerlukan bantuan sokongan. Ini amat membebankan keluarga yang menjaga mereka ini.

Suatu lagi kumpulan kanak-kanak yang kini juga menghadapi masalah yang mana- saya juga akan mengutarakan beban pada keluarga, beban tanggungan, beban daripada segi ekonomi kepada keluarga mereka. Terdapat suatu kajian yang dijalankan oleh Chong Chia Yin pada tahun 2013 berkenaan dengan kanak-kanak *cerebral palsy*. Dia telah melihat beban ekonomi keluarga anak *cerebral palsy* dalam kalangan ahli *Malaysian Advocates for Cerebral Palsy*. Chong telah menjalankan kajian ke atas 74 buah keluarga dari persatuan ini dan telah mengkaji purata perbelanjaan dan kehilangan produktiviti yang dialami oleh penjaga, selalunya ibu bapa dan juga individu *cerebral palsy*.

Hasil kajian itu didapati bahawa pada tahun 2013, sebanyak RM28,547.79, tambahan diperlukan untuk menjaga seorang anak *cerebral palsy* dan kos kesihatan secara *direct* melibatkan 47 peratus daripada jumlah itu. Kos *mental development* atau perkembangan anak, 36 peratus dan yang tidak berkaitan dengan kesihatan iaitu perbelanjaan sampingan 17 peratus. Ini menunjukkan bahawa keluarga harus menanggung perbelanjaan yang lebih untuk memberi perkhidmatan dan penjagaan kepada anak-anak mereka.

Jadi persoalan saya kepada kementerian yang berkenaan ialah apakah perkhidmatan dan bantuan kewangan dan perkhidmatan sokongan yang disediakan bagi kanak-kanak yang mengalami kecacatan yang menyebabkan mereka digolongkan sebagai kanak-kanak OKU ini?

Jadi, kalau kita tahu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyediakan beberapa buah pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) tetapi selain dari ini, ada juga sokongan sokongan dan juga kaunseling yang perlu diberi kepada ibu bapa yang mengalami kesulitan untuk menjaga anak-anak ini.

Satu lagi aspek ialah untuk mendapat perkhidmatan kesihatan daripada segi pengesanan kecacatan dalam anak-anak mereka. Ada rungutan daripada ibu bapa yang mengatakan bahawa mereka kena ulang-alik ke hospital sebanyak beberapa kali dan ada juga yang memakan masa lama, hampir dua tahun sebelum dikenal pasti kecacatan yang ada pada anak-anak mereka. Jadi, kekurangan kepakaran juga menjadi suatu masalah mengapa perkhidmatan tidak sampai kepada kesemua kanak-kanak OKU di negara ini. Jadi diminta kementerian yang berkenaan iaitu Kementerian Kesihatan menambah pakar-pakar dan juga perkhidmatan untuk ibu bapa ini.

Akhirnya, saya ingin menyentuh mengenai satu laporan yang disediakan oleh sebuah persatuan iaitu NECIC mengenai *children disability in Malaysia, Mapping the Policies, Programmes, Interventions and Stakeholders* yang dikeluarkan pada tahun 2013. Dalam laporan ini, disenaraikan hasil kajian dan NECIC telah menumpukan kepada empat perkara yang penting iaitu siapakah pemegang-pemegang kepentingan dalam isu-isu berkenaan dengan kanak-kanak OKU serta peranan dan tanggungjawab mereka ini dan peranan NGO, wakil-wakil pusat kanak-kanak OKU dan sejauh manakah mereka ini dapat mempengaruhi dasar yang digubal oleh kerajaan dan peranan mereka dalam membuat keputusan untuk merangka, merancang dan melaksanakan dan juga menilai program-program yang disediakan.

Ketiga, perkhidmatan yang sedia ada dalam negara bagi kanak-kanak OKU dan aspek keempat mengenal pasti kekurangan yang ada dan usaha untuk mencari penyelesaian bagi aspek-aspek dasar, undang-undang, penyertaan pemegang kepentingan dan juga penyampaian perkhidmatan kepada kanak-kanak OKU di negara ini.

■1540

Saya hendak minta kementerian yang berkenaan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, sejauh mana hasil kajian yang dilaporkan dalam laporan ini diambil kira dan dimasukkan dalam penggubalan dasar bagi kanak-kanak OKU. Dengan ini, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Puan Bathmavathi Krishnan. Jadi sepanjang masa tadi hampir enam-enam orang wanita dan ibu yang bercakap. Boleh saya ringkaskan mereka melahir kasihnya ibu. Kasihnya ibu sepanjang zaman, ku susuimu sepanjang masa supaya hidupmu anakku sihat sejahtera. Berdoalah kamu menjadi manusia insan yang berguna untuk negara ku. Akhirnya rasa kasih ibu kepada anak ini tadi, didoanya begitu. Sila saya jemput tadi Yang Berhormat Isa bin Ab Hamid.

3.41 ptg.

Tuan Isa bin Ab Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, yang dihormati Senator-senator semua. Terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kanak-kanak (Pindaan) 2015.

Di sini ingin saya bercakap bagi mewakili masyarakat orang Asli, hak pendidikan bagi kanak-kanak. Hak pendidikan bagi kanak-kanak orang Asli di pedalaman mahupun di luar bandar, mahupun kaum minoriti siam, kaum Penan di Sabah dan Sarawak. Jauh di pedalaman kita melihat kekurangan akses pendidikan, ruang pembelajaran yang terhad, dan masalah bahasa yang terhad.

Di sini saya ingin mencadangkan supaya pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa orang Asli diperkukuhkan sebab masalah bahasa menjadikan ruang pendidikan masyarakat Orang Asli agak terpinggir di mana transisi bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa India, satu proses. Akan tetapi dalam bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu, kepada bahasa Asli, tiga transisi. Di sini menyukarkan masyarakat-masyarakat peribumi Orang Asli untuk memahami pedagogi dengan tepat dan berkesan.

Kedua, saya mencadangkan supaya *mobile school* ataupun sekolah bergerak bagi masyarakat orang Asli yang sangat naif dan daif seperti kaum Batik dan Jahat. Mereka ini masih lagi *mobile*, bergerak dari hutan ke hutan, dari kampung ke kampung. Boleh dipilih sukarelawan-sukarelawan orang Asli untuk mengadakan sekolah bergerak bagi kumpulan-kumpulan yang agak terpinggir begini.

Seterusnya, saya melihat satu pendekatan pendidikan wajib kepada masyarakat orang Asli dikuatkuasakan. Kita melihat kebanyakan ibu bapa, pemimpin tidak menekankan kewajipan pendidikan sehinggakan anak-anak dibiarkan tidak bersekolah, dibawa untuk bekerja nelayan, dibawa untuk masuk hutan membantu mencari sumber makan. Akan tetapi kewajipan pelajaran tidak dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, saya melihat bahawa penguatkuasaan ini perlu diberi kesedaran kepada ibu bapa seterusnya dendaan ataupun langkah-langkah penguatkuasaan perlu dibuat.

Seterusnya saya melihat kepada hak kepada kesihatan yang baik bagi kanak-kanak Orang Asli. Kita lihat isu bekalan air luar bandar yang kurang sempurna. Bekalan air luar bandar yang kadang-kadang ada, dan tidak ada. Oleh sebab itu, kita lihat taraf kesihatan yang semakin berkurangan ditambah dengan tahap pendidikan yang rendah, menjadikan perubahan arus perdana bagi masyarakat Orang Asli agak perlahan.

Justeru itu, saya menyarankan supaya Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Pendidikan untuk melihat langkah-langkah untuk meningkatkan hak kanak-kanak Orang Asli di pedalaman dan juga peribumi di kawasan Sabah dan Sarawak supaya dapat ditingkatkan dar semasa ke semasa.

Dalam Akta 134 juga menjelaskan, dalam seksyen 18. Perkara seterusnya yang saya ingin bahasakan ialah kanak-kanak Orang Asli tidak boleh pada anak angkat oleh mana-mana pihak ataupun kaum lain tanpa dengan kebenaran Ketua Pengarah. Sekarang ini saya lihat gejala pengambilan anak angkat ataupun penubuhan rumah-rumah kebajikan yang mempunyai maksud-maksud tertentu telah ramai mengambil anak-anak orang Asli ditempatkan di asrama-asrama tanpa kelulusan Ketua Pengarah dan juga Jabatan Orang Asli.

Ini menjadikan masyarakat ataupun kanak-kanak Orang Asli terdedah dengan pelbagai eksploitasi dan juga pengurusan yang tidak kita tahu matlamat dan juga kehendak yang disusun oleh NGO-NGO ataupun badan-badan kebajikan ataupun pusat-pusat kebajikan yang tidak berdaftar dengan JKM dan juga Jabatan Orang Asli.

Seterusnya saya ingin melihat kepada penubuhan iaitu Majlis Kebangsaan bagi Kanak-kanak. Di sini saya lihat kepada seksyen 4 tadi tidak melibatkan Jabatan Kemajuan Orang Asli. Kita lihat bahawa isu kanak-kanak orang Asli terutamanya tadi merupakan sebahagian besar di bawah Kementerian Luar Bandar dan juga JAKOA supaya JAKOA ataupun Kementerian Luar Bandar dilibatkan sebagai jawatankuasa ini.

Akhir sekali saya mengucapkan Terima kasih dan menyokong Rang Undang-undang Kanak-kanak ini. Sekian, *Assalamualaikum*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Isa Ab Hamid. Terima kasih. Saya nampak ada perkembangan baru Dewan ini ramai yang dah pantai berpantun, termasuk Yang Berhormat Boon pun dah pandai. Saya belum dengar lagi daripada manusia bernama Yang Berhormat Datuk Seri Nallakaruppan belum lagi. Bak kata orang Melayu,

*Gadis sunti senyumnya ayu,
Senyumannya penuh bersantun,
Kalau hendak tahu siapa Melayu,
Dalam bahasa dia berpantun.*

Itu dia. Sekarang ini kita panggil pula Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar.

3.47 ptg.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang ini. Secara ringkas, kebanyakan cadangan yang dibentangkan adalah bagus dan saya sokong rang undang-undang ini. Walaupun begitu, ada beberapa perkara yang saya akan menyentuh. Salah satu isu yang saya ingin bangkitkan di sini ialah masalah pembuangan bayi.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, pada tahun 2015, daripada 104 orang bayi yang dibuang, 61 orang bayi ditemui mati. Pada tahun 2014, yang dapat diselamatkan 75 orang bayi, manakala 28 orang bayi ditemui mati dan pada tahun 2013, 32 orang bayi didapati hidup dan 58 orang bayi mati.

Kita mendapati bahawa tiap-tiap tahun sejumlah 100 orang bayi dibuang dan usaha pastilah angka ini akan meningkat. Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan daripada bayi yang dibuang dilahirkan di luar pernikahan atau *out of wedlock*, dengan izin, dan masalah ini adalah serius. Maka saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri apakah saluran yang ada untuk pasangan yang terperangkap dalam keadaan ini? Adakah kementerian telah mendirikan pusat kaunseling untuk membantu mereka supaya kes pembuangan bayi dapat dikurangkan. Jika ada, sejauh manakah pusat kaunseling yang sedia ada berkesan memandangkan masalah ini semakin serius?

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya kaunseling bukan sahaja harus ditujukan kepada remaja yang terlibat dalam kegiatan seksual. Akan tetapi kepada ibu bapa mereka kerana masalah pembuangan bayi berpunca daripada masalah di rumah di mana ibu bapa telah mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap anak mereka oleh sebab tekanan ekonomi.

■1550

Di mana mereka tidak dapat meluangkan masa untuk memantau anak mereka. Itu sebabnya eloklah jika kaunseling harus diberi kepada ibu bapa tentang cara memantau dan memperhatikan kegiatan anak mereka dan juga cara yang berkesan untuk menasihati anak mereka daripada terlibat dalam aktiviti seksual di luar pernikahan. Tentang bayi-bayi yang dapat diselamatkan. Saya harap bahawa mereka diberi layanan yang baik dan layanan berperikemanusiaan dan mereka tidak dianggap sebagai sampah masyarakat yang dipandang dengan keji sebab dilahirkan di luar nikah.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa kerajaan telah mewujudkan *baby hatch* untuk menyelamatkan bayi daripada dibuang. Memberi kasih sayang keluarga kepada bayi-bayi yang terbuang dan sekali gus membendung masalah pembuangan bayi. Saya mengalu-alukan usaha ini. Akan tetapi saya berharap bahawa kerajaan akan melibatkan NGO-NGO dalam usaha untuk membendung masalah pembuangan bayi. Setakat ini, bolehkah kita dimaklumkan berapa banyak NGO yang terlibat dalam usaha ini dan jenis kerjasama antara mereka dan kerajaan? Kita harus sedar bahawa usaha untuk membendung pembuangan bayi bukan sahaja tanggungjawab kerajaan tetapi masyarakat melalui NGO-NGO juga boleh membantu dan mempunyai peranan.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua yang penting ialah kes-kes perkosaan yang dilakukan atas kanak-kanak atau *child rape*, dengan izin. Ini pun telah muncul sebagai suatu masalah yang harus dibendung. Antara tahun 2000 sehingga 2015, jumlah kanak-kanak di bawah umur 15 yang dirogol ialah 19,264. Suatu angka yang memeranjatkan. Untuk keterangan yang lebih terperinci dan tempoh masa ini adalah:

Kategori Umur Kanak-kanak	Bilangan Kes
Bawah 6 tahun	421
Antara 6 tahun hingga 9 tahun	716
Antara 10 tahun hingga 12 tahun	1,862
Antara 13 tahun hingga 15 tahun	16,265
Jumlah	19,264

Bolehkah kita dapat kurangkan kes-kes macam ini? Di manakah peranan ibu bapa untuk menjaga dan mengawal keselamatan anak-anak mereka? Malangnya, dalam beberapa kes perkosaan kanak-kanak sering kali kita dengar bahawa kes-kes ini dipertikaikan kerana hubungan seks itu dikatakan atas dasar *consensual* ataupun persetujuan kedua pihak. Namun, kita harus tegaskan bahawa sebarang hubungan seks dengan kanak-kanak di bawah umur 16 harus dianggap sebagai *statutory rape*, dengan izin, dan tindakan tegas harus diambil terhadap sesiapa yang melakukan hubungan seks dengan kanak-kanak yang di bawah umur 16 tahun.

Kes Bunya Jalong yang berumur 60 tahun yang mencabuli kehormatan seorang mangsa yang berumur 14 tahun pada tahun 2013 merupakan satu kes yang sedih kerana beliau telah dibebaskan oleh *the Court of Appeal* atas tuduhan *statutory rape*. Dalam beberapa kes rogol yang melibatkan kanak-kanak, orang yang dituduh mencadangkan bahawa dia sanggup mengahwini mangsanya. Ini satu cara hendak melepaskan diri dari satu perbuatan yang amat keji dan ini tidak boleh diterima kerana jika kanak-kanak itu di bawah umur 16 tahun, kes ini haruslah dikelaskan sebagai *statutory rape* dan orang yang melakukan perkosaan itu harus dihukum dengan hukuman yang berat.

Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada kes Bunya Jalong, kita juga mesti ambil berat tentang kes-kes di mana kanak-kanak menjadi mangsa sumbang mahram. Antara tahun 2000 sehingga 2015, kanak-kanak yang menjadi mangsa sumbang muhrim adalah seperti berikut:

Kategori Umur Kanak-kanak	Bilangan Kes
Bawah 6 tahun	156
Antara 6 tahun hingga 9 tahun	327
Antara 10 tahun hingga 12 tahun	651
Antara 13 tahun hingga 15 tahun	1,829
Jumlah	2,963

Kes-kes ini amat menyedihkan dan kes-kes ini membuktikan kebenaran kenyataan, 'harapkan pegar, pegar makan padi'. Saya hendak tahu, adakah kementerian dapat mengadakan suatu kajian kenapa insiden sumbang mahram sedang berleluasa. Ini satu kes yang harus kita ambil berat. Oleh sebab itu, saya ingin keteranganlah sejauh manakah pindaan dalam akta ini dapat menangani keganasan seksual terhadap kanak-kanak pada masa ini. Beberapa tindakan yang sudah diambil, kes yang telah diambil tindakan dan yang telah dijatuhkan hukuman?

Tuan Yang di-Pertua, pindaan fasal 4 yang mencadangkan di antaranya penubuhan majlis kebangsaan bagi kanak-kanak bagi menggantikan Majlis Penyelaras bagi Pelindungan Kanak-kanak yang mana dua orang wakil kanak-kanak akan dilantik oleh Yang Berhormat Menteri atau disyorkan oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dicadangkan. Bolehkah keterangan diberi macam mana pelantikan ini dibuat dan apakah kriteria kanak-kanak yang akan dilantik yang akan menganggotai Majlis ini? Adakah had umurnya dan apakah ia mengikut kaum ataupun kawasan seperti kawasan di luar bandar ataupun di bandar?

Soalan-soalan yang saya kemukakan di sini, saya harap akan dapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri kerana saya setuju dan sokong pindaan ini dan saya berharaplah bahawa dengan rang undang-undang yang dipinda ini akan memanfaatkan negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin dan saya teruskan tadi Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar kepada Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng. Sila. Ada?

3.57 ptg.

Tuan Chia Song Cheng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan izinkan saya memberikan membahaskan Rang Undang-undang Kanak-kanak (Pindaan) 2015 untuk meminda Akta Kanak-kanak tahun 2001. Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada akta merupakan satu kepujian kepada kementerian kerana sekali lagi memberikan pengiktirafan dalam mempertingkatkan hak-hak kanak-kanak di Malaysia agar setanding dengan piawaian antarabangsa. Walau bagaimanapun, saya ingin nyatakan beberapa perkara akan dapat penjelasan lanjut daripada kementerian berkenaan agar perlindungan yang lebih menyeluruh dan pengurusan yang lebih peka apabila melibatkan kanak-kanak.

Pertama, saya hendak membangkitkan tentang daftar pesalah seks kanak-kanak. Tuan Yang di-Pertua, satu usaha yang akan diwujudkan daripada rang undang-undang ialah sebuah pangkalan pendaftaran kanak-kanak diwujudkan bagi merekodkan pendera kanak-kanak atau pesalah seksual atas kanak-kanak. Kewujudan pangkalan ini adalah untuk menjamin keselamatan kanak-kanak daripada penjenayah.

■1600

Walaupun bagaimanapun, terdapat satu isu mengenai pangkalan pendaftaran kanak-kanak iaitu sama ada pangkalan tersebut akan disertai dengan program pemulihan dan pemantauan ke atas pendera kanak-kanak atau pesalah seksual atas kanak-kanak yang telah disenaraikan dalam pangkalan tersebut. Penyenaian pendera-pendera atau pesalah tersebut pada pandangan saya tidak mencukupi untuk melindungi kanak-kanak. Ini adalah kerana golongan ini memerlukan bantuan rawatan dan pemantauan bersesuaian untuk memastikan pendera atau pesalah ini tidak mengulangi penjenayah yang sama yang akan membawa isu keselamatan awam serta mampu kembali berinteraksi dengan masyarakat.

Pengurangan jenayah berulang seharusnya menjadi matlamat utama kepada kementerian untuk memastikan kadar *index* jenayah negara berkurangan. Usaha kementerian ini dilihat hanya bersifat punitif, seperti pangkalan pendaftaran kanak-kanak ini tidak mengurangkan jenayah berulang sehingga ke akar umbi. Dicadangkan agar satu program disertakan bersama pendaftaran tersebut seperti perkhidmatan kaunseling kepada pendera atau pesalah yang di senaraikan iaitu untuk mengulangi kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengemukakan satu kes dimana, seorang budak lelaki berusia lima belas tahun melakukan hubungan seks secara rela dengan teman wanitanya yang berusia empat belas tahun. Dengan situasi sedemikian, adalah tidak adil kepada seorang individu untuk direkodkan seumur hidup dalam pangkalan, kerana pangkalan tersebut di perlihatkan sebagai profil mendesak untuk semua individual sama ada pesalah ataupun mangsa. Keadaan ini akan mengisytiharkan seorang individual sepanjang hayat mereka, oleh itu Tuan Yang di-Pertua, soalan saya kepada Kementerian adalah untuk menjelaskan.

Pertama, adakah kanak-kanak di bawah umur yang melakukan kesalahan seksual akan juga dimasukkan ke dalam pangkalan pendaftaran baru ini.

Kedua, bagaimana kementerian merancang untuk memerangi sebarang pertindihan dengan Akta Pendaftaran Penjenayah-penjenayah dan Orang-orang Tak Diingini 1969, Akta 7. Terdapat juga satu situasi di mana lelaki dewasa yang mempunyai hubungan seks dengan seorang kanak-kanak perempuan dan kemudian berkahwin dengan dia di bawah undang-undang Syariah. Di sini saya membawa perhatian kepada kes Riduan Masmud yang berusia 41 tahun pada masa tersebut yang telah merogol dan kemudian berkahwin dengan seorang perempuan yang berusia 13 tahun.

Jelas sekali hak ini menunjukkan undang-undang Syariah tentang perkahwinan telah diambil kesempatan sebagai jalan keluar agak tidak didakwa di bawah undang-undang sivil iaitu kesalahan rogol. Berikutan ini, meminta kementerian memperjelaskan bagaimana kementerian boleh membezakan sama ada atau tidak lelaki seperti ini dianggap sebagai pesalah seks kanak-kanak atau suami.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya hendak bangkitkan iaitu tentang tenaga buruh paksa ke atas kanak-kanak. Secara amnya Malaysia tidak menyokong atau membenarkan sebarang tenaga buruh paksa terutamanya tenaga buruh kanak-kanak. Kerajaan telah mempunyai pelbagai akta untuk membendung masalah tenaga buruh paksa ke atas kanak-kanak dan tidak hanya terhad dalam pindaan Akta 611.

Bagaimana pun masalah tenaga buruh paksa tidak langsung masih berlaku ke atas kanak-kanak di Malaysia. Satu daripadanya ialah kanak-kanak yang terpaksa berhenti sekolah untuk menyokong keluarga mereka, kanak-kanak yang kecil ini sama ada terpaksa terlibat dalam aktiviti penipuan atau bekerja atas paksaan oleh Ibu bapa mereka. Jadi soalan tambahan saya kepada kementerian ialah apakah pendirian kementerian dalam perkara kanak-kanak yang terpaksa dan tercipir daripada persekolahan untuk menampung kehidupan keluarga yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, berikutnya terdapat sesetengah syarikat yang mempergunakan kanak-kanak ini untuk melakukan penjualan atau pemasaran produk mudah alih di kedai-kedai kopi dan kedai di tepi jalan. Syarikat ini sebenarnya mengambil kesempatan ke atas perasaan simpati khalayak ramai dan sengaja mengupah kanak-kanak sebagai pekerja pemasaran mereka untuk memperoleh keuntungan. Dengan itu, apa dasar atau strategi kementerian untuk memastikan syarikat sedemikian tidak mengambil kesempatan daripada kanak-kanak yang kecil dan masih naif.

Manakala isu terakhir yang saya ingin ketengahkan kepada kementerian rakyat Malaysia, dewasa yang meminta sedekah di tepi jalan dengan kanak-kanak. Satu pandangan rawak yang telah diperhatikan bahawa bantuan yang diberikan oleh Jabatan Kebajikan tidak mencukupi, maka mereka masih meminta sedekah di tepi jalan bersama kanak-kanak, pendekatan yang komprehensif dan sejauh manakah Penguatkuasaan pegawai JKN yang turun padang untuk membantu golongan miskin tempatan ini. Tuan Yang di-Pertua, masih ada satu perkara yang terakhir iaitu hukuman rotan di sekolah dan di rumah. Di samping itu, fasal 61 rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 83 berbangkit daripada pemansuhan hukuman sebat untuk pesalah kanak-kanak.

Pesalah kanak-kanak juga boleh terlepas hukuman penjara dan sebaliknya diperintahkan untuk melakukan khidmat masyarakat selama 120 jam dalam tempoh enam bulan. Ini satu usaha yang terpuji, walau bagaimanapun isu hukuman rotan ke atas kanak-kanak oleh Ibu bapa dan guru-guru tidak di perkatakan dalam rang undang-undang ini. Ini amat membimbangkan, kerana menurut Persatuan Kebangsaan Penjagaan Awal Kanak-kanak dan Pendidikan Malaysia Datin Radziah Mohd Daud berkata bahawa ibu bapa sering merotan kanak-kanak akibat kemarahan dan juga kekecewaan. Isu mengenai merotan kanak-kanak walaupun didorong oleh tujuan untuk mendisiplinkan kanak-kanak, namun masih terdapat ruang untuk- batasan yang kepada kemungkinan penderaan.

Dengan itu, saya ingin mengambil peluang ini untuk minta kementerian agar mempertimbangkan semula keberkesanan merotan dalam memupuk disiplin dan watak kanak-kanak. Rotan bukan sahaja menyebabkan kesakitan fizikal tetapi akan meninggalkan parut kepada emosi kanak-kanak. Satu kajian yang diterbitkan oleh *Jurnal Pembangunan Sosial* mendapati pelaksanaan hukuman rotan oleh Sekolah ke atas kanak-kanak akan memburukkan lagi emosi kanak-kanak terutamanya, dengan izin, *executive functioning* yang merangkumi perancangan berfikir abstrak dan melambatkan respons.

■1610

Kesan berikutnya kepada kanak-kanak yang dirotan juga menyebabkan persoalan kanak-kanak untuk memahami peraturan dan piawaian. Seterusnya, menyebabkan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Tuan Chia Song Cheng: Sikit sahaja, satu muka lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Ringkaskan.

Tuan Chia Song Cheng: Baik Tuan Yang di-Pertua, menyebabkan kekurangan pengawalan didik. Masalah ini bukan satu perkara yang mudah diselesaikan kerana budaya di sini, Asia yang berakar umbi dalam idea memupuk disiplin melalui hukuman rotan. Walau bagaimanapun, budaya sedemikian di Malaysia dilihat dipertimbangkan semula kerana ia kita berbeza dengan zaman kini. Maka, hukuman merotan yang tidak lagi akan menjadi satu cara yang berkesan untuk memupuk idea atau pelajaran tertentu ke dalam kanak-kanak.

Akhir sekali, berdasarkan pemerhatian saya pendisiplinan kanak-kanak kini menjadi masalah kerana wujud jurang yang semakin luas, yang semakin meningkat di antara ibu bapa dan guru. Jurang komunikasi antara mereka yang kemudian memburukkan lagi tindak tanduk seorang pelajar kerana kedua-dua pihak mempunyai perbezaan daripada segi cara-cara mendisiplinkan pelajar. Saya di sini mencadangkan bahawa Kementerian bersama Kementerian Pelajaran serta Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) berbincang dan mengadakan satu interaksi. Tujuannya ialah bagi membincangkan dan memperbaiki cara-cara berkomunikasi antara pihak yang terlibat serta dengan cara yang berdaya maju untuk mendisiplinkan kanak-kanak daripada amalan kuno seperti sebagai hukuman rotan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mengakhiri perbincangan dengan berharap kerajaan dan juga Kementerian yang berkenaan dapat mempertimbangkan cadangan dan pendapat yang saya kemukakan. Maka dengan ini, saya menyokong kepada Rang Undang-undang Kanak-kanak (Pindaan) 2015. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tuan 'Chua' Song...

Tuan Chia Song Cheng: Chia Song Cheng!

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Chia Song Cheng. Terima kasih banyak dan sebelum saya panggil Yang Berhormat Shahanim, sebelum saya undur diri juga, saya hendak menyampaikan sedikit saya punya ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberikan saya segala sokongan untuk menjayakan tanggungjawab saya ini. Kerana itu terima kasih sekali lagi dan juga kalau saya tidak rakamkan, nampak sangat saya ini tidak menjadi manusia yang bijak.

Kita hendak rakamkan jutaan terima kasih kita kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Abu Zahar Ujang, mantan Speaker kita yang banyak sekali menunjuk ajar saya petua-petua, cara menjadi Speaker yang terbaik, dia ajar saya. Kawan saya sangat lama ini, iaitu seorang pemimpin yang baik budi.

Juga kepada Datuk Noriah Mahat, yang baru sahaja hari ini habis, akhirnya kita tahu banyak jasanya yang dicurahkan kepada kita. Kepada semua ini kita tidak dapat bandingkan, kita sentiasa ingat di hati kita. Mereka ini ada perjuangannya dalam Dewan, setidak-tidaknya bak kata orang Melayu.

*Di atas bukit tanamnya ubi,
Burung tempua buat sarang,
Bukan budi sebarang budi,
Budi baik mereka ini tetap kita kenang.*

Itu dia, kita kenang itulah itu saya- kita hendak jadi pemimpin yang berbudi dan saya minta Yang Berhormat Shahanim, silakan.

4.14 ptg.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:

*Layang-layang terbang tinggi,
Budi bahasa Datuk Yang di-Pertua amat tinggi dan terpuji.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh dan salam sejahtera... [Membaca sepotong doa]*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin memanjatkan kesyukuran dan menghargai inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam membentangkan Rang Undang-undang Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2015.

Sesungguhnya matinya anak Adam itu hanya tiga perkara akan dibawa iaitu doa daripada anak yang soleh, ilmu yang bermanfaat, sedekah jariah. Ini menunjukkan betapa pentingnya doa daripada seorang anak yang soleh.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan ini penubuhan Majlis Kebangsaan bagi kanak-kanak dengan keanggotaan hampir 25 orang wakil pelbagai agensi dan jabatan berkaitan kerajaan. Apa yang ingin saya sentuh mengenai Majlis Kebangsaan bagi kanak-kanak ini mengenai isu kritikal tentang isu anak tidak sah taraf.

Isu anak tidak sah taraf di Kedah dari Januari sehingga Februari 2016, seramai 210 orang anak tidak sah taraf direkodkan dengan daerah Kota Setar mencatat jumlah tertinggi iaitu 76 orang, diikuti Kulim 30 orang dan Kuala Muda di kawasan saya, seramai 27 orang.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri Kedah terdapat 10,915 orang anak tidak sah taraf yang direkodkan dari tahun 2010 sehingga 2015 yang direkodkan oleh Jabatan Pendaftaran Kedah. Antara masalah utama status anak tidak sah taraf ini adalah berpunca daripada anak luar nikah, anak pasangan yang status perkahwinan tidak didaftarkan secara teratur dengan pendaftar perkahwinan atau pihak berkuasa agama negeri. Contohnya, orang-orang kedah ini pergi kahwin dengan orang Siam Tuan Yang di-Pertua. Ketiga, anak hasil kes rogol dan anak pasangan warga asing atau bukan warganegara.

Dalam isu anak tidak sah ini, masalah persekolahan dan pendidikan anak-anak ini akan paling bermasalah. Oleh itu, bersesuaian dengan fungsi Majlis yang termaktub dalam fungsi Majlis, seksyen 3(2)(B) iaitu membangunkan dan strategi yang bertujuan untuk mendidik masyarakat dan untuk meningkatkan kesedaran dalam masyarakat, termasuk di peringkat keluarga mengenai hak dan maruah seseorang kanak-kanak.

Saya ingin mendapatkan penjelasan KPWK, apakah perlu wakil dari Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia secara wajib menjadi anggota Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-kanak? Bagi pandangan saya, kehadiran seorang wakil Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia ini amat penting dalam urusan penjagaan kanak-kanak. Ini kerana kebanyakan kes yang berlaku tentang pengabaian kanak-kanak berpunca daripada kes penceraian yang berlarutan atau digantung tidak bertali. Kes-kes tuntutan *hadhanah* atau hak penjagaan kanak-kanak dan mungkin perebutan hak jagaan. Isu anutan agama jika kes pasangan berlainan agama dan seterusnya kes tuntutan nafkah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bersyukur pada hari ini kerana saya telah mengalami pengalaman sendiri. Saya telah mengambil anak angkat, di mana kedua-dua orang ini saya telah pergi ke mahkamah pada bulan lepas. Saya hendak maklumkan kepada pihak Menteri, di mana saya hendak memaklumkan kepada semua Yang Berhormat yang Berhormat yang berada di Dewan ini, betapa hebatnya Kerajaan Malaysia. Diambilnya anak-anak yang didera, yang dianiaya, yang dibuang. Jadi, pada bulan lepas saya ke Mahkamah Sungai Petani, di mana satu kes, abang berusia 14 tahun, adik berusia 13 tahun, mereka duduk di Pahang Tuan Yang di-Pertua. Namun, di Pahang dijaga oleh ayah yang ibu tiri.

Namun begitu, si ayah telah mendera kedua-dua anaknya sampai digigitnya badan anak beliau yang berusia 14 tahun. Kemudian, abang dan adik ini dipindahkan ke negeri Kedah, dijaga oleh nenek mereka. Di Pahang penderaan, di Kedah pengabaian, tok dan tok wan ini, kalau di Kedah kita sebut tok dan tok wan ini, abaikan mereka, tidak bagi makan, kena cabut rumput tengah panas, bila habis sekolah di asrama, cuti, tok tidak pergi ambil, duduklah di asrama.

Jadi, di sini saya dapat lihat dua. Satunya, di Pahang dengan ayah, penderaan. Kedua, dengan tok pengabaian. Jadi, *alhamdulillah* pada bulan lepas saya dapat pergi ke Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu Rumah Kanak-kanak di Selangor, di mana di sana ia tidak dipanggil rumah kanak-kanak, ia dipanggil Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan Serendah, Selangor.

■1620

Apabila kanak-kanak ini dianiaya atau didera, saya rasa berterima kasih kepada kerajaan ini bukan pasal apa, sebab anak-anak ini dibela, dijaga, disayangi oleh kerajaan. Kerajaan sudah mengambil mereka. Mereka ini sudah menjadi anak kerajaan.

Makanya, si adik telah dihantar di Rumah Kanak-kanak Perlis, di situ semua untuk anak-anak perempuan dan di Selangor telah dihantar di Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan Serendah, Selangor. Di sini semua kanak-kanak lelaki.

Jadi apabila saya masuk Tuan Yang di-Pertua, adalah dua, tiga orang budak yang saya sedih, apabila saya masuk itu, terus seorang ini tanya saya, "*Mak cik mahu ambil saya jadi anak angkat kah?*" Saya tersentuh. Saya sungguh-sungguh amat tersentuh dan saya tengok ada lebih kurang 30, 40 orang kanak-kanak di situ. Saya merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kepada semua rakyat Malaysia, kalau yang mana tidak ada anak atau yang layak menjaga anak-anak ini, pergilah ke rumah anak-anak ini, buatlah mereka anak angkat kita, berilah kasih sayang. Mereka ini tidak berdosa. Anak sah taraf ini tidak berdosa. Jadi, saya *alhamdulillah*, saya dapat mengambil dua orang ini, Tuan Yang di-Pertua, dan sudah pun duduk dengan saya.

Ketiganya, semasa saya di mahkamah pada bulan lepas, saya dapat melihat ada seorang bayi comel yang didukung oleh seorang perempuan. Saya pun pergi bertanyalah, "*Kenapakah bayi ini berada di mahkamah?*" Saya dimaklumkan bahawa bayi ini pada bulan 12 telah dibuang di Sungai Petani di dalam longkang dan ditemui oleh seorang India. India ini membuat *report* polis, bagi ke Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pada bulan lepas setelah berusia empat bulan, sekali lagi Kerajaan Malaysia hendak mengambil hak penjagaan itu, kena pergi mahkamah dahulu. Dalam hati saya Tuan Yang di-Pertua, betapa bagusnya kerajaan kita, anak luar nikah dijumpai di dalam longkang, kerajaan ambil bela menjadi anak kerajaan dan akan membela anak ini sampai umurnya enam tahun, sampai masuk ke sekolah rendah, sampai masuk sekolah menengah.

Inilah saya di sini kepada Yang Berhormat Menteri, daripada hati kecil saya sebagai seorang ibu, terima kasih tidak terhingga kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan khususnya kepada Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikitlah kepada Kementerian Pendidikan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua cikgu yang berada di rumah kanak-kanak di seluruh Malaysia. Saya difahamkan- saya dapat bercakap dengan cikgu-cikgu ini, ada kanak-kanak yang duduk di situ lima tahun daripada Tingkatan 1 sehingga Tingkatan 5 yang warisnya tidak pergi tengok langsung. Anak sah taraf memang tidak ada ibu bapa. Jadi cikgu-cikgu ini akan beraya di situ, akan duduk di situ, akan menjaga anak-anak di situ. Jadi, terima kasih saya kepada kedua-dua kementerian kerana telah berjaya menjaga anak tidak sah taraf ini.

Tuan Yang di-Pertua, justeru saya memohon pandangan dan penjelasan KPWKM tentang bagaimanakah kementerian mengambil satu langkah yang lebih proaktif dan *affirmative* agar urusan berkaitan kes-kes *mild* bagi membantu kanak-kanak yang terperangkap dengan birokrasi pentadbiran hal ehwal pentadbiran keluarga Islam dapat dirintis penyelesaian yang bersepadu dalam Majlis Kebangsaan bagi Kanak-kanak? Ini kerana punca isu pengabaian dan penganiayaan kanak-kanak sebahagian besar berpunca daripada urusan tadbir keluarga Islam.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi soalan saya kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya tertanya-tanyalah dalam hati saya, adakah kanak-kanak ini daripada Tingkatan 1 sehingga Tingkatan 5 diberi kemahiran? Sebab, apa yang saya maklum, selepas usia 18 tahun, mereka bukan anak kerajaan lagi dah. Mereka akan dibiarkan bebas untuk keluar dari rumah kanak-kanak dan mencari rezeki sendiri, hidup berdikari.

Saya hendak tanya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kanak-kanak yang di rumah kanak-kanak di seluruh Malaysia ini, daripada Tingkatan 1 sampai Tingkatan 5, berapa orangkah yang telah berjaya masuk ke universiti? Apabila mereka berjaya masuk ke universiti, mereka tidak ada ibu bapa, adakah kementerian pantau? Siapakah yang membantu mereka? Itu yang pertama.

Kedua, apakah ada kemahiran yang kementerian bagi sepanjang anak-anak ini duduk di rumah kanak-kanak? Sebab, apabila sudah habis 18 tahun itu, habis SPM itu, mereka kena berdikari sudah. Kalau mereka tidak ada kemahiran, saya pun tidak tahu ke mana hala tuju mereka sebab mereka tidak ada ibu bapa.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, isu keganasan dan buli di kalangan kanak-kanak menjadi isu utama negara. Pada tahun lepas, seorang pelajar Kolej Vokasional Bachok, Kelantan, Allahyarham Mohamad Nur Akram mati dipukul oleh pelajar senior di Kolej Vokasional berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang ibu, kita lahirkan anak, kita tatang anak kita, kita bela dengan cukup sifat, kita hendak dia sempurna segala-galanya, kita hendak dia menjadi anak yang soleh, anak yang solehah di dunia dan di akhirat. Jadi apabila dia masuk ke Tingkatan 1, kita kebayakan ibu bapa hendak bagi anak masuk ke asrama kerana itu yang terbaik tetapi kita hantar ke asrama, Tuan Yang di-Pertua, dengan cukup sifat, tangan, kaki semua elok, tetapi bayangkan, apabila kita dapat satu panggilan telefon memaklumkan anak kita sudah koma, memaklumkan anak kita kena tumbuk, memaklumkan kita anak kita sudah buta, apakah perasaan seorang ibu?

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, episod dera dan buli di kalangan penuntut terutama yang berada di asrama sekolah sukar dikawal kerana pengaruh persekitaran, kes-kes pertikaian sesama pelajar dan gengsterisme. Oleh yang demikian, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada KPWKM tentang bagaimana seksyen 43 rang undang-undang mengenai kanak-kanak yang tidak terkawal boleh mohon oleh pihak pengurusan sekolah kerana dalam seksyen 46(1), hanya ibu bapa atau penjaga yang tidak berupaya atau melindungi yang boleh memohon kepada mahkamah bagi kanak-kanak untuk menahan seorang kanak-kanak di sebuah asrama akhlak atau pusat.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga peranan kita sebagai ibu bapa, sebelum kita menghantar anak ke asrama, kita perlu maklumlah anak kita janganlah buli anak orang. Kalau ada hari orientasi pun, anak-anak kita patut berpada-pada. Jadi, penjelasan terperinci KPWKM penting kerana saya mendapat maklum balas daripada guru-guru akan kerisauan mereka terutama guru-guru yang menjawat jawatan warden asrama di dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Dengan penjelasan ini, kita harapkan keselamatan anak-anak kita di asrama akan lebih terjamin dan dengan pindaan akta ini, tidak ada lagi kes-kes pukul atau buli yang mengakibatkan kematian.

Tuan Yang di-Pertua, anak-anak ibarat kain putih. Kalau kita corak ia cantik, cantiklah ia. Dengan kata-kata itu, akhir kata saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat atas penggubalan rang undang-undang ini dan saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Puan Shahanim. Saya sedap dengar cerita dan saya rasa ada lagi manusia yang prihatin dengan orang-orang dalam kepayahan. Itulah saya sendiri rasa paling sedih juga. Selalu juga bapa saya seorang tok guru, dia pernah pesan kepada saya, dia kata jangan sekali-kali menganiyai orang. Doa orang yang dianiyai itu makbul. Sentiasalah membuat kebajikan dengan penuh ikhlas dan luhur. Itu nampaknya Yang Berhormat Puan Shahanim, *insya-Allah*, usaha Yang Berhormat Puan Shahanim itu akan Tuhan membalas. *Insya-Allah* ada.

Betul tidak Yang Berhormat Dato' Dr. Johari? Betul ya. Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi, ayat dia, jangan aniyai orang ya. Yang Berhormat Tan Sri Ali Rustam pun bersetuju. Jangan aniyai orang. Buatlah kebajikan dengan sebanyak mungkin. *Insya-Allah*, ada balasannya. Sekian, terima kasih.

Lagi seorang lagi. Yang Berhormat Puan Shahanim sudah. Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali Rustam. Sila.

4 28 ptg.

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan rang undang-undang meminda Akta Kanak-kanak 2001.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat.*]

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong undang-undang ini kerana ia dapat memenuhi obligasi negara kepada konvensyen antarabangsa khususnya *Convention on the Rights of the Child* (CRC), khusus hari ini kita bincang dalam bidang penderaan kanak-kanak. Kita akan mencapai status negara maju tidak lama lagi, pada tahun 2020. Oleh sebab itu, kita hanya tinggal empat tahun untuk kita mencapai tahap status negara maju termasuk dalam menjaga kebajikan kanak-kanak.

■1630

Jika kita mengikut laporan daripada OACD, ada 34 buah negara menjadi anggotanya dan boleh kata semuanya dari Eropah. Dari Asia cuma dua saja iaitu Jepun dan juga Korea yang mencapai kedudukan tertinggi 30 buah negara daripada 34 buah negara OACD iaitu Australia, Austria, Belgium, Kanada, Czech Republic, Denmark, Finland, France, Germany, Greece, Hungary, Iceland, Ireland, Itali, Jepun, Korea, Mozambique, Mexico, Netherland, New Zealand, Norway, Poland, Portugal, Slovak Republic, Spain, Sweden, Switzerland, Turki, United Kingdom dan United States. Saya lihat OACD telah menggunakan enam kriteria ataupun *benchmark* untuk mengukur kebajikan kanak-kanak seperti yang dilaporkan dalam data tahun 2009.

Pertama, mengukur *material well-being* iaitu kesejahteraan hidup daripada segi pemilikan harta, mungkin agaknya pakai cantik dan sebagainya.

Kemudian, mengukur juga perumahan dan alam sekitar untuk kanak-kanak.

Ketiga, mengukur pendidikan; keempat, kesihatan dan juga keselamatan; kelima, tingkah laku yang berisiko; dan keenam, kualiti hidup di sekolah.

Ini kriteria yang telah digunakan OACD, saya percaya negara kita juga menggunakan kriteria ini. Apakah Jabatan Kebajikan ataupun Kementerian menggunakan kriteria OACD yang sama? Dan bilakah agaknya kita hendak daftar ataupun hendak menjadi ahli negara OACD? Salah satu kumpulan yang berpusat di Paris yang menjaga sesebuah negara itu sudah sampai tahap yang bagus ataupun tidak supaya ia bertaraf negara maju. Jika belum, bilakah agaknya kerajaan ada bercadang?

Kita tahu kita juga menggunakan data-data UNICEF di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan kalau dilihat pencapaian kita masih lagi banyak perlu kita lakukan dan sebab itu semua pihak perlu terlibat sama ada kerajaan, sektor swasta ataupun keluarga sendiri. Bahkan kanak-kanak sendiri perlu sama-sama melibatkan diri untuk kepentingan ataupun menjaga kebajikan mereka agar tahap kanak-kanak terus mendapat pembelaan yang sewajarnya. Saya percaya undang-undang ini dapat memperbaiki lagi walaupun banyak yang telah kita lakukan. Saya melihat salah satu punca adalah kerana suasana hidup terutama bagi keluarga yang banyak anak, yang ada itu *tension* Tuan Yang di-Pertua ya. Jadi bila dia *tension* itu, dia dera anak dia. Dia tidak pukul isterinya, dia tidak dapat pukul suaminya, dia dera anaknya.

Ada yang saya tengok dalam internet, budak itu dicelup-celup dalam air sampai mati. Jadi ini juga kerana *tension* dan bagaimanakah isu-isu begini dapat kita tangani dalam suasana hidup yang semakin mencabar terutama dalam kawasan bandar. Saya lihat banyak juga kita yang ada banyak anak, jadi saya hendak cadangkan Jabatan Kebajikan walaupun sudah banyak bagi pendapatan kepada mereka yang miskin sampai RM450, kalau anak itu 4-5 orang. Saya hendak cadangkan supaya anak yang ramai, bantuan mesti lebih lagi diberi supaya isu-isu keluarga ini dapat dikurangkan. Kita banyak bagi bantuan BR1M tapi banyak juga kata sebahagian yang kita bagi itu tidak kena sasaran. Jadi kalau boleh tarik sikit daripada itu, kita bagi kepada keluarga yang benar-benar perlukan. Kalau anak satu katalah kita bagi RM100, keluarga RM300 jadi RM400. Anak yang kedua tambah lagi RM100, anak ketiga tambah lagi RM100.

Jadi lebih banyak anaknya dapat bantuan saya fikir *tension* keluarga itu akan berkurangan. Walaupun ia mungkin menggalakkan bilangan anak tapi baik juga kerana sekarang pun kita ada banyak tenaga luar negara yang bekerja di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Puan Shahanim ada sebut, kita ambil bayi-bayi yang terbuang. Saya pun hendak tanya berapa ramai bayi yang terbuang ini, yang telah dipungut oleh Jabatan Kebajikan dan berapa banyak ibu bapa yang hendak ambil sebagai bapa angkat dan berapa yang telah kita bagi. Ada tidak lagi baki kerana mengikut rekod saya ramai orang yang tidak ada anak masih lagi hendak anak kerana anak yang lahir ini dia bersih seperti kain putih, yang salah ibu bapanya tapi bagi anak itu dia anak yang bersih ya.

Tuan Yang di-Pertua, apakah rancangan kita untuk menahan atau mengelakkan promosi kanak-kanak dalam internet? Macam pornografi yang masih lagi dapat dilihat. Saya ucap tahniah kepada SKMM, semenjak Yang Berhormat Datuk Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh ini pegang, banyak tindakan-tindakan yang beliau telah lakukan. Akan tetapi ada lagi ruang yang boleh kita baiki, adakah ini juga ada kerjasama daripada Kementerian Kebajikan. Saya ingin juga bertanya berkaitan dengan hukuman sebat ini. Tadi hendak dimansuhkan. Saya fikir masalah kita, kita ikut sistem barat ya. Kita sebat itu hendak mencederakan sampai koyak kulit. Lepas itu kena taruk iodine, lagi menjerit kan, masuk hospital balik. Pula itu sudah baik esok sebat lagi. Saya fikir ini cara yang kurang sesuai.

Saya ingat eloklah ikut cara Islam kan. Dia macam hendak mendidiklah, sebab itu bukan sampai mencederakan. Dia lebih kepada menjaga maruah. Macam budak-budak sekolah, saya dulu di sekolah kena sebat padahal bisung saja. Hendak cuti, "*Hoo*", cikgu tanya, "*Siapa bisung tadi. Ali, engkau seorang daripada ini*". Sudah beratur, kena sebat kaki. Jadi kita pun tidak adalah apa masalah kan. Akan tetapi ini jam tidak boleh salah sikit. Jadi kerana itu saya cadangkan sebat ini boleh diteruskan tapi ringanlah, sebat untuk mengajar supaya dia lain kali jangan buat. Bukan hendak cederakan kerana macam mana pun kita ikut cara barat nampak tidak berjaya.

Satu lagi berkaitan dengan kategori jenis penjagaan yang dimaksudkan dengan pemeliharaan berasaskan keluarga. Jadi ada akta baru ini, penjagaan ataupun pemeliharaan berasaskan keluarga. Adakah kerajaan bercadang untuk menutup institusi kebajikan sedia ada dengan konsep baru ini. Maknanya lepas ini keluarga jaga. Institut-institut kebajikan yang ada sekarang ini ditutup. Pindaan Akta 2001 juga memperkenalkan satu daftar yang bakal menyenaraikan pesalah kanak-kanak selain senarai mangsa kanak-kanak. Siapakah boleh mendapat maklumat daripada daftar kanak-kanak tersebut? Adakah maklumat ini terbuka untuk pengetahuan umum? Adakah perbezaan antara daftar kanak-kanak dengan daftar penjenayah dan orang yang tidak diingini yang disimpan oleh polis. Adakah dia bersekali ataupun dia berasingan.

Saya juga hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, adakah pelaksanaan khidmat masyarakat kepada ibu bapa, penjaga yang bersalah akan dijalankan sewaktu waktu kerja. Dia bersalah ya, dia kena khidmat masyarakat. Adakah waktu bekerja? Bagaimana pula dengan kebajikan ahli keluarga yang lain semasa perintah berkenaan dijalankan. Siapa hendak bagi dia makan, keluarganya. Saya ada lagi dua atau tiga soalan iaitu bagaimana pelaksanaan khidmat masyarakat dijalankan kepada ibu bapa, penjaga? Adakah akan mengganggu waktu bekerja mereka? Saya ada tanya juga tadi, adakah waktu lepas kerja. Apakah rasional hukuman sebat di bawah seksyen 91(1) (g) Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) dimansuhkan?

Saya pun sudah ulas tadi ya, patutnya tidak dimansuhkan. Semalam tidak silap kata tidak ada berkesan. Saya fikir sebat itu janganlah kuat sangat, hendaklah diringankan.

■1640

Soalan saya seterusnya, siapakah yang boleh dilantik sebagai pembantu pelindung dan adakah terdapat perbezaan tanggungjawab antara pelindung dan pembantu pelindung? Ini ada dua- satu pelindung, dan satu lagi pembantunya. Siapakah dia yang kita hendak lantik sebagai pembantu?

Tuan Yang di-Pertua, bayi yang- maafkan saya, kanak-kanak yang didera ini, sudah beberapa kes katalah dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini? Berapa yang bersalah dan apakah hukuman telah dijatuhkan kepada semua ataupun ada baki lagi yang banyak belum dilakukan?

Soalan saya yang terakhir, ada kanak-kanak, mereka ini pun nakallah, dia kata orang mianglah...

Seorang Ahli: Gatal.

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Gatal. Macam baru-baru ini, sebuah negara susah. Dia umur 13 tahun tidak silap sayalah. Dia melapor dekat polis, katanya dia kena culik. Dia pun pakai TV semua ya? Dia pun menangis kena culik. Akan tetapi selepas itu dapat tangkap dekat Klang kalau tidak silap saya dengan *boyfriend* dia umur 14 tahun. Jadi budak macam ini, saya hendak tanya apa kesudahan cerita ini? *[Ketawa]* Sudah dihukum ataupun belum? *Boyfriend* ini pula 1Malaysia *[Ketawa]* Budak perempuan ini Islam ya, yang *boyfriend*nya bukan Islam. Jadi macam mana itu hendak diselesaikan?

Oleh sebab itu saya sokong cadangan supaya dalam kes-kes penjagaan kanak-kanak ini, jawatankuasa itu hendaklah masukkan juga Jabatan Agama Islam sekalilah di samping wakil daripada kanak-kanak sendiri. Jawatankuasa besar Tuan Yang di-Pertua, Majlis itu ada wakil kanak-kanak umur 18 tahun. Siapakah yang kita pilih? Apakah kriterianya? Selepas itu dalam pelaksanaan tugas harian, ada tidak melibatkan budak-budak umur 18 tahun supaya kes-kes mereka ini dapat dilaksanakan mengikut kehendak budak-budak sendiri yang duduk dalam Majlis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Dr. Johari Mat.

4.42 ptg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi ruang kepada saya untuk berkongsi sama dalam perbahasan satu akta untuk meminda Akta Kanak-Kanak 2001 yang telah dibentangkan baru sekejap tadi oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat ramai yang telah bercakap dan telah memberi sokongan yang sepenuhnya kepada akta ini yang telah digubal untuk meningkatkan kebaikan kepada kanak-kanak khususnya kepada masyarakat kita di Malaysia ini. Akta yang ada di depan kita ini merupakan akta yang telah diolah dengan begitu baik sehingga menampung lompong-lompong yang ada setelah ia diluluskan buat pertama kalinya. Kita melihat banyak perubahan yang telah dibawa di sini dan juga pendekatan-pendekatan baru. Walaupun ada isu-isu yang telah disentuh oleh pembahas Senator sebelum saya, tetapi saya rasa mungkin saya akan menyebut juga isu itu kerana ia sangat penting kepada kita untuk mendapat penerangan dan penjelasan.

Antara isu yang saya hendak tanya ialah berhubung dengan keanggotaan dalam perkara keanggotaan Majlis. Keanggotaan Majlis ini cantik, semuanya cantik sebagaimana yang telah disebutkan di dalam ini. Cuma saya hendak tahu sedikit walaupun disentuh tadi, sifat-sifat atau kriteria kanak-kanak yang akan dilantik menganggotai Majlis ini.

Sebagaimana yang telah disebut tadi oleh Senator kita, kita tahu bahawa dalam Majlis itu semua orang dewasa, orang berpengalaman dan sejauh mana kita andaikan kanak-kanak dalam usia 18 tahun itu dapat memberi pandangan yang tuntas kepada Majlis tersebut. Ini bukan menunjukkan saya tidak setuju, tetapi sejauh mana mereka akan dapat memberi. Walau bagaimanapun, kita mengharapkan kalau sekiranya pemilihan itu tepat, baik, maka itu merupakan satu inisiatif yang sangat baik dan input yang berguna kepada Majlis itu untuk dibuat keputusan yang akan diambil.

Perkara yang seterusnya yang saya ingin tanya di sini ialah pelantikan pembantu pelindung. Di sini juga saya membaca pelantikan pembantu pelindung ini, saya tidak jumpa kriterianya, sifatnya., syaratnya, siapa orangnya. Jadi di sini saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian walaupun disebut bahawa dia telah disebut dalam

seksyen 18, 19 dan 20, tetapi saya baca tidak jelas. Mungkin kerana ini undang-undang dan orang undang-undang sahaja yang mudah faham tentang undang-undang itu.

Seterusnya saya ingin bertanya lagi tentang penubuhan pasukan kebajikan kanak-kanak yang akan ditubuhkan di seluruh negara. Ia sangat penting walaupun perkara ini memberi masa yang agak panjang dan juga memerlukan ramai orang yang akan terlibat. Begitu juga saya ingin menyentuh bahawa kanak-kanak ini kalau kita tengok dalam akta ini, keseluruhannya kita ada beberapa pihak.

Pertama, akta ini hendak jaga kanak-kanak supaya mereka mendapat hak yang sepatutnya dan tidak teraniaya walaupun mereka dalam keadaan kehidupan yang tidak baik. Jadi kadang-kadang berlaku kalau kita lihat secara umumnya, kanak-kanak yang teraniaya itu tergolong kebanyakannya daripada keluarga yang tidak mempunyai pendapatan yang menentu atau dalam bahasa lain kehidupan keluarga yang susah. Itu biasa terjadi tanpa menafikan ada golongan yang berpendapatan tinggi dan lumayan juga ada masalah. Akan tetapi umumnya, kita melihat golongan yang berpendapatan tidak menentu atau golongan miskin. Antara sebab ia menjadi punca ialah kerana kehidupan yang tidak terurus.

Saya tidak hendak mengatakan miskin itu sebab kepada berlakunya keporak-perandaan atau penganiayaan kerana ramai lagi orang yang miskin tetapi tidak mengapa. Jadi, ada sebabnya miskin dan juga kehidupannya tidak terurus kerana mungkin pengawalan emosi, pendidikan atau sebagainya tidak cukup untuk membina sebuah rumah tangga. Ramai di kalangan masyarakat yang terjebak dalam hal ini kita tengok mereka senang kahwin, kemudian dapat anak, tidak mempunyai urus rumah tangga yang baik dan akhirnya mereka terjebak dalam gejala sosial dan seterusnya akan berlaku penganiayaan yang menjadi sasaran adalah sebahagian besarnya kanak-kanak. Inilah yang merisaukan.

Saya melihat kenapa kementerian begitu prihatin kepada kanak-kanak. Antaranya ialah, kanak-kanak itu anak-anak kita. Kanak-kanak, mungkin kita tidak terasa sebab anak orang. Akan tetapi kita kena rasa kita sebagai sebuah masyarakat, kita sebagai sebuah kerajaan, kita perlu merasakan itu anak kita.

Apabila kita merasakan itu anak kita, maka kita akan menyayangi mereka seperti anak-anak kita walaupun kita tidak dapat membawa mereka ke rumah kita dan menyayangi sebagaimana selalu dok ulangkan tadi, menyayangi yang muda atau yang kecil dan menghormati yang tua. Saya hendak kaitkan perkara ini dengan ada sepotong sabda Rasulullah SAW... *[Membaca sepotong hadis] "Bukan tergolong dalam kalangan kami yakni pada pengikut umat Islam, orang yang tidak menghormati orang tua dan tidak menyayangi kanak-kanak"*.

■1650

Jadi menghormati yang tua dan menyayangi kanak-kanak ialah satu ajaran agama. Kita boleh tengok Tuan Yang di-Pertua, kita juga boleh buat penyelidikan khasnya kementerian, apakah status pelajaran yang ada kepada golongan yang mengabaikan kanak-kanak? Saya rasa perlu ada statistik, biodata dan juga pangkalan data, kita boleh tengok kenapa mereka mengabaikan kanak-kanak sehingga teraniaya.

Ada satu kes dahulu sehingga ditinggalkan anak tadi dalam sebuah bilik gelap dan hidupnya tidak menentu sehingga anak itu kurus kering. Kes itu telah berlaku dan disebar dalam akhbar dan kita pun boleh tengok dan boleh ingat lagi kes itu. Ini menunjukkan bahawa kekangan hidup itu membawa kanak-kanak berkeadaan demikian. Kemudian, eksploitasi terhadap kanak-kanak juga sering berlaku.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua minta mencelah. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat bila Yang Berhormat menyatakan bahawa penderaan kanak-kanak sekarang ini patut dikaji apa puncanya. Saya teringat semasa dahulu. Kita dahulu pun sama lebih kurang juga. Kemiskinan lebih dahsyat daripada sekarang.

Apabila Yang Berhormat kata tadi kita perlu sibuk dengan *neighbours* kita, jiran-jiran kita dan kadang-kadang teringat saya bagaimana orang bukan sebelah rumah saya, lima buah blok lagi dari rumah saya itu yang datang marah kepada kami kerana mandi sungai pada ketika itu.

Jadi, apa pandangan Yang Berhormat, tidak adakah lagi manusia-manusia yang begini sekarang ini yang mempedulikan jiran? Daripada segi agama, bagaimanakah pandangan Yang Berhormat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Soalan itu hebat.

Tuan Yang di-Pertua: Memang hebat kerana pada masa sekarang, jiran pun tidak diketahui. Jangan cakap lima buah rumahlah, sebelah pun tidak tahu [*Ketawa*] Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju sangat kita sekarang ini berbeza dari zaman dahulu. Kalau kita dahulu hidup dalam masyarakat yang tidak sibuk seperti sekarang ini, anak orang anak kita. Kita boleh tegur anak orang tanpa mengira siapa dia. Kalau kita hidup berjiran, tidak mengira dia bangsa apa, keturunan mana tetapi kita merasakan saudara kita. Kita ada kepedulian yang sangat tinggi sehingga kita ambil tahu bukan setakat anak Tuan Yang di-Pertua, tetapi ayam orang pun kita kenal. Ayam jiran kita pun kita kenal. Itu kehebatan hidup dalam masyarakat pada ketika dahulu.

Hal ini tidak terasa sebagaimana Yang Berhormat menyebut, jiran sebelah rumah pun tidak bersua muka. Lama sudah dia sewa di situ tetapi tidak sempat hendak jumpa siapa dia.

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Isteri pun kadang-kadang tidak jumpa.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Itu suami yang ramai isteri [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, saya pun hilang poin... [*Disampuk*] Daripada segi agama ...

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, *sorry*lah saya kacau.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak mencelah?

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Saya kata tadi, ada orang suami isteri pun tidak jumpa dalam sebuah rumah walaupun hari-hari duduk satu rumah. Inikan pula jiran tetangga. Realiti dunia sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Itu rumah besar agaknya.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Daripada segi agama Tuan Yang di-Pertua, kita jiran tetangga ini ada 40 buah rumah- 40 buah rumah ke depan, ke belakang, kiri, kanan. Kalau sekarang naik atas lagi sebab rumah sekarang bukan di bawah, ia bertingkat. Jadi 40 ke bawah tidak ada. Kalau kita duduk bawah sekali tidak ada lagilah. Jadi ke depan, kiri, kanan, belakang, atas semuanya 40 buah. Kalau kita duduk atas, 40 buah rumah ke bawah.

Jadi maksudnya, kepedulian itu bukan setakat jiran tetangga yang terdekat tetapi merata. Apabila kita dapat melaksanakan hal-hal ini, maka susah senang jiran kita, kita ambil peduli dan kita membantu sekadar yang termampu. Oleh sebab itu kemiskinan itu kalau kita melihat dalam Islam disarankan, seseorang itu belum beriman kalau sekiranya dia tidur nyenyak sedangkan saudara jirannya kelaparan. Belum beriman orang itu. Itulah kehidupan masyarakat perlu mengambil tahu di antara satu sama lain sehingga kita hidup senang sama senang, susah sama menghadapinya.

Saya melihat juga kanak-kanak dieksploitasi Tuan Yang di-Pertua. Saya sering jumpa mereka di bank, di pasar raya dan di mana-mana yang mereka ini satu modus operandi satu sahaja iaitu kami adalah daripada sekolah anak yatim, kemudian kami membawa barang jualan untuk membantu sekolah anak yatim, sekolah tahfiz. Modus operandi ini rata-rata kita boleh jumpa di mana-mana sahaja dalam negara kita. Akhirnya, anak-anak ini saya tengok dieksploitasi kerana mereka tidak belajar. Saya bertanya mereka, "*Adik belajar di mana? Apakah yang belajar?*" Mereka kata, "*Kami sebenarnya tidak belajar tetapi kami digunakan untuk mendapatkan bantuan dan juga menjual barangan untuk mendapatkan wang*".

Saya merasa perkara ini telah disedari oleh pihak kementerian dan ada tindakan-tindakan yang telah diambil. Namun saya tengok tindakan itu bermusim, tidak senantiasa dilakukan dan dilaksanakan. Inilah yang menyebabkan mereka tidak takut kepada tindakan undang-undang yang telah ada walaupun undang-undang kita ini cantik. Saya sokong undang-undang ini cantik, bagus dan kuat tetapi kalau sekiranya tidak ada tindakan dan *enforcement*, dengan izin, yang betul-betul, maka undang-undang kita tidak ke mana.

Di samping itu, kita tengok kanak-kanak juga terlibat dengan melakukan jenayah dalam usia yang muda. Hal ini bukan banyak tetapi ada kedengaran yang melakukan jenayah. Jenayah ini sebenarnya, kanak-kanak tidak sepatutnya terlibat dengan jenayah tetapi kenapa mereka juga terlibat? Ini persoalan yang perlu kita lihat. Antara sebabnya ialah kerana media, kawan-kawan sekitar dan juga keganasan rumah tangga.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat TV, tengoklah TV mana pun, tengoklah cerita apa pun, cerita terbaru, dalam TV, dalam cerita yang dipaparkan, saya tengok sekadar yang saya perhatikan, digambarkan keluarga yang bercakap kasar antara satu sama lain, suami isteri bercakap kasar, anak dengan bapa dan mak bercakap kasar dan ini yang selalu dipaparkan.

Kalau di antara kekasih dengan kekasihnya juga sekejap sahaja baik tetapi kasar, bertengkar dan berkelahi, bercakap suara tinggi dan ini merupakan budaya yang telah menjadi ikutan kepada kanak-kanak. Orang tua pun berlaku. Isterinya cakap kasar dengan suami, begitulah juga sebaliknya. Kalau dengan orang lain, 'lembut gigi daripada lidah'. Akan tetapi kalau dengan keluarga, memang kasar dan bengis. Itu yang terjadi dalam masyarakat. Kalau hal ini berterusan, saya kira ia akan menjadi lebih buruk kepada masyarakat kita.

Oleh sebab itulah kanak-kanak yang sepatutnya tidak melakukan jenayah tetapi mereka juga terlibat secara tidak disedari. Jadi Tuan Yang di-Pertua, anak-anak ini sebenarnya sebagaimana telah disentuh oleh ramai orang tadi, ramai pembahas, anak-anak ini selain daripada dia harta, dia adalah sebagai penyambung hidup kita. Kita tahu sebagai insan, kita tidak hidup lama di dunia. Siapa yang akan menyambung kerja-kerja kita, mewarisi harta kita, mewarisi ilmu kita, mewarisi pembangunan negara kita, siapakah? Sudah tentulah anak-anak kita, sudah tentulah orang muda kita.

Oleh sebab itulah, setiap orang akan mengasihi anak-anak walaupun itu sebagai satu naluri tetapi ia sudah ada matlamat dan hala tujunya.

■1700

Anak juga merupakan amanah. Anak yang dianugerahkan oleh Allah Tuhan kepada manusia diberi anak itu sebagai amanah untuk dijaga, dididik, ditatag supaya dia akan jadi orang yang berguna, orang yang baik dan memberi kebaikan kepada orang lain. Amanah itu apabila sebut amanah dia satu tanggungjawab yang akan dipertanyakan nanti. Selain daripada itu anak juga aset, harta. Mungkin kita jumpa, saya jumpa dengan kawan-kawan saya, saya tidak tanya dia awak jutawankah, orang kayakah tetapi saya tanya, kita tanya, ada berapa orang anak?

Tuan Yang di-Pertua, ada berapa orang anak? Semua kita tanya, anak. Apabila anak ramai itu, orang tak tanya harta berapa, cukup dengan anak. Apa lagi kalau anak itu mendapat pendidikan yang baik, kejayaan dan pengajian yang tinggi lagi rasa bangga.

Anak ini kita sebagai orang tua, sebagai orang dewasa bukan anak kita pun tidak apa, anak murid pun kita pun kita sudah berbangga apabila mereka berjaya. Apa lagi anak kita sendiri. Oleh sebab anak itu aset kepada negara bukan sahaja kepada kita. Semalam kita tengok Datuk Sri Idris membentangkan seorang pelajar Malaysia yang telah mengharumkan nama negara kita di mana *debate* peringkat antarabangsa dan dipilih sebagai Ketua *Judge*. Hebat, anak kita, kita bangga dengan dia. Walaupun dia tidak kenal kita tetapi kita tetap berbangga kerana dia anak kita dari Malaysia.

Begitu juga kita tengok ada anak kita yang telah berjaya dengan *motorbik*nya, hebat. Sebelum ini kita tidak kenal. Dia mengharumkan kita, dia mengharumkan negara kita untuk membawa kepada persada antarabangsa. Itulah dia anak yang kita tengok kecil dahulu tidak ada apa-apanya tetapi apabila mereka membesar dia mempunyai aset yang sangat mahal kepada negara. Oleh sebab itu kesayangan kita kepada anak itu mempunyai asas yang sangat tinggi.

Selain daripada itu, anak-anak juga perhiasan hidup. Tuan Yang di-Pertua, kalau orang ada anaklah, kalau balik rumah tidak ada anak, apa perasaan dia. Balik rumah tidak ada anak dia rasa sunyi, dia rasa sepi, dia rasa kehilangan. Oleh sebab itulah isteri pun tidak sama dengan anak, isteri pun tidak sama, lebih daripada satu pun tidak sama, tidak sama dengan anak. Anak boleh kita manja kerana itulah orang tua dia hendak pada anak-anak. Kalau itu dia sayang cucu. Kalau yang ada potensi lagi, kahwin lagi boleh dapat anak lagi. Itu terpulang kepada masing-masing.

Jadi hal-hal seperti ini kita melihat kenapa kementerian perlu menggubal akta ini untuk mempertingkatkan kepada kehidupan kanak-kanak supaya baik. Kanak-kanak kita ada yang terbiar daripada segi anak di luar, anak yang tidak sah taraf. Ini sangat menyentuh perasaan sebagaimana Yang Berhormat Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff tersentuh dengan anak-anak yang demikian. Begitulah juga anak-anak kita yang ramai pun puluhan ribu yang tidak sah taraf ke mana mereka, ke mana mereka.

Malu mereka kerana tidak ada bin, malu. Saya harap pihak kerajaan kena buat sesuatu. Kena buat sesuatu saya pun tidak tahu hendak buat macam mana. Kena buatlah sesuatu supaya mereka ini terbelah. Mereka tidak bersalah walaupun mereka anak di luar nikah tetapi ibu bapa mereka sahaja yang silap dan tersalah tetapi mereka tetap tidak...

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Mohon mencelah, boleh mencelah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin berkongsi sedikitlah. Bagi saya kerajaan sudah buat yang terbaik. Rumah Kanak-kanak di Perlis menempatkan anak-anak perempuan daripada Tingkatan 1 sampai Tingkatan 5. Rumah Kanak-kanak Selangor menempatkan anak-anak lelaki daripada Tingkatan 1 sampai Tingkatan 5. Paling saya tersentuh hati kepada kerajaan kita iaitu Rumah Kanak-kanak di Kepala Batas di mana pada bulan lepas setakat bulan lepas ada lebih kurang 80 orang bayi Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat. Ada lebih kurang 80 orang bayi di Rumah Kanak-kanak Kepala Batas, Pulau Pinang di mana kerajaan kita menempatkan beberapa orang penjaga untuk memberi kasih sayang, untuk menjaga anak-anak ataupun bayi-bayi ini. Itu sahaja sedikit perkongsian saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Yang Berhormat Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff dan saya sangat terima kasihlah atas maklumat yang diberikan tadi dan juga Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya hendak pergi sebagaimana yang telah disentuh oleh Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam berhubung dengan sebat. Sebat ini saya tengok memang kita tidak suka sebat ini kerana sebat ini menyakitkan tetapi kita perlu lihat juga sebat yang dalam definisi mana.

Saya terbaca dalam Al-Quran suami kalau dia ada berbeza- isterinya derhaka langkah pertama jangan tegur buat tiga hari. Langkah yang kedua ialah jangan tidur sekali. Langkah yang tiga, pukul sedikit. Makna, pukul itu dibolehkan sedikit tetapi tidak mencederakan. Pukul ringan, dengan kainkah, dengan apa, kah. Sebat ini bagi saya sebat kalau saya hendak istilah bukan sebat sebagaimana sebat penjenayah, pengedar dadah atau sebagainya. Akan tetapi bagi saya sebat seperti guru disiplin sebat anak murid, pukul. Kalau kita kata sebat ini teruk, pukul. Yang Berhormat boleh saya guna, pukul sedikit untuk mengajar.

Saya ingat lagi orang-orang tua dahulu apabila dia pergi serah anak kepada tok guru mengaji Al-Quran dia kata, "*Tok guru buatlah apa sahaja jangan mati sahaja, jangan mati dengan buta.*" Maknanya boleh cubit telinga, boleh pulas perut dan sebagainya untuk memberi pengajaran kepada anak-anak tadi dan bukan sebat untuk mencederakan. Walau bagaimanapun, akta ini sudah buat tidak boleh hendak masuk sudah, terbuanglah. Bagus juga dengan kerja-kerja kebajikan. Walau bagaimanapun, saya rasa kalau sebat tadi kalau boleh diberi definisi semula amat baik dan saya sokong apa yang telah disebutkan oleh Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam tadi.

Kita asyik juga bercakap tentang kanak-kanak ini tetapi kita juga- saya hendak sebut ini sampingan kepada kementerian. Kita terlupa juga, kita jangan terlupa bahawa orang tua juga diabai. Orang tua juga diabai oleh anak-anak mereka. Saya rasa itu ada kes yang, akta yang khusus berhubung dengan mereka.

Berhubung dengan perkahwinan Tuan Yang di-Pertua perkahwinan itu merupakan satu naluri manusia. Dalam enakmen agama Islam lelaki boleh berkahwin apabila berumur 18 tahun. Kalau sekiranya belum cukup 18 tahun, kena minta kebenaran daripada pihak mahkamah. Kalau perempuan boleh berkahwin apabila capai 16 tahun. Kalau kurang daripada 16 tahun maka dia kena minta kebenaran mahkamah. Di sini saya melihat kebenaran mahkamah itu kerana mahkamah boleh menilai kedudukan fizikal, kemampuan seseorang yang hendak berkahwin dalam usia yang lebih muda kerana itu perlu melakukan proses yang betul.

Ada kes yang telah berlaku di dalam masyarakat kita di mana bapanya mengahwinkan anaknya tanpa merujuk mahkamah dalam usia yang sangat muda dalam belas-belas tahun, 13 tahun begitu tetapi mahkamah membatalkan. Kuasa mahkamah ada di situ. Saya melihat hal seperti ini perlu dirujuk kepada pihak yang berkenaan supaya ibu bapa tidak sewenang-wenangnya untuk melakukan pengabaian kepada anak-anak ini.

■1710

Begitu juga kita melihat Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak kementerian yang telah bersusah payah mengambil masa dua tiga tahun untuk menyiapkan draf ini sehingga dapat dibawa ke Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara dan saya ucapkan semoga Allah memberi ganjaran yang terbaik kepada pihak-pihak yang berkenaan dan semua yang terlibat di dalam merangka dan menggubal rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Johari. Sekarang Yang Berhormat Puan S. Bagiam, silakan.

5.10 ptg.

Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal: Salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa... [*Bercakap dalam bahasa Tamil*] *Vanakam*.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Kanak-kanak ini. Sebelum saya memulakan ucapan saya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Tuan Yang di-Pertua atas lantikan beliau sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara yang mulia ini. Semoga segala usaha dan kepimpinan Yang Berhormat sentiasa dirahmati oleh Tuhan yang maha esa.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk membentangkan rang undang-undang ini untuk meminda Akta Kanak-kanak 2001. Rang Undang-undang Kanak-kanak ini merupakan pindaan kepada akta ibu sebelum ini dimaktubkan di bawah Akta Kanak-kanak 2001 [*Akta 611*]. Oleh itu seharusnya akta ini disokong agar pindaannya memastikan ia lebih komprehensif dan menyeluruh demi menjaga hak asasi setiap kanak-kanak di Malaysia.

Kanak-kanak merupakan asas kepada pembinaan generasi akan datang. Maknanya setiap kanak-kanak itu seharusnya dipersiapkan dan dibentuk peribadi yang terbaik sejak awal lagi. Kita tidak menolak betapa pentingnya menjaga kepentingan dan melindungi kanak-kanak ini.

Dalam masa yang sama kita juga harus mengetahui apa asas yang terbaik untuk membina generasi kita yang akan datang. Tanggungjawab kita kepada anak-anak menyediakan peluang dan keperluan asas agar dapat mereka menimba ilmu, keimanan, mendorong, beramal dan membentuk akhlak murni dan persekitaran yang baik.

Saya tertarik dan ingin menyentuh sedikit mengenai hukuman penalti ke atas kesalahan yang membiarkan kanak-kanak tinggal tanpa pengawasan yang berpatutan di bawah seksyen 33 yang akan mengakibatkan pasangan ibu bapa akan dikenakan denda tidak lebih RM50,000 ataupun penjara tidak lebih daripada 20 tahun. Jadinya mengikut contoh yang digariskan, apabila ibu bapa keluar dan meninggalkan anak berseorangan di rumah tanpa pengawasan orang dewasa. Masalahnya adalah apa definisi kanak-kanak dalam isu ini.

Memandangkan definisi kanak-kanak yang digariskan di bawah akta mereka yang berumur di bawah daripada 18 tahun. Jadi, apakah remaja dalam usia 18 tahun itu boleh dikatakan sebagai kanak-kanak? Adakah remaja yang berusia 15 tahun sehingga ataupun 16 tahun jika ditinggalkan di rumah berseorangan akan mengakibatkan ibu bapa mereka didakwa sedangkan dalam umur sebegitu mereka sudah cukup matang untuk membantu ibu bapa mereka di rumah?

Saya percaya umur remaja di lingkungan 13 tahun hingga 18 tahun adalah asas untuk mereka belajar berdikari dan bantu-membantu ibu bapa mereka dalam menjaga adik sambil belajar mengemas rumah dan sebagainya. Jadi saya menyeru pihak kementerian menyemak semula definisi kanak-kanak memandangkan ia tidak sesuai untuk diguna pakai di bawah pindaan penalti seksyen 33.

Seterusnya adalah tentang kanak-kanak yang tiada taraf kewarganegaraan. Dalam mesyuarat IPU yang lepas memang telah buat satu resolusi supaya mendesak kesemua negara IPU ini untuk membuat proses mendaftarkan kanak-kanak tidak ada taraf kewarganegaraan ini secepat mungkin supaya mereka boleh dapat identiti mereka dengan segera. Akan tetapi kita lihat di Malaysia, saya rasa kanak-kanak tanpa taraf kewarganegaraan ini satu isu yang cukup serius. Proses kelulusan mengambil masa yang lama dan saya percaya permohonan warganegara bagi kanak-kanak harus dilakukan dengan segera.

Sebagai contoh, cerita tentang Navin Moorthy. Ayahnya memang seorang warganegara Malaysia tetapi isterinya ataupun ibu kepada Navin Moorthy ini seorang warga asing. Oleh sebab mereka tidak mendaftarkan perkahwinan mereka semasa budak Navin Moorthy ini dilahirkan, jadi kerajaan kita memaklumkan tidak boleh bagi dia kewarganegaraan. Satu lagi masalah tanpa kewarganegaraan bagi kanak-kanak, mereka akan menghadapi masalah untuk pergi ke sekolah. Kadang-kadang sekolah rendah masih sudi untuk menerima budak-budak yang tanpa kewarganegaraan ini akan tetapi mereka akan menghadapi masalah yang besar apabila mereka pergi ke sekolah menengah dan kebanyakan masa, walaupun mereka cukup bersyukur untuk diterima oleh pihak sekolah, tetapi mereka perlu bayar seperti warga asing hanya kerana keselamatan ibu bapa mereka.

Pendaftaran untuk peperiksaan juga akan menjadi masalah bagi pelajar-pelajar ini. Saya cadangkan agar perkara sedemikian yang melibatkan kanak-kanak harus diutamakan dan tidak lagi menangguhkan permohonan seperti ini begitu lama. Ini akan mencerminkan kelemahan pentadbiran kerajaan yang sentiasa berusaha untuk memastikan penyampaian kerajaan dengan telus dan cekap. *"Jangan kerana nila setitik, rosak susu sebelanga"*. Dengan ini, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Kanak-kanak ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar. *You* sudah? Yang Berhormat Senator Puan Azizah, silakan.

5.18 ptg.

Puan Azizah binti Harun: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya berbahas dalam Rang Undang-undang Kanak-kanak (Pindaan) 2015.

Kami di Dewan Negara menghargai segala usaha yang telah dimainkan oleh kerajaan terutamanya pihak kementerian dalam membawa undang-undang ini ke Parlimen. Ini kerana kanak-kanak adalah golongan yang sangat dilindungi oleh undang-undang di negara kita. Syabas juga saya ucapkan kepada pihak kementerian yang meminda Akta Kanak-kanak 2001. Ini menunjukkan keprihatinan kerajaan dalam menjaga, memelihara dan melindungi kanak-kanak di negara kita.

Saya ingin memulakan perbahasan saya ingin dengan menyentuh mengenai istilah takrifan umur bagi kanak-kanak. Sekiranya kita mengikut kepada rang undang-undang ini, mereka yang berumur di bawah 18 tahun diiktiraf sebagai kanak-kanak.

■1720

Saya memahami takrifan ini diberi berdasarkan kepada Konvensyen Hak Kanak-kanak Sedunia di mana banyak negara menyertai dan mengiktiraf umur ini. Saya juga rasa ramai tertanya-tanya mengenai umur ini. Ini kerana mereka yang berumur 17 tahun sudah dikira matang dan layak untuk memohon lesen.

Maka sekiranya seorang remaja di bawah umur tersebut ditinggalkan oleh ibu bapa berseorangan, akan mengakibatkan ibu bapa atau penjaga mereka akan dikenakan denda dan mungkin didakwa. Mereka yang berumur 15 hingga 18 tahun ditakrifkan mereka sebagai sudah matang dan cukup berdikari. Dengan kata lain, saya pohon pihak kementerian untuk memperincikan definisi umur yang terkandung dalam rang undang-undang kepada Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, hampir setiap minggu kita terbaca di media-media utama dan juga mengikut perkembangan di televisyen seolah-olah kes penderaan kanak-kanak tiada kesudahannya. Ini belum ditambah lagi dengan kes pembuangan bayi yang berleluasa. Kita sedih melihat bayi-bayi yang masih suci dijumpai di masjid, surau dan juga paling teruk di longkang dan di tangki kumbahan. Apalah dosa anak kecil ini sehingga menjadi mangsa kerakusan kedua-dua ibu bapa mereka yang pastinya tidak kahwin secara sah.

Kes terbaru ialah di mana seorang bayi yang cukup sifat telah dijumpai di semak tetapi malang bagi bayi ini ia menjadi ratahan dan santapan kepada biawak-biawak liar yang berkeliaran di sekitarnya. Saya ingin mencadangkan kepada kementerian agar hukuman lebih berat diberi kepada pelaku penjenayah seperti ini. Tiada alasan yang boleh diberi kepada mereka yang sanggup berbuat demikian. Kementerian telah pun menyediakan segala kemudahan bagi mereka yang bermasalah. Bagi saya hukuman berat harus dikenakan kepada mereka yang membuang bayi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh pindaan pada rang undang-undang ini yang melibatkan denda sehingga RM50,000 dan penjara maksimum 20 tahun bagi mereka yang disabitkan dengan kesalahan jenayah melibatkan kanak-kanak. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada seksyen 91, Akta 611 yang berhubung kait dengan hukuman sebat. Saya bersetuju dengan pindaan ini di mana hukuman sebat dimansuhkan. Ini kerana ia boleh mendatangkan banyak kesan yang buruk daripada kebaikan. Malah ia boleh mendatangkan trauma kepada kanak-kanak tersebut sekiranya dikenakan tindakan hukuman sebat.

Mereka dikenakan hukuman sebat oleh mahkamah. Namun, saya ingin mengambil mengetahui statistik hukuman sebat yang dijalankan oleh mahkamah sepanjang dua tahun ini dan juga kesalahan apa yang menyebabkan mereka ini dikenakan hukuman sebegitu rupa. Saya juga ingin bertanya apakah alternatif lain apabila hukuman sebat ini dimansuhkan? Apakah tindakan lain yang akan dikenakan? Pohon jawapan daripada kementerian.

Seterusnya mengenai perenggan 15(1)(c) mengenai sekatan laporan dan penyiaran media massa bagi mana-mana kanak-kanak dengan mana-mana kesalahan sama ada telah dilakukan ataupun disyaki telah melakukan kesalahan tersebut. Di sini saya merujuk kepada kes buli yang berleluasa di media sosial.

Sedih apabila setiap kali kita melayari internet akan terpampang perbuatan buli oleh golongan remaja. Dengan bangganya si pembuli akan mengambil video dengan telefon bimbit dan memuat naik video ke *Facebook* dan *YouTube*, seolah-olah satu pesta di mana budak-budak berkumpul dan menyepak dan menumbuk budak-budak remaja yang lain.

Saya rasa kita di sini sependapat bahawa perkara ini harus dibendung dari berleluasa. Soalan saya, adakah peruntukan dalam undang-undang ini bagi menangani dan menyelesaikan masalah ini? Bolehkah kita mengambil tindakan terhadap mereka yang memuat naik video tersebut di laman sosial? Pohon jawapan daripada Kementerian. Soalan saya seterusnya, apakah komposisi Ahli Majlis Kebangsaan Kanak-kanak yang ditubuhkan di bawah Akta Kanak-kanak 2001 ini? Saya difahamkan kanak-kanak juga dilantik sebagai ahli majlis berkenaan. Bolehkah diterangkan kriteria pemilihan kanak-kanak berkenaan?

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata sesungguhnya anak-anak merupakan anugerah dari Allah SWT yang cukup berharga kepada ibu bapa. Mereka juga merupakan amanah daripada Allah untuk dijaga dan dipelihara dengan sempurna. Amanah ini akan ditanya oleh Allah di akhirat nanti. Apakah kita telah menunaikan dengan sebaik-baiknya ataupun kita mengkhianatinya? Kita sebagai ibu bapa atau yang bakal menjadi bapa sudah pasti berharap supaya dikurniakan anak-anak yang baik dan soleh yang bakal menjadi penyejuk mata dan penawar hati. Anak-anak bukan sahaja dapat membantu kita sewaktu di dunia bahkan diharap dapat membantu kita sampai ke alam akhirat.

Dengan kata-kata itu saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Kanak-kanak (Pindaan) 2015. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya sekarang dipersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Silakan, Yang Berhormat.

5.26 ptg.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pendek sahaja sekejap sahaja dalam membahaskan usul Rang Undang-undang Kanak-kanak ini. Cuma saya bila melihat kepada pindaan ini tentunya saya hendak berterima kasih kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana tentunya pindaan ini menuju ke arah kebaikan dan tentunya akan membantu anak-anak di semua peringkat untuk kebaikan masa depan anak-anak.

Saya juga tertarik dengan ucapan Dato' Dr. Johari bin Mat tadi, etika anak-anak, kelakuan anak-anak kerana menjadi ikutan apa yang dilakukan oleh ibu dan bapa. Saya bila tengok, hendak *relate* kan dengan Dato' Johari kata tadi, semasa belum kahwin kalau bini tersepak batu pun marahkan ke JKR, JKR tidak betul. Bila sudah kahwin, bini tersepak batu cakap pada bini bukan apa, buta. Jadi berbeza, etika ibu bapa ini akan diikuti oleh anak-anak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ini bila bercakap soal anak-anak ini saya berada di sempadan dan saya hendak tanyalah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini, bukan soal IC tetapi soal hendak buat surat beranak. Anak-anak yang dilahirkan tidak didaftarkan. Contohnya emak Thailand, bapa Thailand dilahirkan di Malaysia dan bapa dia bermastautin di Malaysia. Bapa tidak ada IC, mak tidak ada IC dan anak tidak dapat IC. Semasa kanak-kanak sudah sampai Darjah 6, naik Darjah 1 dia boleh belajar, dibenarkan belajar di sekolah.

Masalahnya apabila benda ini berlanjutan. Darjah 1, 2, 3, 4, 5, 6 sampai hendak ambil periksa, *exam* UPSR tidak boleh menduduki peperiksaan sebab tidak ada IC. Tidak ada kad pengenalan. Jadi yang tempat rujukannya pemimpin tempatan, ketua bahagian dan ini memang ramai. Saya hendak tanya, bila hendak buat IC, saya hendak mintalah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini, biar dia bertanggungjawablah sebab ini masa depan anak-anak.

■1730

Kalau bapa dia, ibu dia tidak ada IC tak apa, anak dia ini lama lagi hendak hidup dan dia pun bermastautin di Malaysia. Saya minta supaya benda ini tidaklah dilepaskan ke Jabatan Pendaftaran Negara. Saya minta soal anak-anak ini, saya hendak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ambil alih.

Soal hendak buat IC kanak-kanak, surat beranak anak-anak ini. Oleh sebab kalau hendak lepas kepada JPN memang susah, kena pergi daftar dekat imigresen, lima tahun bermastautin kemudian sambung-sambung, jadi *no ending*, tidak ada kesudahan.

Jadi, saya minta lah biar benda begini menjadi realiti, kementerian ini ambil alih. Tidak ada— hendak buat surat beranak, biar anak ini terus melaporkan diri ke kementerian ini. Tidak ke JPN dan biar kementerian ini menyelesaikan masalah identiti anak-anak ini. Itu tak tahu, buat lah macam mana Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya pun tak tahu. Oleh sebab masalah ini berleluasa dan ini ramai, di Kelantan pun banyak, bukan sahaja di Rantau Panjang, di Kelantan pun ramai macam ini. Anak-anak yang belajar di sekolah tidak ada identiti.

Bila hendak ambil peperiksaan PT3 ataupun SPM, ini menjadi masalah. Tidak boleh mengambil peperiksaan. Jadi, benda ini saya minta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat *take over*, dengan izin, ambil alih ini, biar melalui kementerian ini dan kementerian ini yang berusaha lah untuk memberi identiti kepada anak-anak ini supaya anak-anak ini boleh bersekolah dan melanjutkan pelajaran seterusnya.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, ini realiti. Apa yang berlaku, biasanya dia jarang pergi berjumpa dengan JKM atau Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, ini banyak berlaku. Soal kahwin muda, itu soal kahwin muda dan bila dah anak satu, bercerai. Ini biasa. Di Rantau Panjang sahaja ada 4,000 orang ibu tunggal (IT) sebab dia kahwin muda, Tuan Yang di-Pertua. Dia kahwin muda, mungkin pada masa itu dia cinta sama cinta. Saya tanya dia, "*Kenapakah kamu bercerai?*" "*Bercerai itu kerana berkahwin,*" dia kata. Kalau tak bercerai, tak berkahwin.

Jadi, saya pun hendak minta kementerian ini juga bertanggungjawab, kalau hendak beri kursus biar ada yang berbeza. Kalau kahwin muda ini, biar bagi kursus yang agresif sikit. Kalau yang berumur 21 tahun ke atas itu rasanya dia matang sikit. Biasanya Tuan Yang di-Pertua, yang mengalami keretakan rumah tangga ini kahwin muda, boleh anak seorang, bergaduh, bercerai, yang menjadi mangsa anak. Jadi, satu lagi saya hendak beritahu yang mak ayah berpisah, anak tiga orang duduk dengan cucu. Bila berpisah, ayah dengan emak melarikan diri, anak tiga orang ini berada dengan cucu dan bersekolah, datang jumpa dengan saya hendak sekolah.

Jadi, kita juga yang mengambil risiko ini, jadi kita mintalah jika boleh kementerian, tidak jika boleh lah sebab mesti boleh, ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, biar ambil alih tugas ini, menjadi tempat rujukan anak-anak yang bermasalah daripada keruntuhan rumah tangga. Jadi, tentunya pindaan-pindaan ini memberi kebaikan, terutamanya kepada kanak-kanak. Tentunya saya bila dengar Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff bercakap tadi, hendak menangis saya, fasal anak-anak ini, dia ibu dan biasanya orang lelaki ini dia kalah dengan anak. Bergaduh dengan bini pun kalau isteri letak soal anak, kira bungkuslah orang lelaki ini, tak jadilah tak jadi bergaduh, fasal cinta dan kasih kepada anak-anak.

Jadi, kalau kita kasih kepada anak-anak, saya rasa Menteri atau Timbalan Menteri di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tentunya lebih kasih dan sayang lagi kepada anak-anak. Jadi, saya mintalah apa-apa yang saya syorkan tadi menjadi tanggungjawab dan *responsibility*, dengan izin, menjadi tanggungjawab kepada kementerian ini agar anak-anak ini mempunyai masa depan yang baik dan berjaya dalam hidup. Saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri, tolong jawab.

5.35 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Raheem.*

Anak-anak permata hati seorang ibu, kasihnya ibu sampai ke syurga. Kanak-kanak generasi penerus negara yang penting. Oleh itu, kebajikan mereka tanggungjawab yang perlu kita pikul bersama. Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator yang telah turut membahas dengan begitu bersemangat sekali dan menyokong Rang Undang-undang Kanak-kanak 2015 ini.

Saya akan menjawab perkara-perkara yang berkaitan dengan rang undang-undang, dan manakala hal-hal lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator akan dijawab secara bertulis, *insya-Allah*. Pertama, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah yang telah menimbulkan berkaitan perlindungan ke atas kanak-kanak yang tiada taraf kewarganegaraan dan kanak-kanak *stateless* yang juga telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat Senator.

Akta Kanak-kanak termasuklah Rang Undang-undang Kanak-kanak 2015 ini digubal untuk melindungi semua kanak-kanak di dalam negara kita sebagaimana yang dinyatakan dalam *preamble* Akta Kanak-kanak 2001, mengiktiraf bahawa tiap-tiap kanak-kanak berhak untuk mendapat perlindungan dan bantuan dalam segala hal keadaan tanpa mengira perkara-perkara seperti ras, perbezaan seperti ras, warna kulit, jantina, bahasa, agama, asal usul atau kecacatan fizikal, mental atau emosi atau apa-apa status lain. Ini termasuklah perlindungan terhadap kanak-kanak bukan warganegara ataupun *stateless*.

Berkaitan dengan reservasi ke atas artikel 5 di bawah CRC, artikel 28(1)(a) CRC mengenai pendidikan. Malaysia masih lagi mengekalkan reservasi ke atas Artikel 28(1)(a) kerana buat masa kini pendidikan diberikan secara percuma kepada kanak-kanak warganegara Malaysia. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama NGO menyediakan pendidikan alternatif kepada kanak-kanak bukan warganegara. Contohnya, pelarian dan kanak-kanak tanpa dokumen.

Pada masa yang sama, kanak-kanak bukan warganegara boleh mendapat pendidikan di sekolah harian di bawah Kementerian Pendidikan dengan bayaran yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan. Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan juga menimbulkan mengapakah tiada cadangan pindaan berhubung dengan perkahwinan kanak-kanak? Akta Kanak-kanak merupakan undang-undang yang mengadakan peruntukan bagi pemeliharaan, perlindungan, pemulihan kanak-kanak. Undang-undang yang berkaitan dengan perkahwinan, termasuk perkahwinan kanak-kanak, diperuntukkan dalam Akta Pembaharuan Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian dan bagi orang Islam pula peruntukkan di bawah undang-undang negeri masing-masing.

Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan juga menimbulkan perkara berkaitan dengan pornografi tiada dalam cadangan pindaan rang undang-undang ini. Akta Kanak-kanak sedia ada telah pun melindungi kanak-kanak daripada terlibat atau dilibatkan dengan pornografi, antaranya sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 17(2)(c). Kanun Keseksaan juga telah memperuntukkan pornografi sebagai kesalahan jenayah di bawah seksyen 292. Berkenaan dengan kes Bunya Jalong yang melibatkan kanak-kanak berusia 15 tahun yang melahirkan bayi yang disahkan mempunyai DNA milik tertuduh perayu.

Prinsip undang-undang utama dalam kes ini adalah terdapat keterangan bahawa kemasukan jari yang mempunyai air mani mungkin telah mengakibatkan mangsa mengandung. Tindakan yang sedang diambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ialah kementerian telah mengadakan konsultasi dengan pelbagai agensi kerajaan dan NGO dan mengkaji takrifan 'rogol' dan mencadangkan pindaan yang sewajarnya kepada Kanun Keseksaan.

■1740

Baru-baru ini Mahkamah Rayuan dalam kes Rafi Awang lawan pendakwa raya telah juga mengekalkan sabitan di bawah seksyen 37 Kanun Keseksaan iaitu memasukkan jari ke dalam kemaluan mangsa. Hukuman yang sama telah dijatuhkan. Jadi pihak kementerian memang telah pun mengadakan perbincangan supaya takrifan tentang rogol itu dilihat semula.

Yang Berhormat Senator Datin Hajah Rahimah binti Haji Mahamad bertanya apakah punca kes penderaan terhadap kanak-kanak.

Berdasarkan kes-kes yang dikendalikan oleh JKM, antara punca yang kita dapati berkaitan dengan kes penderaan kanak-kanak ialah, satunya ialah konflik di antara ibu bapa seperti mana yang telah juga disebut oleh Yang Berhormat Senator dalam Dewan yang mulia ini. Keduanya, masalah kewangan yang dialami oleh ibu bapa. Ketiganya, ibu bapa atau penjaga sebelum ini pernah didera. Ini tiga punca yang tertinggi di kalangan mereka yang melakukan penderaan terhadap kanak-kanak.

Yang Berhormat Senator Datin Hajah Rahimah juga bercakap menimbulkan isu pengemis kanak-kanak. Berdasarkan peruntukan pindaan Akta Kanak-kanak yang baru dalam meningkatkan penalti jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya. JKM dalam kes pengemisan kanak-kanak ini akan menyelamatkan kanak-kanak sekiranya terdapat aduan daripada mana-mana pihak mengenai kanak-kanak yang menjalankan aktiviti pengemisan. Kanak-kanak diselamatkan berdasarkan peruntukan seksyen 17(1)(k) Akta Kanak-kanak 2001.

Pelindung akan membuat aduan polis untuk membolehkan polis membuka kertas siasatan. Kanak-kanak yang diselamatkan akan ditempatkan di rumah kanak-kanak atau orang yang layak dan sesuai iaitu melalui perintah dari mahkamah.

Yang Berhormat Datin Hajah Rahimah juga bertanya tentang nasib kanak-kanak bagi ibu bapa yang berlainan agama dan hak penjagaan kanak-kanak. Isu ini sebenarnya bukanlah di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Walau bagaimanapun, kerajaan melalui Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mengumumkan hasrat untuk melaksanakan pembaharuan terhadap Akta Perkahwinan dan Penceraian 1976, Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) dan Akta Undang-undang Keluarga Islam 1987 bagi menangani isu sedemikian ini.

Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah bertanya apakah kriteria pelantikan kanak-kanak di Majlis Kebangsaan Kanak-kanak dan juga cadangan untuk wujudkan SOP laporan pemantauan untuk tatapan umum.

Saya maklumkan di sini bahawa kriteria pemilihan kanak-kanak sebagai anggota majlis ialah kanak-kanak yang dipilih untuk mengetuai Majlis Kebangsaan bagi Kanak-kanak terdiri daripada kanak-kanak yang menganggotai Majlis Perwakilan Kanak-kanak di negeri-negeri. Keanggotaan mereka dalam majlis ini mengikut giliran bagi setiap kali mesyuarat diadakan. Pemilihan juga adalah berdasarkan perwatakan dan kebolehan kanak-kanak tersebut dalam menyuarakan pendapat mereka.

Buat masa ini, penyertaan kanak-kanak di dalam Majlis Penyelaras bagi Pelindungan Kanak-kanak adalah daripada kalangan yang berumur di antara 16 hingga 18 tahun. Penyertaan dalam Majlis ini adalah selaras dengan prinsip utama CRC sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Artikel 12 dan 13. Artikel 12 menyatakan kanak-kanak mempunyai hak untuk menyatakan pendapat mereka secara bebas dan menjadikan pandangan itu diambil kira dalam apa-apa perkara atau tatacara yang menyentuh kanak-kanak.

Manakala Artikel 13 pula menyatakan kanak-kanak mempunyai hak untuk menyatakan pandangan, menerima maklumat, memberitahu idea atau maklumat tanpa mengira sempadan. Hak ini adalah tertakluk kepada sekatan tertentu hendaklah hanya sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang dan perlu untuk menghormati hak atau reputasi orang lain atau untuk melindungi keselamatan negara atau ketenteraman awam (*public order*) atau kesihatan awam ataupun moral.

Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah juga bertanyakan mengapakah fungsi-fungsi Pelindung tidak dinyatakan dengan jelas dalam Akta Kanak-kanak 2001. Sebenarnya fungsi Pelindung diperuntukkan dalam peruntukan Akta Kanak-kanak. Sebagai contoh, di bawah seksyen 18, Pelindung hendaklah mengambil mana-mana kanak-kanak yang disyakinya atau dia berpuas hati bahawa kanak-kanak itu memerlukan pemeliharaan dan perlindungan ke dalam jagaan sementara.

Seksyen 20 pula menyatakan bahawa kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemeliharaan yang memerlukan pemeriksaan atau rawatan perubatan ke hadapan seorang pegawai perubatan. Ini fungsi Pelindung. Fungsi Pelindung sebenarnya tidak dinyatakan dalam satu peruntukan sahaja tetapi dinyatakan dalam peruntukan-peruntukan lain yang berkaitan.

Adakah Kementerian menyediakan program pra perkahwinan? Ini juga soalan Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah. Program pra perkahwinan yang disediakan oleh Kementerian melalui LPPKN adalah untuk setiap peringkat umur yang bercadang untuk mendirikan rumah tangga, ertinya bukan untuk yang berumur lebih 18 atau 21 sahaja tetapi semua yang ingin mendirikan rumah tangga diberikan boleh melalui program pra perkahwinan yang disediakan oleh LPPKN.

Yang mana program ini memberikan atau pun meningkatkan kesedaran mengenai ilmu kesihatan reproduktif dan keibubapaan dalam kalangan remaja dan pasangan muda yang akan berkahwin melalui kursus-kursus seperti Kursus Pra Perkahwinan dan *Smart Start* yang disediakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Bagi isu perkahwinan bawah umur, cadangan untuk mewujudkan sebuah badan bebas untuk menyelia kanak-kanak yang hendak berkahwin dalam masa sebulan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Siti Aishah, Kementerian mengalu-alukan saranan untuk mewujudkan badan bebas ini yang boleh membantu pihak berkuasa untuk membenarkan permohonan perkahwinan muda. Kementerian perlu berunding dengan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara dan juga Mahkamah Adat di Sabah dan Sarawak untuk meninjau kesesuaian cadangan tersebut, *insya-Allah*.

Tugas Pelindung seperti yang dinyatakan dalam Akta Kanak-kanak membuat siasatan atas aduan penderaan atau pengabaian, membawa kanak-kanak ke hospital untuk tujuan pemeriksaan seperti yang saya sebutkan tadi mengemukakan kanak-kanak ke mahkamah bagi kanak-kanak untuk mendapatkan perintah bagi menentukan di mana penempatan kanak-kanak seterusnya dan menyediakan laporan pelindung bagi dikemukakan di mahkamah.

Berkaitan dengan pelantikan Pasukan Pelindungan Kanak-kanak juga yang dicadangkan supaya melantik NGO, cadangan untuk diberikan keutamaan, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pelantikan NGO boleh dibuat di bawah Pasukan Pelindungan Kanak-kanak di mana Majlis Kebangsaan bagi kanak-kanak hendaklah terdiri daripada anggota berikut iaitu tidak lebih daripada lima orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam perkara yang berhubungan dengan kebajikan dan perkembangan kanak-kanak termasuk mana-mana orang yang layak untuk memberikan nasihat mengenai faktor peribumi, etnik, kebudayaan, agama yang berkaitan yang akan dilantik oleh Menteri. Jadi NGO bolehlah dilantik daripada kalangan yang lima orang tadi itu.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar bertanya tentang proses laporan mengenai penderaan yang dibuat. Dimaklumkan di sini bahawa Pelindung akan membuat siasatan mengenai aduan tersebut. Pelindung mengesyaki berlaku penderaan, maka kanak-kanak akan dibawa ke hospital untuk dirawat. Jika sah berlaku penderaan dan kanak-kanak *discharge* kan dari hospital, Pelindung membawa kanak-kanak ke mahkamah untuk mendapatkan perintah sementara sama ada penempatan kanak-kanak di rumah kanak-kanak atau orang yang layak. Pelindung akan membuat siasatan penuh mengenai isu penderaan ini untuk tujuan penyediaan laporan pelindung. Mahkamah kemudiannya akan mengeluarkan perintah tetap sama ada ditempatkan di rumah kanak-kanak atau orang yang layak dan juga semuanya di bawah seksyen 3(1)(d), 3(1)(b) Akta Kanak-kanak.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Norahan juga bertanya apakah hukuman yang akan dikenakan kepada pesalah bagi hukuman perintah khidmat masyarakat. Perintah khidmat masyarakat akan dilaksanakan dengan melucutkan masa lapang pesalah dan memberi tanggungjawab ke atas mereka untuk mengikuti program pendidikan dan kemahiran keibubapaan atau pemulihan psikologi dan memupuk kesedaran agar mempunyai tanggungjawab terhadap kanak-kanak.

■1750

Selain itu pesalah juga perlu tugas tambahan seperti latihan amali dan praktikal kepada masyarakat contohnya amali penjagaan kanak-kanak di institusi kebajikan yang ada di seluruh negara. Adakah Kementerian mengadakan skim kelompok kepada kanak-kanak dan ibu bapa? Ini juga Yang Berhormat Senator Puan Hajah Norahan yang bertanya. Sebenarnya Kementerian tidak ada bantuan berbentuk skim perlindungan kelompok kepada keluarga.

Akan tetapi di bawah JKM terdapat beberapa skim bantuan yang sesuai untuk penyelenggaraan pendapatan untuk memenuhi keperluan asas kehidupan. Skim bantuan ini antaranya ialah bantuan kanak-kanak, bantuan anak pelihara, bantuan am Persekutuan dan juga geran pelancaran. Ini semua boleh didapati daripada JKM. Adakah Rang Undang-undang Kanak-kanak ini melarang penyiaran maklumat kanak-kanak di dalam media masa yang mana ditanya oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Norahan dan juga lain-lain Ahli Yang Berhormat Senator.

Pindaan kepada seksyen 85 ialah untuk menghalang gambar seseorang kanak-kanak yang ditahan dan sebagainya daripada diambil. Butir-butir lain kanak-kanak seperti dokumen yang mengandungi butir atau deskripsi kanak-kanak seperti nama, alamat, institusi pendidikan kanak-kanak juga disekat daripada dilaporkan atau disiarkan di bawah seksyen 15 yang sedia ada Akta Kanak-kanak 2001. Seksyen 15, Akta 611 tidak boleh didedahkan nama, alamat atau institusi pendidikan atau memasukkan apa-apa butir yang membolehkan kanak-kanak itu dikenal pasti. Ini termasuklah gambar dalam apa-apa akhbar atau majalah atau apa-apa perantara elektronik. Jadi sudah pun dimasukkan dalam Akta Kanak-kanak yang sedia ada.

Sejauh mana program dan langkah yang mengatasi kanak-kanak kesalahan yang dilakukan tidak memastikan kesalahan tidak berulang? Perintah khidmat masyarakat bagi pesalah kanak-kanak yang diperkenalkan dalam Rang Undang-undang Kanak-kanak ini mengandungi pelbagai program yang menjurus kepada pemulihan, pembentukan sahsiah dan penginsafan. Program-program ini dipercayai mampu mencegah kanak-kanak berkenaan daripada mengulangi kesalahan secara tidak langsung mengelakkan ia berulang semula dalam jenayah. Ingin saya maklumkan di sini bahawa daripada apa yang kita dapati selama ini bahawa lebih daripada 80 peratus kanak-kanak kita yang mengikuti CSO ini ataupun perintah masyarakat ini telah dapat dipulihkan dengan sepenuhnya dan tidak lagi mengulangi kesalahan mereka, *alhamdulillah*.

LPPKN pula dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara telah melaksanakan program PEKERTI@PLKN semenjak tahun 2011 lagi. Program memberikan kefahaman kepada golongan remaja bahawa tingkah laku seksual mempunyai kesan dan akibat kepada diri mereka, akibat yang tidak baik. Program seperti PEKERTI@IPGM, PEKERTI@KOMUNITI, Talian Kasih juga kita sediakan 15999 untuk membuat laporan dan juga kita ada modul cakna diri.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed menimbulkan perkara berhubung dengan fasal 9 mengenai ketetapan tanpa mesyuarat yang dimasukkan oleh seksyen baru 5A. Peruntukan ini dimasukkan bertujuan untuk memberikan ruang, peluang kepada Majlis untuk membuat satu ketetapan sekiranya Majlis tidak dapat mengadakan mesyuarat dalam keadaan yang tertentu.

Memandangkan mesyuarat memerlukan kuorum tujuh orang maka mungkin terdapat keadaan yang tidak membolehkan mesyuarat diadakan tetapi Majlis dalam keadaan tertentu ingin mengadakan ketetapan untuk membincangkan isu-isu penting dan membuat ketetapan sewajarnya. Memandangkan ketetapan dibuat tanpa mesyuarat maka perlulah diperuntukkan *strict requirement* bahawa ketetapan tersebut perlu dipersetujui oleh semua anggota Majlis. Sekiranya ketetapan tidak dipersetujui maka ia tidak menjadi satu ketetapan Majlis.

Yang Berhormat Senator Khairiah juga bertanya tentang maksud subperenggan 17(1)(c)(i) berhubung dengan maksud untuk menjalankan. Maksud subperenggan ini ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu tidak layak untuk menjalankan atau telah mengabaikan untuk menjalankan atau tidak berupaya untuk menjalankan pengawasan dan pengawalan yang sepatutnya ke atas kanak-kanak itu.

Berhubung dengan fasal 6, mengapakah Ketua Pengarah JAKIM tidak ditetapkan sebagai anggota Majlis? Perenggan 4(1)(a) dengan jelas memperuntukkan mengenai kriteria orang yang boleh dipilih untuk menjadi anggota Majlis. Ini termasuklah orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam hal ehwal kebajikan, perkembangan kanak-kanak termasuk orang yang layak memberi nasihat mengenai faktor agama. Kementerian berpandangan wakil JAKIM atau Ketua Pengarah JAKIM boleh termasuk dalam kategori ini dan tidak perlu dinyatakan secara spesifik.

Yang Berhormat Senator Khairiah juga menanyakan berkenaan dengan pengurangan bilangan Mesyuarat Majlis Kebangsaan. Sebagaimana yang Yang Berhormat sedia maklum bilangan mesyuarat bagi Majlis Penyelaras bagi Perlindungan Kanak-kanak ditetapkan di bawah Akta Kanak-kanak. Manakala bagi Majlis Kebangsaan Kanak-kanak di bawah rang undang-undang dicadangkan supaya mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya dua kali setahun. Cadangan tersebut bukanlah bermakna pengurangan mesyuarat tetapi bilangan minimum bagi mesyuarat Majlis. Majlis boleh bermesyuarat sekerap yang diperlukan dan pelaksanaan program dan aktiviti Majlis akan dilaksanakan oleh Pasukan Pelindung dan Pasukan Kebajikan Kanak-kanak secara berterusan.

Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan menimbulkan isu kanak-kanak yang menghidap penyakit *rare diseases*, dengan izin, yang perlu diberikan perhatian. Akta Kanak-kanak ini bukan satu akta khusus berkenaan ketidakupayaan maka tiada peruntukan khas *rare diseases*. Walau bagaimanapun akta ini terpakai untuk semua kanak-kanak di Malaysia dan bab *preamble* telah dengan perjelas menyebutkan bahawa ia adalah melibatkan semua kanak-kanak. Isu yang dihadapi iaitu perkhidmatan tidak disampaikan kepada kanak-kanak OKU di mana ibunya terpaksa berulang-alik dari hospital dan perlukan kepakaran untuk atasi, ini di bawah Kementerian Kesihatan. *Insyah-Allah* kita akan sampaikanlah kepada Kementerian Kesihatan.

Sejauh manakah NGO mempengaruhi dasar kerajaan di dalam mengenal pasti masalah dan penyelesaian kanak-kanak OKU? Dalam mendapatkan maklum balas, pandangan dan input daripada NGO sesi bengkel dan konsultasi diadakan dari semasa ke semasa di antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan NGO's yang berkaitan agar segala pandangan serta maklum balas daripada mereka diambil kira dalam penggubalan dasar dan hal-hal lain yang penting berkaitan dengan OKU. Saya sendiri juga pengerusi kepada *task force* OKU.

Yang Berhormat Senator Tuan Isa, kanak-kanak terlibat dalam Majlis Kebangsaan bagi Kanak-kanak. Di bawah JKM terdapat satu Majlis Perwakilan Kanak-kanak Kebangsaan yang mana dianggotai oleh kanak-kanak dari seluruh Malaysia. Kategori kanak-kanak yang menganggotai Majlis ini termasuklah kanak-kanak orang kurang upaya, kanak-kanak Orang Asli, kanak-kanak daripada Institusi JKM. Majlis ini akan berbincang dan memberi pandangan kepada kerajaan melalui resolusi kepada JKM atau wakil mereka di dalam Majlis Kebangsaan bagi Kanak-kanak. Ini suara kanak-kanak memang diambil kira dan secara serius oleh kementerian kita.

Yang Berhormat Senator Tuan Isa bin Ab Hamid juga menimbulkan pemerkosaan kanak-kanak Orang Asli yang dijadikan anak angkat oleh NGO tanpa kebenaran. Semua pusat jagaan kendalian NGO ataupun swasta perlu berdaftar di bawah persediaan- perlu didaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993. Mana-mana orang atau pihak yang tidak berdaftar boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau di penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Oleh yang demikian NGO yang mengambil kanak-kanak Orang Asli juga perlu berdaftar dengan akta ini bagi membolehkan pemantauan dijalankan atau dilaksanakan ya Yang Berhormat. Kalau ada maklumat mengetahui bahawa ada yang tidak berdaftar ini tolonglah laporkan kepada pihak kami, kepada pihak JKM.

Yang Berhormat Senator Tuan Isa bin Ab Hamid juga menyebutkan isu bekalan air luar bandar, kekurangan akses pendidikan dan lain-lain lagi berkaitan dengan kanak-kanak peribumi dan kanak-kanak Orang Asli.

Kementerian sebagai kementerian yang bertanggungjawab dalam melindungi kanak-kanak serta memastikan kanak-kanak di Malaysia mendapat akses kepada pendidikan, kesihatan dan perkhidmatan yang sewajarnya. Sehubungan dengan itu kementerian akan meneliti isu-isu berkaitan yang telah ditimbulkan iaitu berkaitan bekalan air dan lain-lain lagi tadi itu dan akan nanti- akan disampaikan kepada pihak yang berkenaan sebagai tindakan mereka iaitu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Kesihatan untuk sama-sama kita atasi masalah yang ada kaitan dengan kanak-kanak ini.

■1800

Kanak-kanak Orang Asli tidak boleh diangkat tanpa kebenaran Ketua Pengarah. Kanak-kanak peribumi ini, ini saya sudah saya sebutkan tadi juga, proses pengangkatan (*adoption*) tertakluk kepada Akta Pengangkatan 1952, Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952. Permohonan untuk menjalani proses pengangkatan boleh dibuat di Mahkamah Tinggi, Akta Pengangkatan. Pegawai Kebajikan Masyarakat dilantik oleh mahkamah berperanan untuk menjalankan seliaan terhadap ibu bapa angkat setelah dilantik sebagai *guardian ad litem*, menyasat dan menyediakan laporan untuk membantu mahkamah membuat keputusan yang sewajarnya. Ini secara umumnya prosiding pengangkatan bagi kedua-dua akta ini mempunyai tatacara yang tersendiri dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) hanya membantu daripada segi penyediaan laporan sekiranya diperlukan.

Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin menimbulkan perkara berkaitan dengan sumbang muhrim di kalangan kanak-kanak di Malaysia. Kementerian mengambil maklum tentang kenyataan Yang Berhormat Dr. Ariffin terhadap isu sumbang mahram dan akan mendapatkan data daripada PDRM dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia untuk meninjau sejauh mana isu ini di Malaysia dan seterusnya sama ada perlu dibuat satu kajian yang menyeluruh berkenaan isu ini bersama-sama dengan pihak-pihak yang saya sebutkan itu.

Berkaitan dengan *child rape*, bolehkah kita kurangkan kes, kes digugurkan kerana hubungan *consensual*, perogol rela mengahwini mangsa. Ini kes yang ada kaitan dengan *child rape* iaitu kes Bunya Jalong dan juga Riduan Masmud ini. Pendakwaan kes akan diteruskan jika terdapat keterangan yang mencukupi. Pejabat Peguam Negara telah pun mengeluarkan arahan pendakwa raya Bil.1/2013 bertujuan untuk memantau permohonan tarik balik kes oleh pengadu, ibu bapa dan mangsa. Walau bagaimanapun, meskipun arahan untuk kes diteruskan diberi, mangsa masih lagi enggan untuk memberi keterangan yang mengakibatkan mahkamah tiada pilihan dan memberikan perintah lepas tidak terjumlah kepada pembebasan.

Yang Berhormat Tuan Chia Song Cheng menimbulkan buruh kanak-kanak menyebabkan keciciran dalam sistem pendidikan, apakah tindakan kita? Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengancam sekuat-kuatnya sebarang eksploitasi terhadap kanak-kanak termasuklah buruh kanak-kanak dalam apa jua keadaan. Kanak-kanak seharusnya diberikan peluang untuk mengembangkan potensi melalui pendidikan. Kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pendidikan untuk mengenal pasti supaya kanak-kanak tidak dieksploitasi oleh mana-mana pihak dalam pasaran buruh. Sebarang salah laku dalam hal ini boleh disabitkan di bawah *the Protection of Young Persons (Employment) Act 1996* di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Senator Chia juga telah bertanya adakah pesalah dalam daftar kanak-kanak diberi pemulihan. Pesalah yang melakukan jenayah terhadap kanak-kanak akan diberi pemulihan melalui hukuman perintah khidmat masyarakat. Hukuman ini akan dilaksanakan melalui program pemulihan sosial yang melibatkan usaha-usaha pembentukan semula tingkah laku dengan disertakan kemahiran untuk membolehkan mereka supaya tidak mengulang semula kesalahan jenayah terhadap kanak-kanak. Mereka juga akan melalui sesi-sesi kaunseling.

Senator Chia juga menimbulkan isu pemansuhan sebat- tidak menyebut sebat sekolah di dalam keluarga, kes untuk mempertimbangkan rotan yang dibenarkan di sekolah dan dalam keluarga. Perlakuan merotan sekiranya sehingga menyebabkan kecederaan fizikal atau mental boleh terjumlah kepada melakukan kesalahan jenayah. Di bawah undang-undang yang sedia ada, sebenarnya perbuatan itu telah dijadikan suatu kesalahan di bawah seksyen 31(1), Akta Kanak-Kanak 2001 yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya. Manakala rotan di dalam Islam adalah lebih kepada mendidik kanak-kanak. Bahkan kita juga tidak wajar memukul kanak-kanak yang belum lagi *mumayyiz*. Jadi memang sudah ada merupakan kesalahan jika mereka melakukan- mereka merotan sehingga kecederaan kepada kanak-kanak.

Senator Chia juga bertanya adakah kanak-kanak yang melakukan kesalahan dimasukkan ke dalam daftar kanak-kanak? Fasal 72 dan 73 bertujuan untuk meminda seksyen 118, dan 119 ini dengan menggubal nama daftar kanak-kanak yang mana dalam daftar ini termasuklah butir-butir orang yang disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah yang melibatkan kanak-kanak sebagai mangsa. Secara prinsipnya, daftar disimpan bagi membolehkan keselamatan kanak-kanak dipertingkatkan. Ini termasuklah kanak-kanak yang melakukan kesalahan jenayah ke atas kanak-kanak yang lain.

Walaupun bagaimanapun, kanak-kanak yang melakukan jenayah selain ke atas kanak-kanak tidak akan dimasukkan dalam daftar ini kerana tujuan daftar ini diwujudkan adalah untuk perlindungan kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah serta untuk menghalang atau mengelakkan kanak-kanak dikendalikan oleh orang yang pernah melakukan jenayah ke atas kanak-kanak. Contohnya sebagai pengasuh, pengawal keselamatan di sekolah, pengusaha kantin sekolah dan pemandu bas sekolah.

Senator Chia juga mencadangkan untuk Kementerian dengan Kementerian Pendidikan berbincang cara mendisiplinkan kanak-kanak bagi menggantikan sebat rotan di sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan pekeliling dan peraturan yang melarang hukuman rotan fizikal dikenakan kepada murid-murid yang melakukan pelanggaran disiplin kesalahan di sekolah.

Dalam pekeliling dan peraturan tersebut, peringatan penyataan yang menegaskan guru-guru yang mengenakan hukuman fizikal rotan terhadap murid yang mempunyai masalah disiplin perlulah bersedia menghadapi tindakan undang-undang sekiranya dibawa oleh pihak ibu bapa ataupun penjaga murid. Selanjutnya Kementerian Pendidikan juga telah menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada murid-murid yang bermasalah disiplin dan yang memerlukan bantuan kaunseling untuk dibimbing dengan menyediakan perjawatan guru kaunseling di setiap sekolah rendah dan sekolah menengah.

Yang Berhormat Senator Chia juga bertanya berhubung dengan cadangan pindaan mengenai daftar kanak-kanak, adakah betul kanak-kanak- sudah saya sebutkan tadi. Ya, kanak-kanak yang melakukan jenayah yang lain akan dimasukkan dalam daftar kanak-kanak. Apakah beza antara daftar kanak-kanak dengan Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang Yang Tidak Diingini 1969 [Akta 7].

Daftar Kanak-Kanak di bawah Akta Kanak-Kanak adalah spesifik bagi pesalah yang melakukan kesalahan yang kanak-kanak merupakan mangsanya. Daftar ini diselenggarakan oleh Ketua Pendaftar Kanak-Kanak di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pendaftaran di bawah Akta 7 pula adalah mengenai pendaftaran penjenayah orang dibuang negeri, diusir, dinyahkan negeri dan orang tertentu bagi kesalahan boleh daftar. Kesalahan boleh daftar adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan Kedua akta tersebut. Jadi, dia adalah berbeza.

Yang Berhormat Senator Shahanim binti Mohamad Yusoff juga telah menimbulkan isu keganasan dan buli di kalangan kanak-kanak menjadi isu utama negara. Bagi kes dera dan buli di kalangan penuntut di asrama, pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat boleh menggunakan peruntukan di bawah Akta Kanak-Kanak berdasarkan senario kes.

Bagi murid yang didapati atau disahkan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat bahawa kanak-kanak dikategorikan sebagai tidak terkawal dengan memberi maksud kanak-kanak merupakan kanak-kanak yang bermasalah daripada segi tingkah laku, ibu bapa atau penjaga boleh membuat permohonan ke mahkamah untuk mendapatkan perintah bagi membolehkan kanak-kanak tersebut menjalani pemulihan di institusi JKM.

Ini di bawah seksyen 46(1) Akta Kanak-Kanak 2001, iaitu sekiranya hasil daripada siasatan mendapati kanak-kanak menjadi mangsa buli, didera memerlukan perlindungan, pihak JKM boleh menyelamatkan kanak-kanak di bawah penjagaan orang yang layak atau ditempatkan di institusi JKM bagi tujuan perlindungan di bawah seksyen, 3(1)(d) Akta Kanak-Kanak, atau seksyen 3 (1)(b).

■1810

Dengan tindakan tersebut kanak-kanak ini dikategorikan sebagai tidak terkawal dikeluarkan oleh penjagaan pihak warden asrama dan penjagaan kanak-kanak akan diambil oleh JKM atau orang yang dikategorikan sebagai yang layak. Dengan ini, murid sekolah yang di bawah kawalan warden asrama akan lebih selamat lagi, *insya-Allah*. Sementara pihak Kementerian Pelajaran Malaysia bertanggungjawab untuk melaporkan sebarang kejadian buli atau penderaan yang berlaku ke atas murid-murid sekolah kepada pegawai kebajikan masyarakat berdasarkan seksyen 29A rang undang-undang yang ada di hadapan kita pada ketika ini.

Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff juga bertanya berapa ramai kanak-kanak di institusi mendapat peluang ke universiti? Adakah pemantauan dibuat selepas keluar daripada RKK. Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat bekerjasama dengan Jabatan Tenaga Kerja dalam memberikan latihan kemahiran kepada kanak-kanak yang berada di rumah kanak-kanak dan sekolah yang diluluskan. Bilangan kanak-kanak yang telah mengikuti pensijilan kemahiran Malaysia sehingga kini berjumlah 217 orang, 130 buah Sijil Kemahiran MARA dan 87 GiatMARA. Bilangan kanak-kanak yang telah menerima sijil kemahiran diiktiraf industri bagi tahun 2012 dua orang; 2013 - 74 orang; 2014 - 150 orang; dan 2015 - 245 orang.

Kanak-kanak yang telah dikeluarkan dari institusi kanak-kanak akan dipantau oleh pihak JKM bagi melihat kejayaan kanak-kanak tersebut setelah diintegrasikan semula dalam masyarakat. Ada juga kita menyediakan rumah transit bagi kanak-kanak kita. Memang ada juga yang telah memasuki universiti nanti kita akan berikan bilangan mereka secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam meminta keterangan tentang perbezaan di antara pembantu pelindung dan pelindung. Adakah mereka mempunyai kuasa yang sama. Perbezaan di antara pembantu pelindung dan pelindung adalah kuasa yang dibenarkan oleh akta kepada pembantu pelindung adalah terhad iaitu setakat menyelamatkan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan kemudian membawa kanak-kanak kepada pelindung dalam tempoh 12 jam. Sekiranya, kanak-kanak memerlukan rawatan dan pemeriksaan perubatan, pembantu pelindung boleh membawa kanak-kanak kepada pegawai perubatan selepas dimaklumkan kepada pelindung.

Pembantu pelindung tidak diberi tanggungjawab untuk membawa kanak-kanak yang diselamatkan ke mahkamah untuk tujuan penempatan lanjut dan tidak perlu memberikan laporan pelindung kepada mahkamah sebagaimana yang dilakukan oleh pelindung. Kita memerlukan pembantu pelindung ini kerana mereka ini boleh kita tempatkan di daerah-daerah supaya ramai lagi dapat membantu kanak-kanak kita yang memerlukan.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam juga bertanya berkenaan dengan konsep pemeliharaan berasaskan keluarga adakah bermakna institusi kebajikan akan ditutup. Jawapannya tidak. Dalam konteks Malaysia, konsep ini memastikan bagi kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan penjagaan pilihan utama ialah bersama ahli keluarga dan pilihan terakhir ialah ditempatkan di institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Buat masa ini, fokus pelaksanaan konsep ini penjagaan kanak-kanak sama ada oleh ibu bapa, ahli keluarga atau orang yang layak dan sesuai dalam suasana kekeluargaan dan bukan kepada penutupan institusi jagaan secara total. Kementerian menetapkan penempatan di institusi kebajikan sebagai pilihan yang terakhir.

Ertinya kita masih lagi mewujudkan institusi kita tetapi dalam masa yang sama kita berusaha untuk menempatkan kanak-kanak ini dalam suasana keluarga.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam juga bertanya berapa ramai kanak-kanak yang dibuang dan berapa ramai yang telah diambil sebagai anak angkat.

Statistik PDRM kes buang bayi dilaporkan pada tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah
2011	98
2012	89
2013	90
2014	104
2015	111

Bilangan kanak-kanak yang telah diambil sebagai anak angkat pada tahun 2015:

Kaum	Jumlah
Melayu	133
Cina	26
India	16
Lain-lain	2
Jumlah	177

Tahniahlah syabas saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff yang telah pun mengambil kanak-kanak kita daripada institusi. Saya berharap lebih ramai lagi yang akan datang untuk membantu kita menjaga anak yang malang ini.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam bertanya adakah CSO kepada ibu bapa dan penjaga adakah dijalankan pada waktu bekerja bagaimana pula dengan kebajikan keluarga mereka. CSO akan dilaksanakan mengikut jadual pelaksanaan yang disediakan bersama pesalah dan dipersetujui oleh pesalah dengan mengambil kira keperluan hari bekerja dan kebajikan keluarga pesalah. Oleh itu pesalah CSO masih boleh turut bekerja seperti biasa- terus bekerja seperti biasa dan kebajikan keluarga pesalah juga tidak akan terabai. Jadi mereka akan bersama-sama membincangkan dan bersetuju tentang jadual masa mereka.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam juga bertanya cadangan untuk memberi bantuan kepada keluarga yang ramai anak. Bagi keluarga yang dikategorikan di bawah *low income household* (LIH) dan mempunyai ramai anak adalah layak ditimbang bantuan kanak-kanak. Sekiranya penerima bantuan ini produktif dan mampu bekerja, oleh yang demikian JKM akan membimbing keluarga tersebut melalui geran pelancaran yang mana kita berikan sejumlah RM2,700 sekali gus. Manakala JKM juga akan membantu keluarga melalui bantuan latihan *apprentice* sebagai latihan kepada anak-anak penerima bantuan JKM iaitu sebanyak RM200 sebulan.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat bertanya tentang kriteria pemilihan pembantu pelindung. Antara kriteria yang sedang dalam pertimbangan kementerian ialah satunya Warganegara Malaysia, berumur 21 tahun dan ke atas, tidak disabitkan dengan kesalahan jenayah, tidak bankrap atau mufliis, mempunyai pengalaman dalam bidang kerja sosial yang melibatkan dengan kanak-kanak, disokong oleh pemimpin tempatan, pegawai kerajaan Kumpulan 'A' dan diperakui oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat.

Pembantu pelindung dilantik sama ada berdasarkan permohonan atau syor dari pejabat kebajikan masyarakat daerah kepada pejabat kebajikan masyarakat negeri dan kemudiannya akan di kemukakan permohonan atau syor tersebut kepada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat untuk diperakukan kepada Yang Berhormat Menteri sebelum kelulusan diberikan oleh Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal membuat cadangan untuk semak semula definisi kanak-kanak- cadangan ini turunkan umur kanak-kanak 13 tahun. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun juga ada bercakap tentang cadangan untuk melihat kepada definisi erti kanak-kanak. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak bercadang untuk meminda daripada definisi kanak-kanak dari 18 tahun kepada 13 tahun kerana definisi ini adalah selaras dengan CRC.

Ia telah diratifikasikan sepanjang 195 buah negara di seluruh dunia. Semua negara tersebut bersetuju dengan definisi itu kerana tujuan utamanya adalah untuk melindungi kanak-kanak termasuklah kanak-kanak, dengan izin, *young vulnerable* termasuk kanak-kanak OKU walaupun hampir mencapai 18 tahun. Daripada segi kematangan dan fizikal seorang manusia juga, seseorang hanya boleh dianggap matang apabila mencapai umur 18 tahun.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun bertanya apakah tindakan hukuman selain daripada sebat. Mahkamah mempunyai kuasa berdasarkan seksyen 91(1), Akta Kanak-kanak 2001:

- (i) memberikan amaran dan melepaskan kanak-kanak;
- (ii) melepaskan kanak-kanak menyempurnakan bon untuk berkelakuan baik;
- (iii) memerintahkan kanak-kanak dipelihara oleh orang yang layak dan sesuai atau sedara;
- (iv) memerintahkan kanak-kanak membayar denda, pampasan ataupun kos;
- (v) membuat suatu perintah percubaan;
- (vi) memerintahkan kanak-kanak dihantar ke sekolah diluluskan atau Sekolah Henry Gurney; dan
- (vii) mengenakan hukuman pemenjaraan jika berumur 14 tahun ke atas.

Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal juga telah memberikan pemerhatian ke atas hukuman yang dikenakan kepada ibu bapa di bawah seksyen 33 Akta Kana-kanak sekiranya kanak-kanak telah berumur 17 tahun dan terpaksa tinggalkan tanpa penawasan. Ibu bapa yang meninggalkan anaknya yang belum mencapai umur 18 tahun melakkan kesalahan di bawah seksyen 33, Akta Kanak-kanak 2001 hanya sekiranya;

- (i) tidak mengadakan persediaan bagi pengawasan yang berpatutan;
- (ii) untuk tempoh yang tidak berpatutan; dan,
- (iii) dalam keadaan yang tidak berpatutan.

■1820

Walau apa pun pihak mahkamah yang akan menentukan sama ada ibu bapa tersebut bersalah atau tidak dalam situasi yang demikian, yang berkenaan. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator yang telah sama-sama menyokong RUU Kanak-kanak 2015 ini. Sekian. *Wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang dikemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 79 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) 2015

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.23 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2015 iaitu satu akta untuk meminda akta keselamatan sosial pekerja 1999, Akta 4, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Akta 4 memberi perlindungan kepada semua pekerja yang bergaji RM3000 sebulan, dan ke bawah. Objektif utama akta ini ialah untuk memberi perlindungan dan jaminan keselamatan sosial kepada pekerja-pekerja di negara ini. Akta ini berkuat kuasa di seluruh Malaysia. Sejak mula dikuatkuasakan pada 1971, akta ini telah melalui proses pindaan sebanyak sembilan kali selaras dengan perubahan dan keperluan semasa di mana pindaan kali terakhir telah dikuatkuasakan pada tahun 2012.

Akta ini dicadangkan untuk dipinda sekali lagi bagi memenuhi perubahan semasa supaya relevan dan sesuai dengan perkembangan ekonomi dan Pencarum Keselamatan Sosial atau pun PERKESO serta meningkatkan lagi kualiti perlindungan penyampaian perkhidmatan PERKESO pada rakyat. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2015 telah dibentangkan pada bacaan kali pertama pada 30 November 2015 dan telah diluluskan di peringkat Dewan Rakyat pada 31 Mac 2016.

Objektif utama cadangan pindaan pada Akta 4 pada kali ini adalah untuk meluaskan liputan lindungan keselamatan sosial kepada semua pekerja. Memberi kuasa kepada PERKESO untuk mentadbir rancangan keselamatan sosial baharu dan meningkatkan keupayaan penyampaian perkhidmatan kepada pencarum PERKESO. Selain itu terdapat juga pindaan-pindaan yang dibuat untuk melicinkan lagi urusan tadbir akta ini. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi 12 fasal yang melibatkan lapan seksyen sama ada dipinda atau menambah peruntukan baharu dan pindaan kepada tiga jadual seperti berikut.

Seksyen 5 dipinda dengan menjelaskan bahawa semua pekerja hendaklah diinsuranskan di bawah Akta 4 tanpa mengira amaun gaji. Ia bertujuan untuk memperuntukkan bahawa semua pekerja hendaklah diinsuranskan tanpa mengira amaun gaji tetapi mengehendkan siling caruman dan faedah kepada 4000 jika gaji orang yang diinsuranskan tersebut melepasi siling tersebut. Risiko kemalangan di tempat kerja dan kemalangan yang berlaku semasa dalam perjalanan pergi dan balik dari tempat kerja adalah terdedah kepada semua golongan pekerja tanpa mengira gaji yang diterima.

Statistik kemalangan di tempat kerja pada tahun 2014 direkodkan sebanyak 63,331 kes yang melibatkan 933 kes kemalangan maut. Manakala pada tahun 2015, sebanyak 62,863 kes direkodkan dengan seluruh kes menyebabkan kemalangan maut. Selain itu, kes-kes kemalangan jalan raya yang berlaku ketika perjalanan ke tempat kerja atau sebaliknya menunjukkan trend yang semakin membimbangkan. Maka itu adalah wajar aspek keselamatan sosial diperluaskan kepada segenap lapisan masyarakat pekerja di negara ini.

Cadangan ini merupakan manifestasi keprihatinan kerajaan ke atas kebajikan golongan pekerja di negara ini. Cadangan ini dijangka akan memberi manfaat langsung dalam bentuk nilai faedah perlindungan PERKESO pada tambahan kira-kira 500,000 orang pekerja dan meningkatkan liputan perlindungan PERKESO daripada 6,000,000 kepada 6.5 juta orang pekerja. Seksyen 58 dipinda dengan menunjukkan peruntukan baharu bagi memberi kuasa kepada PERKESO untuk mengurus tadbir skim dan cadangan keselamatan sosial yang baru. Cadangan penilaian ini adalah selaras dengan dasar kerajaan agar PERKESO memperluaskan liputan perlindungan skim keselamatan sosial kepada golongan yang bekerja sendiri atau *self-employed* dan melaksanakan apa-apa skim perlindungan bagi pekerja yang kehilangan pekerjaan.

Seksyen 71 dipinda dengan memasukkan subseksyen 71(ii) yang baharu bagi membenarkan Kumpulan Wang Keselamatan Sosial (KWKS) dibelanjakan untuk meminda atau mengambil alih syarikat selaras dengan cadangan peruntukkan baharu seksyen 74A. Seksyen 72A dipinda bertujuan untuk membenarkan PERKESO memberikan kemudahan pembiayaan lain kepada pegawai dan pekhidmat PERKESO. Pada masa ini, PERKESO hanya boleh memberikan penjamin sahaja. Cadangan PERKESO ini akan membolehkan pegawai dan pekhidmat PERKESO memohon pembiayaan daripada PERKESO bagi pinjaman rumah, kenderaan atau komputer mengikut skim pembiayaan yang patuh syariah.

Peruntukan baharu seksyen 74A adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada PERKESO dengan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan bagi menubuhkan syarikat atau mengambil alih syarikat di bawah akta syarikat 1965 untuk menjalankan, mentadbir, mengendalikan dan menguruskan apa-apa projek, usaha sama, program penswastaaan, skim perusahaan atau apa-apa perkara lain yang telah dirancang atau diusahakan oleh PERKESO. Ini juga adalah untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik dan teratur daripada segi undang-undang dan tadbir urus dapat diberikan kepada orang berinsurans dalam apa-apa perkara berkaitan dengan pemulihan yang telah dirancang oleh PERKESO.

Peruntukan baharu ini juga jelas menggariskan bahawa apa-apa cadangan untuk meluluskan atau mengambil alih syarikat adalah bagi maksud rancangan keselamatan sosial sahaja dan bukan untuk tujuan selain rancangan keselamatan sosial oleh PERKESO. Pada masa sekarang, PERKESO melaksanakan kemudahan pemulihan jasmani atau pun vokasional kepada orang berinsurans di hospital, klinik atau pusat yang tertentu yang dikendalikan oleh pihak kerajaan atau swasta. Walau bagaimanapun, sesi pemulihan yang dijalani oleh orang berinsurans terhad kepada yang ditawarkan meliputi pemulihan jasmani sahaja seperti fisioterapi.

Orang berinsurans sukar untuk menjalani sesi pemulihan berbentuk vokasional yang dianjurkan oleh pihak kerajaan atau swasta kerana kemudahan yang bersesuaian untuk menjalani pemulihan vokasional tersebut memerlukan komitmen daripada pihak yang berkenaan termasuk kos peralatan dan kemahiran yang spesifik.

■1830

Dengan demikian orang berinsurans tidak dapat diberi peluang untuk menjalani program-program yang khusus dianjurkan oleh seperti program *Return to Work*, dengan izin, yang menjurus kepada pemulihan dalam bentuk vokasional dengan mengambil kira keupayaan orang berinsurans.

Cadangan untuk PERKESO untuk menubuhkan syarikat atau mengambil alih syarikat adalah untuk memastikan kemudahan-kemudahan vokasional seperti pusat rehabilitasi di Melaka yang ditubuhkan oleh PERKESO yang diuruskan oleh syarikat yang ditubuhkan oleh PERKESO bagi memastikan objektif penubuhan mencapai sasaran yang telah ditetapkan seperti program *Return to Work*.

PERKESO boleh mengawal syarikat-syarikat yang ditubuhkan atau diambil alih tersebut bagi memastikan pelaksanaan pemulihan vokasional dilaksanakan mengikut program yang diatur demi kepentingan orang berinsurans. Kuasa PERKESO untuk menubuhkan atau mengambil alih syarikat adalah tertakluk kepada syarat yang ketat dan hanya boleh dilaksanakan dengan merujuk ke Lembaga PERKESO dan mendapat kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan.

PERKESO telah pun menubuhkan pusat rehabilitasi di Melaka yang telah pun beroperasi mulai 1 Oktober 2014 untuk memulihkan orang berinsurans bagi membolehkan mereka kembali bekerja. Dalam masa ini, PERKESO mentadbir pusat ini secara pentadbiran dan kakitangan pusat tersebut dilantik secara kontrak. Dengan adanya peruntukan baru ini, pusat tersebut boleh diuruskan dengan lebih efektif sebagai sebuah syarikat dan pelantikan kakitangan secara tetap boleh dilaksanakan.

Seksyen 75A(2) dipinda dengan memotong perenggan (e) untuk meniadakan wakil Bank Negara Malaysia dari menganggotai pelaburan PERKESO. Bank Negara Malaysia sebagai *regulatory body*, dengan izin, kurang sesuai terlibat sebagai pembuat keputusan bagi agensi kerajaan yang lain kerana boleh menimbulkan isu konflik kepentingan dalam pelaksanaan dasar Bank Negara Malaysia jika PERKESO berterusan dengan pihak yang melibatkan bidang kuasa Bank Negara Malaysia.

Peruntukan pindaan 75A(2)(e) bagi menggugurkan wakil Bank Negara berikutan daripada permintaan oleh pihak Bank Negara Malaysia sendiri melalui surat mereka kepada Ketua Pengarah PERKESO bertarikh 12 Julai 2010 dan 18 Ogos 2010. Perkara pengunduran perwakilan Bank Negara Malaysia dalam panel pelaburan PERKESO adalah atas alasan supaya selaras dengan penguatkuasaan Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan dikuatkuasakan mulai 20 November 2009 bagi menggantikan Akta Bank Negara Malaysia 1958.

Ini adalah kerana matlamat untuk memastikan mandat dan tanggungjawab Bank Negara Malaysia dapat dilaksanakan dengan berkesan serta mengambil kira perkara-perkara yang berkaitan dengan percanggahan kepentingan. Oleh itu, kajian semula oleh pihak Bank Negara Malaysia telah memutuskan untuk tidak lagi meneruskan penyertaan wakil Bank Negara Malaysia dalam Panel Pelaburan PERKESO.

Susulan itu pindaan perlu dilakukan ke atas seksyen 75A(2)(e) kerana peruntukan wakil Bank Negara Malaysia dalam panel pelaburan PERKESO keperluan, *statutory* yang dinyatakan dalam akta. Berikut itu, seksyen 75A(2)(f) dipinda untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk menambah pelantikan ahli Panel Pelaburan PERKESO daripada dua orang kepada tiga orang.

Seksyen 95A dipinda bagi mengehendaki Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai untuk mendapat keizinan bertulis Pendakwa Raya sebelum mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah tempat atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta 4. Perenggan ini juga menyediakan *check and balance*, dengan izin, ke atas tindakan penguatkuasaan dan pengeluaran kompaun oleh PERKESO.

Seksyen 105 dipinda bagi memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan yang memperuntukkan kriteria bagi mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Akta 4 atau mana-mana perundangan subsidiari di bawahnya. Jadual Pertama Akta 4 dipinda bagi membolehkan semua kerja tanpa mengira gaji diinsuranskan. Ini adalah pindaan susulan yang selaras dengan pindaan seksyen ini untuk memperluaskan liputan perlindungan PERKESO kepada semua pekerja.

Perenggan 2 dan 4 dalam Jadual Ketiga dipinda dengan memperuntukkan kadar caruman berkenaan dengan pekerja susulan daripada pindaan seksyen 5 dan Jadual Pertama dan Jadual Keempat dipinda bagi memperuntukkan gaji bulanan, anggapan yang bersamaan dengan kadar caruman.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil berat akan kebajikan para pekerja. Kerajaan berharap dengan pindaan dan cadangan baru yang dibuat menerusi rang undang-undang ini akan dapat menambah baik perlindungan keselamatan sosial pekerja di samping memberi perkhidmatan yang lebih efisien bagi membela nasib orang berinsurans khususnya yang memerlukan pemulihan akibat bencana kerja supaya dapat bekerja semula. Selain itu, ia juga bertujuan untuk disesuaikan dengan perkembangan sosioekonomi negara di samping peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan PERKESO kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dibacakan kali kedua, sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sebelum itu, Ahli-ahli Yang Berhormat ini sesi pertama saya sebagai Pengerusi Dewan Negara dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah bekerjasama dengan saya dan membuat kerja saya senang.

Saya berharap kerjasama kita dan silaturahim ini akan berterusan pada masa-masa yang akan datang. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan balik ke kawasan, saya mengucapkan semoga selamat sejahtera dalam perjalanan dan berjumpa lagi di persidangan yang akan datang.

Perbincangan Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff, silakan.

6.37 ptg.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikumi warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Dalam pindaan ini saya ingin menyentuh mengenai fasal 2 pindaan akta ini mengenai had kiraan gaji maksimum bagi tujuan caruman skim PERKESO walaupun nilai gaji hakiki seseorang pekerja melebihi daripada had yang disenaraikan dalam jadual pertama mengenai caruman dalam peruntukan pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, risiko kemalangan di tempat kerja, risiko kemalangan semasa pergi dan pulang kerja serta risiko orang awam terhadap aktiviti pekerjaan di sektor industri dan ekonomi semakin hari semakin kompleks. Walaupun risiko-risiko kemalangan atau malapetaka pekerjaan diurus secara berhemah oleh majikan dan pihak berkepentingan, namun kejadian kemalangan ke atas individu, pekerja atau orang awam tidak dapat dijangka. Justeru, melalui pindaan Jadual ini hukuman jumlah pekerja yang dicarumkan dalam skim perlindungan PERKESO ini lebih luas dan meliputi semua warga pekerja Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan skim perlindungan PERKESO ini lebih efektif, jaringan keselamatan sosial rakyat Malaysia perlu dilebarkan rangkumannya.

Saya memohon penjelasan daripada kementerian tentang bagaimana PERKESO dapat menarik lebih ramai bekerja sendiri seperti peladang, petani, nelayan, peniaga-peniaga, gerai-gerai, peniaga pasar malam dan sebagainya untuk membuat caruman atau membuat satu mekanisme pelaksanaan secara CSR keuntungan pelaburan PERKESO bagi melindungi kumpulan bekerja sendiri ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam fasal 3 pindaan rang undang-undang ini, PERKESO akan diberi kuasa perundangan dalam mentadbir apa-apa rancangan keselamatan sosial yang lain jika pentadbiran bagi apa-apa rancangan itu diberikan kepada PERKESO oleh mana-mana undang-undang bertulis.

■1840

Dalam perkara ini, saya memohon pertimbangan dan kelulusan PERKESO agar satu skim lindungan sosial ke atas orang awam yang tidak mencarum Skim Perlindungan PERKESO yang terbabit dalam kes-kes kemalangan pekerjaan dan disiasat di bawah peruntukan Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. *Notification of Accident, Dangerous Occurrence, Occupational Poisoning and Occupational Disease (NODOPOD)* 2004. Saya ingin mengambil contoh kemalangan seorang anak, seorang pelajar yang putus tangan, pelajar yang berusia 14 tahun Mohd Syafiq terkena tali sawat generator ladang ayam di Selama Perak, pada 27 April 2016. Dalam kemalangan tersebut mangsa merupakan pelajar miskin dan tidak ada caruman Skim Perlindungan PERKESO dibuat, disebabkan kemalangan hilang upaya kekal ini berlaku, nasib dan masa depan beliau kita tidak dapat jangka sama sekali.

Justeru, sekiranya PERKESO mempunyai peruntukan dalam fasal 3 ini, saya memohon agar suatu skim bantuan dapat diberikan dengan segera. Pemberian bantuan oleh PERKESO akan dapat meringankan beban dan kos rawatan susulan mangsa kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua serta Timbalan dan saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kementerian dan PERKESO kerana berjaya menggubal pindaan akta ini agar ia lebih *inclusive* dan manfaatnya dapat dinikmati oleh sebahagian besar rakyat Malaysia. Saya mohon menyokong, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih Yang Berhormat Shahanim, dan saya pergi teruskan ucapan daripada Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah.

6.42 ptg.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2015. Semasa pembentangan tadi, Yang Berhormat Menteri telah menerangkan tujuan rang undang-undang ini, kalau kita tengok secara keseluruhan dia akan meminda sebanyak tujuh seksyen, tiga Jadual dan juga satu seksyen yang baru. Banyak subseksyen yang baru tetapi satu baru yang telah menjadi banyak isu dan telah merunsingkan kaum pekerja, seksyen baru 74A ini. Saya akan menyentuh beberapa perkara yang ada kaitan secara *direct* dengan pindaan-pindaan yang di cadangkan dan juga kepada perkara yang mungkin tidak ada kaitan secara *direct* dengan pindaan tetapi yang ada kaitan dengan kebajikan pekerja.

Saya ingin memulakan perbahasan saya ini dengan mengimbas kembali asal usul program-program perlindungan sosial di Malaysia. Sebenarnya kalau kita tengok program-program sosial di Malaysia boleh di klasifikasi di dua kategori, keselamatan sosial *protection* dan juga program *insurance social*, satu konsep *provident fund*, satu konsep *employment injury*. Kalau kita tengok skim insurans sosial yang pertama ialah PERKESO yang diperkenalkan atau Akta SOCSO yang dikenalkan pada tahun 1969.

Sejak tahun 1969 sampai sekarang akta ini telah melalui banyak pindaan tetapi tidak yang berkontroversi seperti yang sekarang. Kalau kita tengok akta ini, objektif akta dan juga badan PERKESO itu ialah untuk meningkatkan kesejahteraan sosial pekerja dengan memberi perlindungan, perlindungan keselamatan sosial melalui beberapa skim keselamatan, itu objektif.

Selain itu, saya membawa objektif ini ke perhatian Yang Berhormat Menteri dan juga Dewan ini, pasal selepas ini saya akan *highlight* bagaimana pindaan-pindaan yang dicadangkan itu akan memberi satu ancaman yang serius kepada objektif-objektif ini, *the original objective of SOCSO*. Akan tetapi sebelum itu, bukan semuanya yang dicadangkan itu tidak baik atau yang merunsingkan, ada juga yang baik. Antaranya ialah cadangan untuk meminda seksyen 5 dan juga Jadual Pertama.

Terutama yang di cadangkan oleh fasal 2(b) kepada seksyen 5 dan di mana *threshold limit* RM3,000 itu akan dimansuhkan dan di perluasan daripada segi *coverage*. Bukan saja fasal 2(b) tetapi juga fasal 2(c) yang mengehendkan kadar caruman kepada RM4,000 sebulan. Akan tetapi pada keseluruhannya pada pandangan saya, keburukan itu melebihi kebaikan kalau kita tengok dalam pindaan-pindaan yang dicadangkan. Pertama ialah yang dicadangkan melalui- saya akan sentuh dua fasal sekali, yang dicadang melalui fasal 4 dan fasal 6. Kalau kita tengok fasal 4 dan fasal 6, fasal 4 ia bertujuan untuk meminda seksyen 71, manakala fasal 6 bertujuan untuk memasukkan satu seksyen baru ialah seksyen 74A.

Kalau kita tengok daripada segi pindaan-pindaan yang dicadangkan fasal 4 dan fasal 6, objektif kedua-dua pindaan ini ialah untuk membenarkan dana PERKESO digunakan untuk tujuan untuk menubuhkan atau mengambil alih atau menyelenggarakan syarikat. Dalam pindaan yang dicadangkan yang paling hangat ialah seksyen 74A yang bukan sahaja terima tentangan yang kuat di Dewan Rakyat tetapi juga oleh masyarakat *civil* kerana implikasinya begitu bahaya kepada objektif SOCSO, terutama daripada kuasa yang diberi kepada PERKESO. Daripada pandangan saya, saya tengok pindaan ini dia ada banyak *far reaching implication* dengan *reputation*, dengan izin, yang boleh bukan sahaja mengancam objektif PERKESO tetapi juga kewujudan PERKESO.

Daripada pengetahuan saya, daripada pandangan saya, amalan biasa bila kita buat atau amalan biasa prinsip undang-undang bila kita buat sesuatu pindaan, dia tidak boleh bertentangan dengan semangat asal akta itu tetapi kalau dalam bahasa Inggeris kita cakap *the principle of amendments to existing laws, the proposed amendments*, dia tidak boleh *go against the spirit of the original act*. Akan tetapi dalam kes ini kita tengok dana, daripada segi dana itu, *original objective* dana ialah untuk kebaikan pekerja. Dengan seksyen 74A ini kita tengok, seksyen 74A ini akan membenarkan dana PERKESO digunakan untuk tujuan pelaburan, ini bukan luar biasa ini pernah berlaku tetapi pada saya kali ini ia bertentangan dengan objektif kerana apa yang telah berlaku beberapa bulan ini.

Pada saya badan-badan keselamatan sosial seperti KWSP, PERKESO dan sebagainya ditubuhkan dengan satu matlamat tertentu dan apa yang saya tengok yang dicadangkan itu oleh pindaan-pindaan ini, dia seolah-olah berlaku satu penyelewengan daripada matlamat asal dan Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Kalau kesangsian kaum pekerja sekarang di luar sana, kesangsian kaum pekerja bahawa dana PERKESO mungkin akan di salah gunakan adalah satu *genuine fear*, dengan izin, kerana sebelum ini pun kalau kita tengok dana PERKESO seperti juga dana lain-lain badan sosial, KWSP, Tabung Haji dan sebagainya pernah digunakan untuk tujuan selain daripada matlamat asal, dan dalam beberapa insiden untuk menyelamatkan syarikat-syarikat tertentu

■1850

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok dalam hal PERKESO ini, sekarang ini pun PERKESO telah memberi pinjaman kepada pihak-pihak tertentu. Itu sebagai satu pelaburan supaya ada pulangan balik. Sebenarnya, saya tidak ada butiran ke semua pinjaman yang diberi oleh PERKESO tetapi apa yang telah jadi pengetahuan umum kebelakangan ini ialah isu pinjaman RM800 juta, bukan RM1, RM2. RM800 juta yang dipinjamkan oleh PERKESO kepada 1MDB. Sekejap, sekejap, 2 *points* saja. Sebanyak RM800 *million* kepada 1MDB dan pinjaman ini masih belum dibayar balik oleh 1MDB.

Dalam isu ini satu sahaja saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi butir-butir mengenai pinjaman ini, terutama daripada segi pulangan kepadanya. Isu 1MDB Tuan Yang di-Pertua, sangat penting sekarang ini, *because of issue* kalau *default* yang *dispute* antara 1MDB dengan IPIC itu telah menimbulkan berkenaan dengan bayaran USD50.3 *million* telah menimbulkan *default*. Akan tetapi isu *default* ini mungkin akan *trigger cross default* dan CEO 1MDB sendiri telah mengaku bahawa *cross default* telah di *trigger* atas sukuk walaupun belum *trigger* atas pinjaman 1MDB.

Kerisauan saya ialah isu kalau kita tengok, ia ada lagi satu *provision, material adverse effect*, dengan izin, dan kemungkinannya ini akan *effect* RM800 *million*. Ini pada saya, isu seksyen 74A ini, pada saya, saya rasa tidak sebab-sebab logik kenapa perlunya seksyen 74A ini iaitu berkenaan dengan 74A.

Fasal kalau kita tengok dana PERKESO sekarang ini RM25 bilion. Itu satu. Isu yang kedua, dua saja isu saya. Isu yang kedua ialah pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 75A, cadangan untuk mentiadakan wakil dari Bank Negara, Daripada panel, daripada segi perwakilan Bank Negara. Kita telah mendengar penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri atas permintaan Bank Negara dan sebagainya. Sebenarnya, pada mulanya alasan yang diberi perwakilannya bertentangan dengan Akta *Central Bank of Malaysia* ini pada saya. Ini satu *point* saya.

Pada saya, alasan ini saya rasa tidak boleh diterima. Fasal kalau kita tengok daripada segi objektif panel pelaburan ialah untuk *prevent speculative investment* dan pada aspek ini kita perlu kepakaran. Kalau kita- ini pada pengetahuan saya, mungkin tersilap dalam isu ini. Pada pengetahuan saya, pengeluaran wakil dari Bank Negara pilihan Bank Negara, bukan yang diwajibkan. Ini terpulang pada Bank Negara, bukan yang diwajibkan oleh *Central Bank of Malaysia Act*. Kalau betul itu pilihan kepada pilihan Bank Negara dan saya mohon pada Bank Negara supaya mengekalkan wakil dia dalam ini. Akan tetapi kalau betul seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri akan berlaku *conflict of interest*, saya rasa ini pun susah hendak terima.

Fasal, kalau berlaku *conflict of interest* untuk wakil dari Bank Negara, kenapa pula tidak berlaku *conflict of interest* untuk wakil dari Kementerian Kewangan. Fasal dia pun mungkin akan timbul *conflict of interest*. So, ini dua saja isu. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh jawab. Satu, berkenaan dengan pinjaman-pinjaman yang diberi yang berlari daripada hasrat atau objektif asal. Kedua, panel pelaburan. Panel pelaburan kalau boleh kekal perwakilan dari Bank Negara.

Kalau perlu pinda mana-mana akta, kita pinda. Akhir sekali, satu lagi cadangan untuk Yang Berhormat Menteri, timbang saja, golongan *self-employed*. Fasal kalau kita tengok golongan *self-employed*, saya tadi cakap dua skim, satu *retirement scheme* dan satu skim perlindungan. *Retirement scheme*, saya ingat sebelum ini kita pernah *start* Skim 1Malaysia *Retirement Saving Scheme* tetapi saya pun tidak tahu sama ada skim itu masih ada atau tidak. Akan tetapi, kalau adapun itu *retirement scheme*. Yang saya cadang supaya golongan *self-employed* ini juga boleh *discover* oleh *social insurance*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan, sila.

6.56 ptg.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: *Assalamualaikum* Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan takziah kepada keluarga Diraja Perlis di atas kembalinya kakanda kepada Tuanku Raja Perlis iaitu Yang Amat Mulia Tengku Puteri Utama Datuk Seri Diraja Sharifah Salwa yang mangkat pagi tadi di Hospital Alor Setar. Semoga Allah menempatkan roh Almarhumah dengan orang-orang beriman, amin. Ini untuk pengetahuan Dewan dan direkodkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja ini. Tuan Yang di-Pertua, ringkas saja ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagus.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Ingin saya menyentuh beberapa fasal dan isu terkini yang saya kira penting dan memastikan kebajikan pekerja dan ahli keluarga mereka terjamin. Ini juga selaras dengan dasar kerajaan dalam mengorak langkah ke arah negara maju 2020 dan berpendapatan tinggi, dengan izin, *high nation income*. Maka, sudah pastilah kebajikan para pekerja yang menjadi tunjang dan tunggak negara diberi perhatian semaksimum mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, setelah sempat dianalisa, saya mendapati rang undang-undang ini yang mengandungi 12 fasal, melibatkan 8 seksyen sama ada dipinda ataupun ditambah peruntukan baru adalah bertujuan meningkatkan keupayaan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Antara pindaan yang dicadangkan oleh rang undang-undang ini memasukkan peruntukan bahawa semua pekerja hendaklah diinsuranskan tanpa mengira amaun gaji mereka tetapi menghadkan siling caruman faedah kepada RM4 ribu.

Pindaan ini saya sokong kerana hari ini pekerja bawahan dan kolar putih ini, termasuk yang terlibat dalam *3D job- dirty, dangerous dan difficult*, dengan izin, tidak dilindungi jika berlaku kemalangan semasa bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan turut meliputi perlindungan keselamatan sosial PERKESO pada golongan pekerja sendiri dan memberi kuasa kepada pertubuhan itu untuk melaksanakan apa-apa skim bagi melindungi pekerja yang kehilangan pekerjaan.

Ini kerana bekerja sendiri selalunya golongan ini jarang mencarum. Ini semua untuk kebajikan mereka jika ditimpa kemalangan kelak. Tuan Yang di-Pertua, selain itu pindaan berkenaan mencadangkan supaya wakil Bank Negara ditiadakan dalam Panel Pelaburan PERKESO bagi mengelak konflik kepentingan apabila pertubuhan itu berurusan dengan suatu perkara yang melibatkan bidang kuasa Bank Negara. Pindaan ini juga turut disokong bagi mengelakkan *conflict of interest* dan anggapan tidak baik jika wakil Bank Negara Malaysia turut disenaraikan dalam panel pelaburan, termasuk menjaga akauntabiliti PERKESO dan Bank Negara sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengajukan beberapa soalan pada Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Ringkas ya.

■1900

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Pertama, berapakah jumlah statistik kemalangan di tempat kerja termasuk kes kemalangan maut dan kecacatan kekal bagi tahun 2014 dan 2015? Malah, berapa jumlah kes kemalangan semasa pergi dan balik ke tempat kerja bagi dua tahun yang sama iaitu tahun 2014 dan tahun 2015?

Saya beranggapan jumlahnya agak serius. Maka, sudah wajarlah aspek perlindungan sosial ini diperluaskan kepada segenap lapisan pekerja di negara ini. Malah, cadangan ini merupakan manifestasi keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional terhadap kebajikan golongan pekerja di negara ini dan ia dijangka akan memberi manfaat langsung dalam bentuk nilai faedah perlindungan melalui PERKESO kepada tambahan pekerja-pekerja kira-kira setengah juta orang pekerja.

Saya ingin mencadangkan agar penasihat syariah diletakkan sebagai anggota panel pelaburan PERKESO bagi memantau aktiviti pelaburannya di mana kebanyakan pencarum terdiri daripada umat Islam yang amat mengambil berat soal haram dan halal.

Saya juga mencadangkan agar PERKESO mengkaji semula insurans pekerja yang dalam perjalanan ke tempat kerja atau pulang dari tempat kerja ke tempat tinggal yang kadangkala dilihat tidak memihak kepada pekerja. Bayangkan, kalau saya pekerja di kawasan 'A' dan mahu pulang ke kawasan 'B', dalam perjalanan ada kecemasan di kawasan 'C' dan saya terus melencong ke 'C'. Dalam perjalanan ini, saya pula ditimpa kemalangan. Akan tetapi bila kita pergi kepada PERKESO, mereka mengatakan mereka tidak boleh bayar dan tidak boleh buat tuntutan PERKESO kerana terkeluar daripada radar kawasan *coverage* PERKESO. Ini antara perkara-perkara yang perlu dilihat semula.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih Yang Berhormat. Sambung pula kepada Yang Berhormat Datuk Hajah Mariany. Sila.

7.02 mlm.

Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia kerana penggubalan Rang Undang-undang Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2015.

Dalam perbahasan ini, saya ingin menyentuh dua perkara dalam peruntukan rang undang-undang ini iaitu fasal 5 dan 6. Pertama, fasal 5 memberi kuasa dalam seksyen 72A Akta Ibu kepada PERKESO bagi menyediakan apa-apa pembiayaan atau apa-apa kemudahan kepada pegawai dan kakitangannya. Kedua, fasal 6 mengenai kuasa yang diperuntukkan atau diberikan oleh akta bagi suatu penubuhan dan pengambilan syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, kepentingan dan keupayaan para pegawai PERKESO adalah untuk memberikan layanan penyampaian awam yang terbaik dalam usaha kerajaan menjamin jaringan keselamatan sosial rakyat. Sebagai imbuhan ke atas kecemerlangan dan komitmen tinggi pegawai dan kakitangan PERKESO, saya berpendapat adalah bertepatan sekali insentif dan imbuhan dalam bentuk pemberian skim pinjaman perumahan, kenderaan atau apa-apa skim dan kemudahan yang boleh meningkatkan keupayaan moral pekerja PERKESO.

Dalam hubungan ini, saya ingin menegaskan agar semua pemberian skim pinjaman perumahan, kenderaan atau apa-apa skim kemudahan yang setaraf dengan kemudahan yang diperuntukkan kepada penjawat awam di Jabatan Perkhidmatan Awam dan bayaran emolumen atau elaun-elaun dan insentif prestasi tahunan diberikan mengikut merit dan pematuhan Arahan Perbendaharaan Persekutuan.

Di sini saya ingin mendapat perincian yang setara dengan JPA daripada kementerian tentang kemudahan-kemudahan yang telah dan sedang diberikan kepada pegawai dan kakitangan.

Saya juga ingin mencadangkan agar PERKESO memanjangkan skim pembiayaan dan pinjaman pelajaran boleh ubah kepada anak-anak pegawai dan kakitangan yang diberikan secara merit tertinggi agar manfaat, prestasi dan fungsi PERKESO dimartabatkan.

Dengan ini, saya ingin mendapat maklum balas tentang apakah perancangan PERKESO bagi membuat formulasi kemudahan-kemudahan pembiayaan atau kemudahan lain agar integriti pemberian tidak dipertikaikan oleh orang awam.

Saya juga ingin menyeru agar sebarang kemudahan pembiayaan atau kemudahan sosial lain dikaedahkan secara pentadbiran dengan mengikut tatacara dan aplikasi Perintah Kewangan Perbendaharaan yang sedang berkuat kuasa kini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi aktiviti penubuhan sesuatu syarikat dan pengambilalihan syarikat, saya ingin mendapatkan perincian sehingga akhir tahun 2015 tentang berapakah pelaburan kumpulan wang caruman bagi aset tak alih PERKESO dan pelaburan dalam ekuiti atau *medium term notes*, dengan izin, pasaran modal tempatan atau luar negara dan prestasi pelaburan PERKESO.

Sering kali apabila sesuatu pindaan bagi pemberian kuasa bagi entiti Kumpulan Wang Amanah Awam untuk menubuhkan syarikat dan terlibat dalam pengambilalihan syarikat atau pelaburan akan berlaku episod suka duka dan polemik politik yang selalu disensasikan. Pelbagai tuduhan tidak berasas dan fakta yang tidak tepat ditohmah kepada pimpinan negara.

Jadi, sesuaiilah dengan pindaan akta ini dalam fasal 6 di mana perlu mematuhi peraturan-peraturan Perbendaharaan. Kita juga mahukan prinsip *Integrity Pact* diaplikasikan dan sebarang penubuhan syarikat baru atau pengambilalihan syarikat.

Akhir sekali, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, semoga pindaan ini akan menjadikan PERKESO dapat melimpahkan lebih banyak manfaat kepada golongan pekerja yang dilindungi dan jaringan keselamatan masyarakat lebih bermakna.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Hajah Mariany, dan *last* sekali ialah Yang Berhormat Bathmavathy. Sila.

7.07 mlm.

Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan selamat petang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kebenaran untuk saya mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Akta Keselamatan Sosial Pekerja ini. Saya hanya akan menimbulkan dua perkara sahaja.

Satu ialah seksyen baru 74A itu yang memberi kuasa untuk menubuhkan atau mengambil alih syarikat. Dalam taklimat Yang Berhormat Menteri tadi, Yang Berhormat Menteri ada membuat rujukan kepada *Return to Work Program* yang dijalankan oleh SOCSO dan mungkin ada kaitan dengan syarikat ini yang disebutkan itu. Mungkin kalau ditubuhkan syarikat, syarikat itu boleh mengambil alih pengurusan. Sebagai contoh, *Return to Work Program* yang dikendalikan oleh SOCSO di Melaka itu.

Jadi berkenaan dengan *Return To Work Program*, ini satu program yang amat-amat baik, amat bagus untuk mengembalikan pekerja yang telah mengalami kecederaan dan menjadi OKU untuk kembali bekerja. Sejak diperkenalkan pada tahun 2007, statistik menunjukkan bahawa dari tahun 2007 hingga bulan Februari 2016, seramai 13,159 orang yang telah mengalami kecederaan itu dapat kembali bekerja dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Satu lagi isu yang ingin saya utarakan ialah kemalangan. Kemalangan seperti kata Yang Berhormat Menteri, kemalangan perindustrian dan kemalangan perjalanan, jumlah pada tahun 2015 ialah seramai 62,863 orang.

■1910

Ini hanya pencarum SOCSO sahaja tetapi kalau kita banding dengan kemalangan yang berlaku di jalan raya, kadar statistik untuk tahun 2014 yang melibatkan kereta dan motosikal, jumlah kemalangan jalan raya sebanyak 65,883. Jadi pada setiap tahun, terdapat ramai orang yang mengalami kecederaan yang akan mengakibatkan mereka menjadi seorang OKU. Program RTW ini yang diusahakan oleh SOCSO hanya untuk pekerja daripada pihak swasta sahaja buat masa ini.

Saya harap program ini juga dapat dipanjangkan kepada orang lain iaitu pekerja-pekerja yang bekerja dengan pihak awam, dengan kerajaan yang mengalami kecederaan tetapi mereka hanya menjalani pemulihan rawatan perubatan sahaja tetapi mereka tidak ada peluang untuk menjalani pemulihan dan *return to work training*.

Jadi saya harap pihak SOCSO, Kementerian Sumber Manusia akan mengambil saranan saya ini, untuk juga panjangkan kepada mereka di perkhidmatan awam. Saya rasa itu sahaja perbincangan saya kali ini. Sekian. Saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih banyak Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan. Dengan itu saya hendak beralih kepada yang lain pula. Minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila.

7.12 mlm.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi pihak Menteri dan Kementerian Sumber Manusia ingin mengucapkan terima kasih banyak kepada lima orang Ahli Yang Berhormat Senator yang membahaskan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2015 ini. Walaupun sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli Yang Berhormat kita cukup prihatin tentang nasib dan masa depan pekerja kita tetapi oleh sebab masa agak mencemburui kita, maka sebahagian mereka sahaja dapat membahaskan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada pembahas pertama iaitu Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff yang membangkitkan apakah had kiraan gaji maksimum bagi tujuan caruman Skim PERKESO ini. Jadi mengikut pindaan kepada Jadual Ketiga Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 Akta 4, pekerja yang menerima gaji yang amaunnya melebihi RM4,000 sebulan, had caruman yang dikenakan adalah setakat RM4,000 sebulan sahaja Yang Berhormat Senator.

Yang Berhormat juga memohon untuk penjelasan bagaimana PERKESO dapat menarik lebih ramai pekerja sendiri seperti peladang, petani, nelayan membuat caruman atau membuat satu mekanisme pelaksanaan secara CSR keuntungan pelaburan kepada semua bagi melindungi kumpulan pekerja sendiri ini.

Saya ucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff atas pandangan yang cukup baik ini bahkan saya kira sebahagian besar, keseluruhan kita bersetuju dan simpati dengan nasib pekerja-pekerja sendiri yang masih ramai di negara kita yang perlu kita bela. Bahkan perkara yang sama juga dibahaskan agak panjang lebar dalam Dewan Rakyat.

Jadi cadangan pindaan kepada seksyen 58 adalah untuk membolehkan skim *Self-Employed*, dengan izin, sebagai contoh peladang, petani dan juga lain-lain yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi yang bekerja sendiri ditadbir oleh PERKESO melalui *enabling clause*. Maknanya kita ada *clause* yang membolehkan kita membuat undang-undang lain bagi PERKESO untuk menggubal lain-lain peraturan untuk maksud skim tersebut.

Jadi saya ingat melalui pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat saya kira kementerian kita, PERKESO dan kerajaan cukup prihatin untuk melihat apakah cadangan-cadangan ataupun syor-syor yang boleh kita berikan bagi kita membolehkan satu masa nanti mungkin mereka yang bekerja sendiri ini dapat kita bela masa depan mereka.

Satu lagi yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff memohon pertimbangan dan kelulusan PERKESO agar satu Skim Perlindungan Sosial ke atas orang awam yang tidak mencarum terlibat dalam kes-kes kemalangan pekerjaan dan disiasat di bawah peruntukan Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan diadakan.

Peraturan 5 dan 7, Peraturan Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan, Penyakit Pekerjaan 2004 menggariskan tanggungjawab majikan dan orang bekerja sendiri untuk membuat pemberitahuan atau laporan mengenai kemalangan yang berlaku di tempat kerja ke Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

Dalam insiden yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, JKKP ataupun Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah menjalankan siasatan. Siasatan mendapati mangsa memasuki kawasan tersebut tanpa pengetahuan dan arahan sesiapa. Ladang diusahakan sendiri secara kecil-kecilan dan tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan pemilik ladang tidak mempunyai pekerja.

Berdasarkan perundangan sedia ada, PERKESO tidak dapat memanjangkan sebarang Skim Perlindungan Sosial kepada mangsa tersebut. Berhubung cadangan supaya PERKESO turut menerima orang awam yang tidak mencarum yang terlibat dalam kes-kes kemalangan pekerjaan, KSM ataupun PERKESO mengambil perhatian akan cadangan ini dan akan mengkaji dahulu model-model yang sesuai yang dilaksanakan di negara-negara lain. Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff.

Manakala Ahli Yang Berhormat yang kedua membahaskan rang undang-undang ini ialah Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah. Saya ucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah yang juga prihatin walaupun dia di pihak sana tetapi prihatin tentang pekerja ini. Kalau dapat bersama dengan kita, alangkah baiknya.

Mengenai pelaburan PERKESO dalam 1MDB. Pelaburan PERKESO adalah berdasarkan kepada garis panduan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Strategik pelaburan PERKESO adalah berdasarkan kepelbagaian pelaburan demi menjamin pulangan yang menguntungkan PERKESO.

Oleh itu, mengambil kira pulangan pelaburan yang menjamin pulangan yang baik, panel pelaburan PERKESO telah membuat keputusan melabur antara di dalam 1MDB RE atau *1MDB Real Estate* sebanyak RM800 juta dengan pulangan 0.014 peratus. Saya pun Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah kalau saya tengok pelaburan itu menguntungkan saya, saya akan cuba melabur kalau ada duit.

Pelaburan di bawah insurans ini memberi pulangan yang lebih baik berbanding dengan pelaburan pasaran wang ataupun, dengan izin, *money market*. Sehingga kini PERKESO telah menerima minimum amaun berjumlah RM113 juta sebagai bayaran faedah keuntungan pelaburan daripada pelaburan 1MDB RE dan bayaran pokok sebanyak RM49.7 juta yang membawa kepada bayaran yang telah diterima setakat ini adalah berjumlah RM163.02 juta.

Semua pelaburan PERKESO dilaksanakan setelah dipertimbangkan dan diluluskan oleh panel pelaburan PERKESO yang dianggotai oleh wakil-wakil majikan dan pekerja demi keamanan dana PERKESO. Pendekatan pelaburan PERKESO dilaksanakan dengan teliti dan memastikan *capital preservation*, dengan izin, sebagai keutamaan.

Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah sebenarnya mana-mana ahli lembaga atau panel-panel ini mereka juga mempunyai tanggungjawab, mempunyai *responsibility* untuk memastikan penglibatan mereka dalam panel atau pelabur-pelabur ini mesti memberikan keuntungan kepada pihak yang mereka wakili dan tidak berhasrat untuk menjahanamkan syarikat ataupun badan yang mereka libatkan diri.

■1920

Perkara yang berikutnya ialah yang juga disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah sama ada pengeluaran wakil Bank Negara Malaysia daripada panel pelaburan satu tindakan yang sepatutnya dikekalkan. Cadangan Yang Berhormat okey, memang Yang Berhormat cadang supaya dikekalkan.

Namun cadangan untuk mengeluarkan wakil Bank Negara Malaysia adalah atas nasihat dan permintaan oleh Bank Negara Malaysia sendiri. Sebagaimana surat bertarikh 12 Julai 2010, Bank Negara Malaysia sebagai sebuah *regulatory body*, dengan izin, berhubung perbankan dan hal ehwal kewangan memaklumkan bahawa perwakilan Bank Negara Malaysia dalam panel pelaburan ini akan menimbulkan *conflict of interest*, dengan izin.

Permintaan Bank Negara Malaysia ini bukan sahaja berlaku di PERKESO, tetapi juga telah dilaksanakan oleh badan berkanun yang lain. Saya rasa keikhlasan Bank Negara ini harus kita hargai. Kalau ikut mungkin kalau dia kata kalau ada *conflict of interest* tetapi juga dia duduk, kita nampak dia ada kepentingan peribadi. Jadi saya ingat, saya ucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat lain yang semua menyokong hal ini.

Perkara berikut cadangan untuk mengadakan seksyen baru iaitu seksyen 74A untuk menubuh atau mengambil alih syarikat adalah bertentangan dengan semangat Akta 4. Cadangan seksyen baru 74A bagi membolehkan PERKESO menubuhkan atau mengambil alih syarikat adalah untuk maksud perancangan keselamatan sosial di bawah Akta 4.

Oleh yang demikian, seksyen tersebut bukan bertujuan untuk maksud pelaburan kerana bagi tujuan pelaburan seksyen 71 yang sedia ada boleh digunakan oleh PERKESO, dengan syarat mendapatkan kelulusan daripada Panel Pelaburan Lembaga PERKESO, Menteri Sumber Manusia dan Menteri Kewangan sebelum sesuatu pelaburan dilaksanakan oleh PERKESO. Seksyen 74A adalah untuk membolehkan Pusat Rehabilitasi PERKESO di Melaka ditadbir urus secara efisien untuk faedah orang berinsurans khususnya dalam memberi latihan vokasional oleh syarikat yang akan mentadbirkan pusat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke pusat ini dan pusat ini cukup berkesan membina, membantu orang-orang yang ditimpa kemalangan dan mereka boleh *return to work*, dengan izin, boleh kembali bekerja. Jadi tujuan kita bukan hendak melabur dalam hal-hal lain, balak kah, lombong kah, tidak, tetapi perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan PERKESO, antaranya ialah pusat pemulihan ataupun rehabilitasi ini.

Tuan Yang di-Pertua saya pergi kepada Yang Berhormat yang ketiga iaitu Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan menimbulkan dua tiga perkara dalam membahaskan rang undang-undang ini. Pertamanya, jumlah kes kemalangan maut bagi tahun 2014, tahun 2015 dan kemalangan pergi balik, pergi dan balik kerja? Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan, jumlah kemalangan maut yang dilaporkan bagi tahun 2014 sebanyak 933 kes, manakala sebanyak 1,000 kes bagi tahun 2015.

Kemalangan di tempat kerja bagi tahun 2014 sebanyak 35,294 kes, manakala bagi tahun 2015 sebanyak 34,272 kes. Bagi kemalangan perjalanan pergi dan balik kerja untuk tahun 2014 sebanyak 28,037 kes, manakala bagi tahun 2015 sebanyak 28,519 kes. Kita tengok Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan, kemalangan ulang-alik bekerja ini agak meningkat sedikit. Oleh sebab itulah kita berikan kesedaran supaya pekerja-pekerja kita supaya mereka berhati-hati dalam pergi ulang-alik bekerja.

Berhubung dengan kajian semula definisi pergi dan balik kerja, berhubung kemalangan semasa perjalanan pergi dan balik kerja. Pada masa ini PERKESO memberi pertimbangan bagi kes-kes sedemikian walaupun terdapat lencongan dengan mengambil kira prinsip kemunasabahan dalam membuat keputusan untuk mengambil kes berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita mempunyai nilai-nilai kemanusiaan. Walaupun kadang-kadang mungkin ada sedikit berlaku kemalangan yang agak, kalau mungkin orang fikirkan di luar berulang alik kerja tetapi mungkin.

Kita ada panel tertentu yang menilai kemalangan ini. Cuma saya hendak sebut mungkin ada kes kadang-kadang berlaku di tempat kerja tetapi mungkin ada majikan yang takut untuk membayar denda dan sebagainya, dia mungkin mengatakan bahawa pekerja dia *accident* di tempat lain. Ini pun kita berikan perhatian supaya kita minta kalau ada kes-kes yang berlaku, datang kepada kita untuk berikan maklumat.

Tuan Yang di-Pertua tentang panel syariah. Saya ucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan kerana keprihatinan beliau tentang *investment* ataupun pelaburan PERKESO ini. PERKESO telah mengambil tindakan dalam meneliti *instrument* pelaburan dengan mengambil kira pelaburan patuh syariah. Untuk itu, PERKESO dalam tindakan melantik dua orang panel pegawai portfolio yang mempunyai sijil patuh syariah. *Insyah-Allah* Yang Berhormat, kita akan prihatin dengan keadaan ini.

Berikut ialah Yang Berhormat Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Beberapa isu juga ditimbulkan tentang membahaskan undang-undang ini.

Pertama ialah menyentuh tentang pindaan ke atas seksyen 72A Akta 4 yang mencadangkan agar PERKESO memanjangkan skim pembiayaan dan pinjaman pelajaran boleh ubah kepada anak-anak pegawai dan kakitangan yang diberikan secara merit tertinggi agar manfaat.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana sokongan untuk juga prihatin kepada petugas-petugas ataupun pegawai PERKESO menjalankan tanggungjawab yang cukup berat untuk membantu mangsa-mangsa kemalangan dan sebagainya atau orang berinsurans. Pegawai yang berkhidmat dengan PERKESO adalah tertakluk kepada Skim Perkhidmatan PERKESO dan sebagai sebuah agensi yang sentiasa menjaga kebajikan dan manfaat kepada anggotanya, PERKESO sentiasa berusaha agar syarat-syarat serta terma perkhidmatan ditambah baik dari semasa ke semasa. Ini termasuklah pembiayaan bagi anggota yang layak untuk menyambung pengajian masing-masing.

Sebarang pindaan kepada syarat dan terma perkhidmatan sedia ada hanyalah dilaksanakan setelah mendapat kelulusan lembaga dan Yang Berhormat Menteri dan pihak berkuasa yang berkaitan. Saya hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak program CSR, program sosial walaupun tidak melibatkan pekerja yang mencarum dengan SOCSO, tetapi SOCSO juga prihatin dengan masyarakat lain. Mereka juga menjalankan aktiviti-aktiviti CSR ataupun tanggungjawab sosial kepada masyarakat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai kuasa peruntukan atau diberikan oleh akta bagi sesuatu penubuhan dan pengambilan syarikat dan ingin mendapatkan perincian sehingga akhir tahun 2015. Dana PERKESO dilaburkan mengikut dasar dan garis panduan pelaburan selaras dengan Akta 4. Namun, terima kasih kerana Yang Berhormat prihatin hendak pastikan supaya integriti berlaku dalam pelaburan dan sebagainya. Jumlah pelaburan PERKESO sehingga Disember tahun 2015 adalah berjumlah RM23.4 bilion yang mana pecahan adalah seperti berikut:

- (i) pasaran bon dan wang PERKESO - RM19.5 bilion;
- (ii) ekuiti - RM3.78 bilion;
- (iii) pelaburan di dalam negara - RM22.56 million;
- (iv) pelaburan di luar negara - RM823.67 million.

Dana dan pelaburan PERKESO ini ditadbir dengan telus dan berdasarkan mandat Kementerian Kewangan. Keputusan melibatkan pelaburan perlu melalui panel pelaburan yang terdiri daripada wakil *tripartite* iaitu pekerja syarikat kerajaan dan pakar-pakar dalam bidang pelaburan. Terima kasih Yang Berhormat.

Bagi yang kelima ialah soalan ataupun perbahasan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan yang menyebutkan beberapa perkara. Pertama mencadangkan supaya program *Return to Work*, dengan izin, dipanjangkan kepada sektor awam. Kementerian mengambil perhatian akan cadangan yang baik ini. Perbincangan perlu diadakan dengan agensi pusat berhubung dengan cadangan ini. Terima kasih Yang Berhormat. Kedua ialah program *Return to Work* disarankan untuk dipanjangkan, sama. Ini satu soalan. Terima kasih Yang Berhormat.

Saya ingat Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja soalan ataupun perbahasan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator pada petang ini dalam membahaskan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2015. Saya bagi pihak Menteri, Kementerian Sumber Manusia dan seluruh pegawai di kementerian mengucapkan jutaan terima kasih banyak kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja ini.

Sesungguhnya, kementerian menghargai kesemua pandangan, saranan, cadangan mahupun teguran Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut dan jika ada, panjangkanlah kepada kami demi kita membela masa depan pekerja dan masyarakat di negara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1930

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia. Jawapannya panjang dan padat dan kita berterima kasih atas jawapan yang tepat.

Seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa saya amat berterima kasih mendapat sokongan daripada anda sekalian. Hingga akhir ini, pejuang-pejuang bangsa ini, Ahli-ahli Senator ini sanggup ada dalam Dewan ini. Hebat sungguh Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator, hebat sungguh *[Tepuk]* Ada, hebat. Ha ini dikatakan pejuang-pejuang bangsa kita dan hinggakan kita punya presiden baru pun ada nampaknya. Dia pun ada, tahniah untuk dia *[Tepuk]* Dan saya rasa paling senang hati kepada sahabat-sahabat kita yang majoriti ini dapat baca perjuangan kita ini. Jadi bak kata pejuang-pejuang, anak Malaysia memang bijak. Semangatnya kental, lalu disanjung. Harapan saya, di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung *[Tepuk]*

Itulah, saya rasa sekali lagilah saya rasa ucapan terima kasih. Jikalau ada kelemahan saya, minta maaf. Kalau lebih, itu ialah rezeki daripada Allah Taala dan saya senang hati. Inilah kali pertama saya. Kenapakah saya berjaya? Sebab sokongan anda sekalian. Ha itu dia dan jadi sekali lagi maaf zahir batin, kalau kita rasa senang *we work as a team*. Di mana kamu pijak, di situ langit dijunjung. Ya, itu dia.

*Kalau ada sumur di ladang,
Izinkan saya menumpang mandi,
Jikalau kita umur panjang,
Esok lusa kita jumpa lagi [Tepuk]*

Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan. Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.36 malam.]